

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pendahuluan

Islam merupakan satu-satunya agama yang diredai oleh Allah SWT. Agama Islam diturunkan kepada umat manusia bagi memelihara kemaslahatan manusia yang merangkumi lima perkara (*masalih al-khamsah*) iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Inisipati yang terkandung dalam agama Islam difahami juga sebagai tujuan Syariah (*maqasid al-Syari'ah*). Allah SWT berfirman;

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ^١ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ^٢ وَمَنْ يَكْفُرْ
بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٦﴾

Bermaksud:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada di kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya”¹

¹ Al-Qur'an dan terjemahannya, Surah Ali 'Imran (3) :19. Kesemua terjemahan al-Qur'an yang terdapat dalam kajian ini adalah berdasarkan terjemahan Al-Qur'an Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007), Yayasan Restu: Kuala Lumpur.

Dan dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman;

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Bermaksud;

*“Dan sesiapa yang mencari ugama selain daripada ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.”*²

Satu lagi prinsip utama agama Islam adalah tiadanya paksaan dalam beragama. Agama yang dianuti oleh seseorang seharusnya datang disebabkan oleh kesedaran, kefahaman dan keyakinan dalam hati dan bukannya secara paksaan atau arahan daripada sesiapa atau mana-mana pihak. Al-Qur’an menyebutkan hal ini secara jelas dengan firman Allah SWT;

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۗ

Bermaksud;

“Tiada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kekufuran)”.³

² Surah Ali ‘Imran (3) : 85

³ Surah al-Baqarah (2) :256

Walaupun setiap manusia yang wujud di atas muka bumi ini merupakan makhluk yang dicipta oleh Allah SWT, akan tetapi Dia tidak memaksa manusia untuk memeluk agama Islam kerana paksaan boleh mengakibatkan kesan-kesan negatif seperti persengketaan, permusuhan dan rasa tidak puas hati yang semua ini boleh mendorong berlakunya implikasi yang jauh lebih besar seperti pergaduhan dan peperangan. Kalangan penganut agama Samawi mempercayai bahawa seluruh alam ini adalah ciptaan Allah SWT dan merangkumi kejadian manusia dalam keadaan manusia itu berbilang bangsa, keturunan dan warna kulit. Sebagaimana hukum alam yang lain, manusia dijadikan berpasang-pasangan bagi memastikan kelangsungan hidup bergenerasi sehingga ke akhirnya.

Keputusan untuk memeluk agama Islam adalah hak individu dan agama Islam tidak mengandungi unsur paksaan dalam hal beragama. Walau bagaimanapun, secara umumnya dalam konteks sebuah negara yang terdiri daripada penduduk berbilang bangsa dan agama, menjadi suatu keperluan untuk mewujudkan undang-undang khusus oleh pihak pemerintah mengenai pemeluk agama.

Perkara ini diasaskan kepada perintah daripada Allah SWT yang mewajibkan orang-orang Islam untuk berbuat kebajikan dan melaksanakan keadilan kepada semua manusia sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Qur'an;

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُوا
مِن دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

﴿۸﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلْتُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ
 مِّن دِيَارِكُمْ وَظَهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ
 فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿۹﴾

Bermaksud;

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah,) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang yang zalim.”⁴

Berdasarkan kepada konsep perhubungan yang diperuntukkan oleh agama Islam, jika dibandingkan dengan realiti pada hari ini, amalan yang dilakukan oleh kebanyakan negara lebih memberi keutamaan kepada golongan peribumi atau bumiputera yang biasanya merupakan golongan majoriti dalam mana-mana negara. Rentetan daripada keadaan ini maka golongan yang bertukar kepada agama Islam jarang mendapat tempat perbincangan menurut perspektif perundangan. Apatah lagi untuk membuat peruntukan-peruntukan khusus bagi menentukan status mereka dari sudut undang-undang. Dan penggubalan undang-undang yang sewajarnya berfungsi untuk mengurus hal-hal yang bersangkutan dengan pemelukan agama Islam.

⁴ Surah al-Mumtahanah (60): 8-9.

Pada pengamatan penulis, keciciran yang berlaku ini adalah disebabkan pihak-pihak yang terlibat dengan penggubalan undang-undang tidak memberi perhatian yang serius kepada isu-isu yang berkaitan dengan pemeluk agama Islam disebabkan mereka beranggapan pertukaran agama kepada agama Islam tidak akan mengakibatkan sebarang masalah, terutamanya dari sudut undang-undang.

1.1 Latar Belakang Kajian

Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman⁵, sekitar abad ke-11 Masehi sehingga awal abad ke-14 Masehi merupakan zaman penyebaran dan pengembangan Islam di gugusan kepulauan Melayu termasuk negara Brunei Darussalam. Penyebaran dan pengembangan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kegiatan perdagangan yang dilakukan oleh pedagang dari Arab, Parsi, India dan Cina. Seterusnya menurut Pengiran Mohammad, situasi, bentuk dan kesan kemasukan Islam mempunyai perbezaan antara satu tempat dengan tempat yang lain walaupun ia sama-sama berlaku di sekitar alam Nusantara. Contohnya, Pasai menerima Islam sebagai asas kepada pembentukan sebuah kerajaan Islam, berbanding dengan negara Brunei Darussalam yang menerima Islam secara beransur-ansur yang bermula di kalangan rakyat biasa. Menurut beliau lagi, penyebaran agama Islam di negara Brunei Darussalam secara tidak rasmi setidak-tidaknya telah mula berlaku pada tahun 1264.

⁵ Pengiran Dr.Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman (1992), *Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei:Dewan Bahasa dan Pustaka, h.58.

Islam mula bertapak kukuh di negara Brunei Darussalam dan tersebar secara meluas di kalangan penduduk tempatan apabila agama ini dianuti oleh Raja Brunei bernama Awang Alak Betatar yang kemudiannya dikenali sebagai Sultan Muhammad. Pengislaman baginda Sultan Muhammad inilah yang kemudiannya telah menjadikan negara Brunei Darussalam diiktiraf sebagai sebuah negara Islam di dunia ini.⁶

Syarif Ali dari keturunan Baginda Rasulullah SAW melalui salah satu cucunda Baginda sama ada Sayyidina Hasan atau Sayyidina Husain dikatakan telah memainkan peranan yang penting dalam pengislaman baginda Raja Brunei. Selain beliau berjaya mengislamkan ketua negara Brunei Darussalam, Syarif Ali turut dikatakan sebagai orang yang bertanggungjawab dalam menyebarkan dan mengukuhkan agama Islam di negara Brunei Darussalam. Perkahwinan beliau dengan puteri Raja Brunei telah memberi laluan kepada beliau untuk diangkat sebagai Sultan Negara Brunei Darussalam yang ketiga. Dengan ilmu agama, kebolehan dan kemahiran dalam pentadbiran yang dimilikinya, Syarif Ali mampu memainkan peranannya dengan baik sebagai ketua negara termasuklah dalam melaksanakan syariat Islam dalam sistem pemerintahannya.⁷

Sebagaimana negara-negara lain di rantau ini, negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari menerima campur tangan Inggeris dalam hal-hal pentadbiran, perundangan dan kehakiman. Negara Brunei Darussalam mula mempunyai hubungan rasmi dengan Inggeris pada tahun 1847 dan menerima Residen Inggeris pada tahun 1906

⁶ *Ibid.*, h. 68-69.

⁷ Pengiran D.S.S. Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman (2005), "Kemasukan Islam Ke Brunei Darussalam Dan Undang-Undangannya", dalam Dato Haji Metussin bin Haji Baki (ed), *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam, hh.19-21.

bersama termeterainya beberapa perjanjian. Perjanjian itu dikenali sebagai Perjanjian 1856 dan 1888 yang antara lain mengandungi keizinan kepada pihak Inggeris untuk memberi nasihat berkenaan pentadbiran dan hal-ehwal undang-undang dalam negara Brunei Darussalam.⁸

Sebagai usaha untuk mengurus pelaksanaan Undang-undang Islam di negara Brunei Darussalam, Majlis Mesyuarat Negeri telah menggubal beberapa enakmen-mengenai pentadbiran Undang-undang Islam. Antaranya pada tahun 1911 Majlis telah meluluskan “*Muhammadans Laws*” sebagai Enakmen Undang-undang Agama Islam. Kemudian pada tahun 1913 undang-undang berkaitan nikah cerai orang-orang Islam telah digubal dan dikenali sebagai “*Muhammadan Marriages and Divorce Enactment*”. Undang-undang terakhir yang digubal dan berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam sebelum wujudnya Perlembagaan Negeri Brunei 1959 ialah Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi yang digubal pada tahun 1955.⁹

Apabila negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, ia telah menjadikan Perlembagaan yang digubal sebagai asas pemerintahan negara. Perlembagaan negara turut memperuntukkan artikel berkenaan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan Sultan sebagai Ketua Ugama. Kedudukan agama Islam dan Sultan kekal sebagaimana ia mula-mula diperuntukkan walaupun undang-undang utama ini mengalami beberapa kali pindaan. Antara peruntukan yang menjelaskan kedudukan ini

⁸ Prof. Dato Dr Haji Mahmud Saedon Awang Othman (1996), *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 26.

⁹ *Ibid.*, h. 30. Lihat S.8, *Enactment No: 1 of 1912, Law of Brunei 1906-1930 & Enactment No: 2 of 1913, Law of Brunei 1906-1930*.

ialah Bab 3(1) mengenai agama Islam sebagai agama rasmi, Bab 3(2) berkenaan Sultan sebagai Ketua Ugama, Bab 3(3) berhubung peranan dan fungsi Majlis Ugama Islam dan Bab 4(4) mengenai kuasa Sultan membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam.¹⁰

Peruntukan ini telah memberi kedudukan yang istimewa kepada agama Islam sebagai agama rasmi bagi negara Brunei Darussalam, tetapi ini tidak bermaksud bahawa negara ini telah menjadikan Undang-undang Islam sebagai undang-undang tertinggi negara dan semua undang-undang yang berkuat kuasa sesuai dengan kehendak hukum syarak. Perkara ini ada dijelaskan oleh Prof. Dato Dr Haji Mahmud Saedon Awang Othman,

“Jika kita ingin memastikan semua undang-undang yang sedang dan akan berkuatkuasa di Brunei Darussalam sesuai dengan kehendak Islam dan kita ingin melihat pelaksanaan sepenuhnya undang-undang Islam maka peruntukan tegas dan jelas mengenainya dalam perlembagaan perlu diadakan, seperti peruntukan berbunyi : Islam adalah sumber utama undang-undang Negara Brunei Darussalam. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya adalah terbatal setakat mana ia bercanggah.” Peruntukan seperti ini akan memastikan hasrat dan dasar kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengenai penghayatan nilai-nilai Islam dan perlaksanaannya melalui undang-undang akan tercapai terlaksana.”¹¹

¹⁰ Bab 3, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

¹¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1996), *op. cit.*, h. 45-46.

Berkenaan pemelukan agama Islam (*conversion to Islam*) secara khususnya, ia tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan Brunei, tetapi diperuntukkan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 (AMUIDMMK).¹² Secara umum akta ini merupakan akta yang menyatukan undang-undang yang ditadbir oleh Mahkamah Kadi dan juga bagi membolehkan penubuhan institusi-institusi yang mengurus dan mentadbir perjalanan agama Islam di Brunei.¹³ Antara ciri utama akta ini ialah merangkumi undang-undang substantif yang berkaitan dengan kekeluargaan, jenayah Islam, mualaf, murtad, wakaf, wasiat, prosedur, keterangan, kesalahan jenayah Syariah dan lain-lain lagi. Salah satu perkara yang penting yang perlu dinyatakan dalam kajian ini ialah AMUIDMMK ini wujud sebelum termaktubnya Undang-undang Perlembagaan Brunei.

Akta ini kemudiannya telah mengalami beberapa pindaan apabila tertubuhnya Mahkamah-Mahkamah Syariah pada 26 Mac 2001 melalui satu akta yang dinamakan sebagai Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998 (PDMMS).¹⁴ Beberapa peruntukan yang terkandung dalam AMUIDMMK tersebut telah dimansuhkan dan sebahagiannya masih lagi terpakai dan berkuat kuasa.¹⁵ Antara peruntukan yang masih terpakai dan berkuat kuasa adalah berkenaan pemelukan Islam yang kandungannya

¹² Lihat Bahagian VIII (Orang-Orang Mualaf) dalam A.M.U.I & M.M.K, Penggal 77.

¹³ Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar (2005), "Perkembangan Kehakiman dan Mahkamah Syariah Di Brunei Sejak Tahun 1955 Hingga Sekarang", dalam Dato Haji Metussin bin Haji Baki (ed), *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam, h. 134.

¹⁴ Perintah ini sekarang disebut sebagai 'Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah : Penggal 184'.

¹⁵ Antara bab-bab yang telah dimansuhkan oleh Akta Penggal 184 ialah Bab 45,46,47,48,49 50A,51,52,53,54,55,68,75,94 dan 198 dari Akta Penggal 77.

sangat ringkas dan kurang jelas. Manakala peruntukan yang menyentuh hal-hal kekeluargaan telah dimansuh dan digantikan dengan PDUUKI¹⁶

Di negara Brunei Darussalam, pemelukan seorang bukan Islam kepada agama Islam akan mengakibatkan implikasi perundangan, apatah lagi negara ini mengamalkan sistem perundangan dualisme. Sehubungan itu, apabila pemelukan agama Islam melibatkan salah seorang daripada pasangan suami isteri, ia akan memberi kesan perundangan terutamanya dari aspek kekeluargaan. Permasalahan berkenaan pemelukan agama Islam di negara Brunei Darussalam akan melibatkan beberapa undang-undang antaranya Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 dan Perintah (Undang-undang Keluarga Islam) 1999. Selain daripada undang-undang substantif Islam di Brunei yang terpakai untuk menguruskan hal pemelukan agama Islam ini, statut berkaitan yang digunakan oleh Mahkamah Sivil juga akan turut terlibat, terutamanya undang-undang yang menyentuh hal-hal kekeluargaan (*personal law*).

Dari sudut realiti yang berlaku, pada hemat penulis, kes yang direkodkan oleh Mahkamah Syariah berkaitan pemelukan agama Islam di kalangan individu bukan Islam di negara Brunei Darussalam tidak banyak tetapi keadaannya rumit kerana ia mengakibatkan konflik perundangan. Perkara ini seharusnya diambil perhatian secara serius oleh setiap pihak yang berkaitan. Ini kerana berdasarkan kepada statistik yang ada, jumlah yang memeluk agama Islam di kalangan orang bukan Islam di negara Brunei Darussalam setiap tahun berlaku peningkatan. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh

¹⁶ Lihat Bab 146 Perintah Darurat (Undang-undang Keluarga Islam),1999.

Pusat Dakwah Islamiah , Kementerian Hal-Ehwal Ugama Brunei, seramai 13,919 orang telah memeluk agama Islam sejak tahun 1971 sehingga September 2008. Jumlah ini termasuk 243 orang yang memeluk agama Islam di antara Januari 2008 sehingga Julai 2008.¹⁷

Manakala dari sudut keberkesanan fungsi Pusat Dakwah Islamiah (PDI), peningkatan jumlah yang amat ketara dan memberangsangkan ini menunjukkan PDI sangat berjaya melaksanakan fungsinya sebagai salah satu institusi yang diamanahkan oleh pihak kerajaan dalam menyebarkan agama Islam di negara ini.

Selanjutnya pada pandangan penulis, fenomena peningkatan pemelukan agama Islam di negara Brunei Darussalam, sudah tentu menimbulkan persoalan yang menyentuh pemakaian undang-undang berkaitan oleh Mahkamah Syariah dan amalannya. Undang-undang yang berkaitan ini termasuklah yang melibatkan proses serta prosedur yang perlu dilalui oleh seseorang untuk memeluk agama Islam.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, bagi pasangan yang telah berkahwin dan mempunyai anak, berkemungkinan besar akan berhadapan dengan masalah-masalah dan kekangan dari sudut perundangan yang terpakai dan diamalkan di negara ini. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti permasalahan-permasalahan yang timbul dan ia mempunyai nilai dan justifikasi dari aspek perundangan.

¹⁷ Borneo Buletin, Tuesday, 2 September 2008, "13,919 Converts Have Embraced Islam Nationwide" h. 10. Lihat juga Lampiran 'A'..

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Dalam kajian ini, penulis akan membincangkan beberapa persoalan dan isu-isu utama dan penting yang berbangkit khususnya yang berkaitan dari aspek perundangan yang ada di negara ini, antaranya:

(1) Peruntukan bagi orang bukan Islam yang hendak memeluk agama Islam dan keluar dari agama Islam hanya diperuntukkan dalam AMUIDMMK, Penggal 77. Pada pengamatan penulis peruntukan yang terkandung amat ringkas. Dengan kandungannya yang amat ringkas, banyak perkara yang berkaitan pemelukan agama Islam yang tidak dapat diurus dengan kemas. Ini termasuklah proses dan prosedur yang perlu dilalui sebelum seorang yang memeluk Islam dapat didaftar sebagai seorang yang beragama Islam. Amalan yang berlaku pada hari ini, seseorang yang telah memeluk agama Islam akan diminta untuk hadir ke mahkamah bagi tujuan pengesahan terhadap pemelukan tersebut dengan cara menyedia dan menyerahkan notis bagi tindakan susulan oleh pihak mahkamah dan ia perlu disokong dengan affidavit.

(2) Terdapat juga peruntukan yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai *ultra vires* dengan kehendak hukum Syarak. Contohnya peruntukan yang menetapkan umur minimum kepada kanak-kanak bagi membenarkannya untuk memeluk agama Islam. Kanak-kanak yang berada di bawah umur 14 tahun 7 bulan tidak dibenarkan untuk memeluk agama Islam dan pemelukan yang

dilakukannya hendaklah dianggap sebagai masih belum memeluk agama Islam.¹⁸ Peruntukan ini telah mengundang banyak persoalan yang memerlukan penjelasan, khususnya berhubung penentuan status kanak-kanak terbabit.

(3) Berlaku konflik kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam memutuskan pertikaian berhubung status agama si mati. Sebenarnya mengikut melalui kajian awal, tidak ada pihak-pihak yang berkaitan berinisiatif mengambil tanggungjawab untuk memberi perhatian yang sewajarnya apabila isu-isu seperti ini timbul seperti Majlis Ugama Islam (MUIB) yang mempunyai bidang kuasa untuk membawa kes seumpama ini ke mahkamah.

Berdasarkan kepada observasi dan pengalaman penulis sebagai sebahagian daripada kalangan yang terlibat dalam amalan undang-undang di negara ini, MUIB belum pernah menguruskan permasalahan seumpamanya. Disamping itu, terdapat pula pengalaman iaitu mahkamah telah membuat tindakan yang bersifat defensif dengan menyatakan bahawa mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa. Tindakan ini telah menafikan kepentingan pihak-pihak yang terlibat tanpa mendapat sebarang remedi yang sewajarnya. Perkara ini akan terus berlaku jika dibiarkan tanpa pengambilan sebarang tindakan wajar, dan hak waris si mati tidak dapat dilindungi dan dipertahankan selagi tidak ditentukan mahkamah mana yang kompeten dan berbidang kuasa untuk menguruskannya.

¹⁸ Lihat Bab 167 (5) Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

(4) PDUUKI, telah memperuntukkan secara jelas berhubung pengenalan undang-undang (*application of law*) yang dikenakan kepada pihak yang beragama Islam dalam keadaan terdapat pihak bukan beragama Islam dalam satu-satu tuntutan yang telah berkahwin di bawah undang-undang sivil. Undang-undang juga memberi bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar seterusnya memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding dalam keadaan di atas, salah satu pihak menganut agama Islam.¹⁹ Menjadi persoalan untuk melihat sama ada undang-undang yang ada mampu memberi jaminan kepada Mahkamah Syariah sebagai mahkamah yang mempunyai autoriti untuk membicarakan tuntutan yang melibatkan pihak yang tidak beragama Islam.

(5) Terdapat juga permasalahan yang berkaitan dengan tempoh minimum pensabitan nasab seseorang anak yang dilahirkan dalam satu-satu perkahwinan dalam keadaan perkahwinan tersebut didaftar menurut undang-undang sivil. Tempoh minimum pensabitan anak menurut undang-undang sivil tidak sama dengan yang diperuntukkan oleh hukum Syarak yang memberi implikasi kepada kedudukan anak tersebut yang akan memberi kedudukan sebagai anak tak sah taraf. Ini berlaku apabila kedua-dua ibu bapa anak tersebut mengambil keputusan untuk memeluk agama Islam. Amalan yang berlaku di Brunei, Mahkamah Syariah akan merujuk kepada fatwa untuk membuat keputusan tertentu. Keadaan ini menyebabkan wujudnya keperluan untuk membincangkan sejauh mana fatwa-fatwa yang dijadikan sebagai rujukan, sekali gus keputusan berkenaan adalah bertepatan dengan hukum Syarak.

¹⁹ Lihat Bab 5 (1) & (2) Perintah Darurat (Undang-undang Keluarga Islam), 1999.

Bertitik tolak dari permasalahan yang berlaku ini, berkaitan pemelukan agama Islam yang berlaku di negara Brunei Darussalam, penulis akan membuat penyelidikan dari aspek perundangan dan amalan penghakiman. Ia kajian yang sangat penting demi *masalah* masyarakat Islam di negara ini. Selain untuk memelihara kebajikan dan kemaslahatan umat Islam di negara ini, perkara ini sangat penting kerana ia melibatkan kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah, kredibiliti institusi kehakiman serta kemampuan Undang-undang Islam yang ada untuk melaksanakan peranannya.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan permasalahan sebenar berhubung dengan pemelukan agama Islam di negara Brunei Darussalam. Secara khususnya adalah untuk;

- (1) Menganalisis semua undang-undang yang terpakai mengenai pemelukan agama Islam di Brunei Darussalam.
- (2) Melihat pelaksanaan terhadap pengurusan dan juga prosedur-prosedur yang perlu dilalui oleh seseorang yang mengambil keputusan untuk memeluk agama Islam di negara Brunei Darussalam.
- (3) Mengetahui masalah-masalah yang dihadapi apabila seseorang bukan Islam membuat keputusan untuk memeluk agama Islam.
- (4) Mengemukakan cadangan yang difikir sesuai bagi masalah-masalah yang tidak dapat ditangani oleh undang-undang yang sedia ada dan juga pihak-pihak berkaitan yang bertanggungjawab. Dalam hal ini, penulis memilih

negara Malaysia sebagai rujukan dan perbandingan dalam mencari penyelesaian yang boleh dicadangkan.

1.4 Kepentingan Kajian

- (1) Menjelaskan prosedur sebenar dalam proses pemeluk agama Islam menurut kehendak undang-undang.
- (2) Mengenal pasti isu-isu atau permasalahan yang wujud yang sering berlaku dalam melaksanakan peruntukan undang-undang yang ada.
- (3) Membantu pihak-pihak berwajib, pembuat dasar dan perundangan untuk menambah baik kepincangan yang wujud pada sistem perundangan yang ada.
- (4) Memberi cadangan penyelesaian terutamanya dari sudut perundangan kepada masalah-masalah yang biasanya berlaku berhubung dengan proses pemeluk agama Islam oleh satu-satu individu bukan Islam yang berhasrat untuk memeluk agama Islam.
- (5) Kajian ini merupakan penyelidikan rintisan bagi negara Brunei Darussalam, ia membuka pintu kepada kajian-kajian lanjutan seterusnya untuk dilaksanakan.

1.5 Skop Kajian

Penulis akan memberi tumpuan kepada undang-undang yang terlibat iaitu Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 dan Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 serta pemakaiannya terhadap kes-kes yang telah diputuskan samada dilaporkan mahupun yang tidak dilaporkan (*unreported cases*). Oleh sebab penulis memilih metode perbandingan dalam melaksanakan kajian ini, maka penulis juga akan memberi tumpuan kepada undang-undang dan pemakaian kes-kes yang telah diputuskan di Malaysia. Dan yang paling penting, ruang lingkup kajian terhadap isu pemelukan agama Islam yang dilihat dari perspektif undang-undang di negara Brunei Darussalam, akan hanya diteliti dari sudut proses pemelukan dan juga kesan yang melibatkan hal-hal kekeluargaan (*personal laws*).

1.6 Sorotan Literatur

Penyelidikan mengenai isu-isu pemelukan agama Islam di Brunei yang dibincang dari perspektif undang-undang dan kehakiman sehingga kini masih belum dilakukan. Penyelidikan-penyelidikan yang menyentuh soal pemelukan agama Islam yang berlaku di negara Brunei Darussalam sebelum ini hanya setakat dalam ruang lingkup sejarah kemasukan agama Islam, penyebaran dan penghayatan serta amalannya di negara ini.

Kajian bertajuk “*Konversi Beragama Dalam Sejarah Islam (Kasus Masa Mekah 610-622M)*”²⁰ yang dihasilkan oleh Muh. Tasril membincangkan tentang faktor-faktor yang mendorong berlakunya pemeluk Islam di kalangan warga kota Mekah Mukarramah. Beliau mendakwa bahawa perbincangan mengenai proses pemeluk agama Islam tidak mendapat tempat di kalangan para pengkaji sejarah dan perkembangan agama Islam sehingga tidak terdapat hasil karya yang benar-benar berautoriti dan mencapai standard yang sepatutnya. Hasil karya beliau merupakan usaha untuk mendapatkan penjelasan berkenaan faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya pemeluk agama Islam secara orang-perseorangan dan kolektif di kota suci tersebut.

Sejarah dan latar belakang pemeluk agama Islam di negara Brunei Darussalam telah dibincangkan oleh Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam bukunya yang bertajuk “*Brunei Sebuah Negara Islam : Latar Belakang Keislamannya*” dan Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd.Rahman dalam bukunya bertajuk “*Islam Di Brunei Darussalam*”²¹.

Hasil-hasil karya di atas menjelaskan berkenaan latar belakang dan sejarah kedatangan serta perkembangan agama Islam di negara Brunei Darussalam termasuklah juga peranan negara ini dalam proses penyebaran agama Islam di alam Nusantara, yang dijelaskan secara deskriptif.

²⁰ Muh. Tasril (2002), “Konversi Beragama Dalam Sejarah Islam (Kasus Masa Mekah 610-622M)”, *Al-Tahrir (Jurnal Pemikiran Islam)*, Vol.2 No 2, Julai 2002, hh. 163-178.

²¹ Pengiran Dr.Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selain itu, penyelidikan secara komparatif juga turut dilakukan, iaitu dengan membandingkan bentuk pemerintahan Islam pada zaman Baginda Rasulullah SAW dengan cara pemerintahan Islam yang dilaksanakan pada zaman Kesultanan Melayu Brunei sejak enam abad yang lalu sehingga awal abad ke-21. Tujuan penyelidikan tersebut adalah untuk memastikan sejauh mana pemerintahan Islam dapat dilaksanakan di negara Brunei dengan menjadikan pemerintahan Rasulullah SAW sebagai asas pertimbangan.

Berbanding negara Brunei Darussalam, Malaysia telah banyak menghasilkan penyelidikan yang berkaitan pemelukan agama Islam dari aspek perundangan dan kehakiman yang dilakukan oleh kalangan sarjana perundangan. Di Malaysia, penyelidikan ini dilakukan antaranya dari perspektif Perlembagaan dan undang-undang Malaysia secara umum, kesannya dari sudut undang-undang keluarga dan pemelukan Islam kanak-kanak.

Penyelidikan berkenaan pemelukan agama Islam dari perspektif undang-undang di Malaysia dan Perlembagaan telah dihasilkan oleh Suwaid b. Tapah yang bertajuk "*Pemelukan Islam: Perbincangan daripada Perspektif Undang-undang di Malaysia*"²² dan juga Shamrahayu A. Aziz bertajuk, "*Islam As The Religion Of The Malaysia Federation : The Scope And Implications*".

²² Suwaid bin Tapah (1996), "Pemelukan Islam:Perbincangan daripada Perspektif Undang-undang di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 4, 1996, h. 107; Shamrahayu A. Aziz (2006), "Islam As The Religion Of The Malaysia Federation : The Scope And Implications", *Law Journal*, Vol 14 No.1, 2006, h.33.

Kedua-dua hasil karya ini memberi fokus pemelukan agama Islam dari aspek kebebasan beragama sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan, juga dari aspek tafsiran dan realitinya di Malaysia. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan turut dibincangkan untuk melihat kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan juga kedudukan Undang-undang Islam yang diamalkan di Malaysia. Hasil penyelidikan mendapati terdapatnya pertentangan (*contradict*) tentang kerangka umum perlembagaan mengenai Islam dan kes-kes mahkamah yang tidak seragam dan berkonflik antara satu sama lain. Karya-karya ini turut menjelaskan tentang had kebebasan beragama menurut peruntukan Perlembagaan termasuklah dari aspek proses dan prosedurnya.

Tindakan mana-mana individu untuk keluar dari agama Islam juga dibincangkan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang ada dan juga dengan melihat kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh kedua-dua Mahkamah Syariah dan juga sivil.

Hasil tulisan Hamid Jusoh yang bertajuk “*Kedudukan Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-Kes Konversi Dalam Undang-Undang Keluarga*”²³, merupakan antara perbincangan mengenai pemelukan agama Islam yang dilihat secara bersama iaitu Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang keluarga. Ia pemerhatian kritis berhubung kes-kes pemelukan agama Islam untuk melihat sejauh mana keupayaan dan usaha Mahkamah Syariah dalam

²³ Hamid Jusoh (1992), *Kedudukan Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-Kes Konversi Dalam Undang-Undang Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

mempertahankan kredibiliti Undang-undang Islam yang menjadi sebahagian daripada komponen dualisme perundangan negara.

Hasil-hasil karya oleh Allahyarham Prof. Ahmad Ibrahim, bertajuk “*Kesan Pertukaran Agama*”, Narizan Abdul Rahman, “*Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama*” Nuraisyah Chua Abdullah, “*Conversion To Islam : Effect On Status Of Marriages And Ancillary Reliefs*”, Mohamed Azam Mohamed Adil, “*Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976: Kesan dan Implikasinya Terhadap Pemeluk Islam*” dan Najibah Mohd Zin, “*Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan*” dan Dato Faiza Tamby Chik bertajuk “*Legal Effect Of Conversion To Islam: An Experience From Malaysian Court*”²⁴ merupakan hasil-hasil penyelidikan berkenaan pemelukan agama Islam yang melibatkan undang-undang keluarga sama ada melibatkan undang-undang sivil, iaitu Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 ataupun undang-undang Islam iaitu Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri.

Secara umumnya hasil-hasil penyelidikan tersebut menjelaskan tentang kesan pertukaran agama terhadap perkahwinan yang dilangsungkan sebelum pemelukan kepada

²⁴ Ahmad Ibrahim (1997), “Kesan Pertukaran Agama”, dalam Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 681; Narizan Abdul Rahman, (2007), “Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed), *Undang-Undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.117; Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *Conversion To Islam : Effect On Status Of Marriages And Ancillary Reliefs*. Kuala Lumpur: ILBS; Mohamed Azam Mohamed Adil, “Seksyen Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 : Kesan dan Implikasinya Terhadap Pemeluk Islam”, *Jurnal Tasawwur Islam*, Jil.4 , Sept. 2004; Najibah Mohd Zin (2006), “Pertukaran Agama : Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan”, dalam Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (ed), *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h.183.

agama Islam berlaku. Ia turut menjelaskan tentang kesannya dari sudut undang-undang yang terpakai sama ada sivil mahupun Undang-undang Islam.

Selain perbincangan yang melibatkan pihak-pihak dalam perkahwinan berhubung isu pemelukan agama Islam, Prof. Dr. Mahmud Saedon dalam tulisannya yang bertajuk, “*Pemelukan Islam Kanak-Kanak Di Bawah Seksyen 70 Rang Undang-Undang Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor*”²⁵, telah membuat penelitian terhadap peruntukan yang berkaitan dengan status kanak-kanak yang telah diperuntukkan dalam rang undang-undang tersebut pada ketika itu. Hasil kajian beliau mendapati ia selari dengan ketetapan hukum syarak.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dirumuskan inti patinya, maka pengkaji mendapati masih belum ada penyelidikan yang benar-benar membincangkan isu pemelukan agama Islam mengikut perspektif perundangan dan kehakiman negara Brunei sebagaimana yang dicadangkan pihak penulis.

Pada pengamatan penulis, sorotan literatur yang telah dilakukan juga hanya berlegar di sekitar perbincangan mengenai implikasi sebelah pihak, iaitu terhadap pihak yang terlibat dalam pemelukan agama Islam. Sebaliknya bagi kajian yang dicadangkan ini, penulis akan turut membincangkannya secara menyeluruh, iaitu kepada kedua-dua belah pihak; kepada pihak yang telah memeluk agama Islam dan juga pihak yang masih dengan agama Islam asal menurut kepada masa perkahwinan dilakukan oleh mereka.

²⁵ Mahmud Saedon Awang Othman (1994), “Pemelukan Islam Kanak-Kanak Di Bawah Seksyen 70 Rang Undang-Undang Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor”, *Al-Ahkam*, Jil. 4, 1994, h. 82.

Walau bagaimanapun, penyelidikan dan kajian yang telah dibuat mengikut perspektif perundangan dan kehakiman di Malaysia boleh dijadikan sebagai panduan dan titik mula yang baik kepada kajian yang akan dilihat menurut perundangan dan kehakiman di negara Brunei Darussalam. Realiti dan amalan perundangan di Brunei dan Malaysia mempunyai persamaan '*in pari materia*'. Termasuklah berkenaan undang-undang keluarga bagi kedua-dua negara yang mempunyai persamaan latar belakang. Malah undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia telah dijadikan sebagai sebahagian daripada rujukan ketika penggubalan undang-undang keluarga Brunei.

Penggubalan undang-undang yang dilaksanakan di negara Brunei Darussalam dengan cara merujuk undang-undang negara-negara lain termasuk Malaysia, adalah turut mengambil kira kerelevanan, sifat praktikal dan keberkesanannya. Sebelum penggubalan dibuat, pihak penggubal undang-undang juga turut mengukur kelemahan yang terdapat pada undang-undang substantif yang ada pada negara-negara yang menjadi rujukannya dalam usaha mewujudkan undang-undang yang lebih baik untuk dikuatkuasakan di negara Brunei Darussalam.²⁶

²⁶Usaha bersama Negara-negara Asean iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura telah menghasilkan pembentukan beberapa jawatankuasa kerjasama antara negara berkenaan. Salah satu jawatankuasa yang paling penting telah dikenali sebagai Jawatankuasa Kerjasama Dalam Pelaksana Undang-Undang Keluarga Islam. Kerjasama ini tercetus hasil daripada Seminar Persiapan untuk menemukan Pegawai-Pegawai Tinggi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) yang diadakan di negara Brunei Darussalam pada 1-4 November 1990. Seminar ini telah disusuli dengan perbincangan yang menyentuh isu-isu yang sama pada dua tahun berikutnya iaitu pada 18-19 Februari 1992 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Perbincangan ini telah melahirkan satu persetujuan bersama dalam usaha melaksanakan kaedah kerjasama dalam pelaksanaan undang-undang Keluarga Islam. Lihat Ismail Mat (1999), "Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Konteks Kerjasama Negara-Negara Asean Abad Ke-21", dalam Muda@ Ismail Abd.Rahman *et. al.* (ed), *Cabaran Islam Di Abad Ke 21*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., h. 200.

1.7 Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

1.7.1 Kajian Kepustakaan

Penulis menggunakan pendekatan kajian kepustakaan sebagai kaedah utama bagi mendapatkan maklumat-maklumat asas atau pengetahuan yang bersifat konseptual dan teori. Kajian ini apabila digunakan, akan turut melibatkan penggunaan metode dokumentasi. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti kitab-kitab muktabar dalam bidang perundangan Islam, statut, kertas kerja, artikel jurnal, artikel akhbar, majalah ilmiah, fail kes dan laman web. Semua dokumen yang berkaitan diperolehi sama ada dengan bahasa pengantar bahasa Melayu, Arab ataupun Inggeris. Tempat pengambilan rujukan, teks serta dokumen yang berkaitan diperolehi dari Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Mahkamah Syariah Brunei, Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Pusat Dakwah Islamiah Brunei, Perpustakaan Masjid Jam'ie 'Asri Hassanil Bolkih Brunei, Perpustakaan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei dan Arkib Negara Brunei Darussalam.

1.7.2 Kajian Lapangan

Penulis juga menggunakan kaedah lapangan bagi mendapat maklumat yang lebih mantap dan kukuh selepas maklumat dan pengetahuan berkenaan diambil melalui kajian perpustakaan. Kajian lapangan yang terlibat adalah dengan menggunakan kaedah temu bual.

Pendekatan temu bual penting untuk digunakan bagi mendapatkan perincian terhadap maklumat yang sebelum ini diambil di perpustakaan-perpustakaan. Selain itu, kaedah ini turut digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan lanjutan mengikut keperluan kajian ini. Peranannya sebagai sokongan terhadap data-data awal kajian terutama apabila menyentuh mengenai sesuatu isu yang berbangkit. Temu bual atau wawancara ini digunakan kepada responden yang relevan dan mempunyai autoriti bagi setiap isu atau permasalahan yang bersangkutan dengan kajian ini. Antaranya ialah hakim-hakim Mahkamah Syariah dan sivil, pihak pendaftar serta pegawai-pegawai di kedua-dua Mahkamah Syariah dan juga sivil.

1.7.3 Metode Penganalisan Data

Data-data yang diperolehi daripada metode-metode yang digunakan oleh penulis yang lebih bersifat kualitatif pada awalnya dikumpulkan. Proses seterusnya adalah membuat saringan terhadap data-data tersebut dengan menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.

(a) Metode Induktif

Pendekatan induktif ialah proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya dan ia berlaku secara generatif atau berterusan, iaitu pengumpulan maklumat akan terus dilakukan sehinggalah satu-satu masalah tertentu itu dapat difahami secara terang ataupun penyelesaian dapat ditemui.²⁷

²⁷ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor :Sri Elila Resources, h.101.

Kaedah ini digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data-data yang telah diperolehi bagi menghasilkan kesimpulan-kesimpulan. Sebagai contoh, analisa yang dibuat terhadap undang-undang yang ada memberi kesimpulan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tuntutan tertentu walaupun ia melibatkan individu bukan beragama Islam. Ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah di negara Brunei Darussalam mempunyai bidang kuasa secara eksklusif terhadap pihak yang tidak beragama Islam.

(b) Metode Deduktif

Melalui pendekatan deduktif pula, penulis akan menjadikan konsep dan teori sebagai asas kepada rangka kerja dan pelaksanaan kajian. Kemungkinan besar penulis akan mengambil teori yang sedia ada yang boleh dikaitkan dengan masalah yang dikaji. Berkemungkinan juga berlaku pembentukan teori secara sendiri yang wujud daripada pengalaman berkaitan ataupun berlaku penggunaan teori untuk menilai amalan yang berlaku.

Secara ringkasnya penyelidikan deduktif dilaksanakan dengan menjadikan kerangka teori (*theoretical framework*)²⁸ sebagai asas. Sebagai contoh kepada pendekatan ini yang digunakan dalam kajian ini ialah, hukum Syarak membenarkan penetapan umur perkahwinan dalam undang-undang keluarga Islam berdasarkan *maslahah* tertentu, begitu juga halnya penetapan umur tertentu bagi pendaftaran pengislaman.

²⁸ *Ibid.*, h. 101.

(c) Metode Komparatif

Pemakaian metode ini dibuat antara lain adalah untuk membuat perbandingan antara undang-undang yang ada di negara Brunei Darussalam dengan undang-undang yang digunakan di Malaysia dari aspek amalan, dan melihat bagaimana satu-satu kes berkaitan itu diputuskan. Melalui pendekatan ini, penulis dapat membuat penilaian terhadap keberkesanan undang-undang dan pentadbiran yang dilaksanakan sama ada di negara ini dan juga di Malaysia. Melalui pendekatan ini juga, penulis dapat menjangkakan banyak idea yang boleh disumbangkan dan memberi manfaat kepada undang-undang dan pentadbiran di negara Brunei Darussalam dalam hal pemelukan agama Islam kerana kedua-dua negara ini, Brunei Darussalam dan Malaysia masing-masing mempunyai undang-undang yang memiliki banyak persamaan.

1.8 Kesimpulan

Dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini akan mempunyai potensi yang besar bagi penulis mencari penjelasan, membuat tafsiran tertentu serta rumusan dan juga kesimpulan yang tepat dalam membincangkan isu-isu yang berbangkit. Kaedah-kaedah yang dipilih ini merupakan mekanisme bagi mencapai objektif menganalisis permasalahan secara komprehensif berkenaan isu-isu pemelukan Islam dari perspektif undang-undang di negara Brunei Darussalam. Mekanisme yang digunakan ini juga bertujuan untuk mencari jawapan terhadap permasalahan kajian yang telah dinyatakan.

BAB II

PEMELUKAN ISLAM

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan perkara mengenai pemelukan agama Islam dari sudut hukum syarak dan juga perundangan. Permasalahan berhubung dengan had umur kanak-kanak adalah sebahagian daripada perkara yang akan dibincangkan. Selain itu, perbincangan juga akan turut menyentuh perkara-perkara lain yang ada hubung kait secara langsung dan tidak langsung, atau kesan daripada pemelukan agama Islam seperti status perkahwinan, nafkah, hadanah, dan nasab.

Istilah atau perkataan ‘pemelukan’ sangat sinonim dengan perkataan ‘agama’ kerana ‘pemelukan’ merupakan tindakan yang akan mengaitkan ‘agama’ sebagai objek kepada perbuatan (kata kerja transitif). Penukaran agama (*religious conversion*) sekurang-kurangnya boleh difahami sebagai ‘penerimaan agama baru’ ataupun, ‘penukaran agama daripada agama atau fahaman yang sedia dianuti kepada agama baru’.²⁹

The United Nations Universal Declaration of Human Right’ (UNDHR) telah menegaskan hak asasi manusia berhubung ‘*religious conversion*’ dalam deklarasinya di bawah Artikel 18 dengan menyatakan bahawa; “Everyone has the right to freedom of

²⁹ Pemelukan “*religious conversion*” bukan hanya berlaku penukaran dari satu agama kepada satu agama yang lain tetapi juga berlaku diantara “*denominations*” yang berbeza walaupun mempunyai pegangan atau kepercayaan yang sama seperti yang berlaku kepada penganut agama “*Buddhists*”. Lihat, [http://en.wikipedia.org/wiki/Conversion to Islam](http://en.wikipedia.org/wiki/Conversion_to_Islam). 1/24/2009.pg.1.

thought, conscience and religion, this right includes freedom to change his religion or belief....”

Deklarasi ini sebenarnya telah menyinggung sebahagian daripada negara anggota termasuklah dari kalangan negara-negara Islam. Sebahagian daripada mereka telahpun secara keras memperuntukkan murtad (keluar daripada agama Islam) sebagai kesalahan yang boleh dihukum bunuh jika sabit kesalahan. Negara-negara tersebut antaranya ialah Arab Saudi, Yaman, Afghanistan, Palestin dan Iran.³⁰

2.1 Pemelukan Islam dari Perspektif Fiqah

Agama Islam didirikan dengan lima rukun sebagai batu asas kepada agama suci ini.³¹ Konsep *syahadatain* merupakan rukun Islam yang pertama dan sangat penting kerana sahnya iman seseorang hanyalah apabila individu Muslim itu berikrar bahawa “tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Muhammad itu Rasul Allah”. Ini sebagaimana yang dijelaskan dalam *Kitab Fatawa al-Lajnah al-Da’imah lil-Buhuthi al-Ilmiyyah wa al-Ifta* ada menyebut;

Bermaksud;

“Iman yang sebenar dan sah mengikut pegangannya Ahli Sunnah Wal Jama’ah ialah mengucapkannya dengan lidah, beramal dengan rukun-rukunnya dan membenarkannya dengan hati. Adalah tidak mencukupi jika sekadar mengucap dengan lidah. Namun jika dia meninggal dunia dan pada masa yang sama tidak

³⁰ Lihat *Conversion_to_Islam*, <http://en.wikipedia.org/wiki>, 24 Januari 2009.

³¹ al-Imam Abi Abdillah ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al-Mughirah ibn Barzabah al-Bukhari al-Ja’fi (1981), *Sahih al-Bukhari*, j. 1, Beirut: Dar al-Fikr, h.7.

diketahui tanda-tanda kekufurannya, maka mayatnya hendaklah dimandikan, dikafankan, dan dikebumikan mengikut cara pengurusan jenazah Islam. Penyaksian bahawa 'Tiada Tuhan selain Allah' adalah bermakna tiada sembah yang hak melainkan Allah. Penyaksian seperti ini adalah tidak memadai hanya dengan kata-kata, bahkan lebih daripada itu mestilah beriman dengan maknanya dan beramal dengan segala yang diperintahkan".³²

Ini bermakna seseorang itu tidak akan dianggap sebagai orang Islam sehinggalah perkataan dua kalimah syahadah dilafazkan secara rasmi. Ini kerana konsep *syahadatain* ini adalah dasar atau teras utama kepada ajaran atau syariat Islam sama ada dalam bentuk teori mahupun praktikal.³³

Dalam kitab *I'ānat al-Talibin* menyebut bahawa, “sahnya seseorang kafir atau orang yang murtad itu adalah dengan pengucapan dua kalimah syahadah, iaitu bagi orang yang boleh bercakap”.³⁴ Pengucapan lafaz dua kalimah syahadah yang dimaksudkan ialah perkataan atau kalimah yang dilafazkan dalam bahasa Arab iaitu, لا اله الا الله محمد رسول الله³⁵

Bagi tujuan ini, kalimah syahadah hendaklah dilafazkan di hadapan pihak-pihak yang diberi autoriti oleh pemerintah bagi tujuan rekod dan individu yang memeluk agama

³² Ahmad bin Abdul Razak (t.t), *Kitab Fatawa al-Lajnah al-Da'imah lil-Buhuthi al-Ilmiyyah wa al-Ifta*, j 3, Arab Saudi: Dar Mu'id.h.248.

³³ Sa'ed Hawa'(1997), *al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam, h.23.

³⁴ Syed al-Bakri al-Syed Abi Bakar Ibn al- Syed Muhammad Syata al-Dumyati (1998), j. 4. Lebanon :Dar al-Fikr, h. 212.

³⁵ Ian Edge (1993), “A Comparative Approach To The Treatment Of Non-Muslim Minorities In The Middle East With Special Reference To Egypt”, dalam Chibli Mallat *et al.* (ed.), *Islamic Family Law*. London: Graham&Trotman, h. 36.

Islam akan mendapat dokumen yang mengesahkan pengislamannya daripada pihak pemerintah.

2.2 Pemelukan Islam Menurut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam

Bagi negara Brunei Darussalam, menurut undang-undang Perlembagaan dan undang-undang yang berada di bawah naungannya, tidak terdapat sebarang peruntukan yang menyekat orang Islam untuk menganuti dan mengamalkan agama atau fahaman lain selain agama Islam. Perlembagaan sememangnya memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.³⁶

Peruntukan tersebut tentu sahaja dapat memberi fahaman bahawa seolah-olahnya undang-undang Perlembagaan negara Brunei Darussalam telah memberi ruang yang selesa bagi rakyat dan penduduk negara ini untuk mengamalkan amalan kebebasan beragama; tiada sebarang sekatan untuk mana-mana pengamal agama sama ada bertindak untuk keluar atau menukar agama masing-masing, hatta kepada penganut agama Islam sekalipun. Malah, perkara ini terbukti dengan adanya beberapa permohonan untuk keluar daripada agama Islam dan pihak Majlis Ugama Islam telah membenarkan permohonan-permohonan tersebut serta mengisytiharkannya sebagai orang yang telah keluar dari agama Islam (murtad) tanpa ada tentangan daripada mana-mana pihak.³⁷

³⁶ Bab 3 dari Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

³⁷ Bil: 82/MU/JUB/102-1965 Pt.1 Surat Majlis Ugama Islam Brunei kepada Pemohon yang bernama *Siti Norhadijah binti Abdullah @ Chong Swee Leng*, 29 Disember, 1998. Lihat juga Statistik pengesahan murtad di Negara Brunei Darussalam di Lampiran "A".

Sehubungan dengan pemelukan agama, konsep kebebasan beragama sering disalah erti oleh sebilangan masyarakat termasuklah oleh segelintir masyarakat Islam. Sebenarnya menurut agama Islam, kebebasan beragama hanya berada dalam ruang lingkup bahawa agama-agama selain agama Islam boleh diamalkan oleh penganut-penganutnya dengan suasana aman selama mana mereka menghormati agama Islam dan penganut-penganut agama Islam, iaitu orang-orang Islam.

Berdasarkan kepada maksud firman Allah SWT dalam al-Qur'an³⁸ yang menerangkan bahawa sesungguhnya telah nyata kebenaran (dalam agama Islam) daripada kesesatan, maka Allah SWT sebenarnya memberi kebebasan kepada setiap manusia untuk meneruskan kehidupan dalam kebatilan yakni kekufuran, ataupun untuk memilih jalan yang benar, iaitu dengan memeluk agama Islam. Konsep kebebasan beragama tidak boleh terpakai kepada orang-orang Islam kerana mereka telah berada di atas jalan yang benar.³⁹

Malah pada hemat penulis, keluar dari agama Islam bermakna telah menentang prinsip *maqasid al-Syariah* sedangkan elemen utama dalam *maqasid al-Syariah* adalah memelihara akidah seseorang dalam erti kata memelihara agama Islam yang dianuti dan dijadikan sebagai cara hidup (*way of life*). Memelihara akidah individu Muslim juga turut bermaksud memelihara akidah seluruh umat Islam. Cumanya dalam pengkajian ini, penulis hanya memberi tumpuan kepada pemelukan agama Islam oleh orang kafir atau yang pada asalnya tidak mempunyai sebarang fahaman agama (*free thinker*).

³⁸ Surah al-Baqarah (2): 256

³⁹ Hj Said Hj Ibrahim (1998), *Jinayah Murtad: Dari Sudut Hukum Syara'dan Perundangan Islam*, (Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, h.109-110).

Merujuk kepada amalan masyarakat Melayu di negara Brunei Darussalam, individu yang baru memeluk agama Islam dipanggil sebagai ‘muallaf’ atau saudara baru. Perkataan ‘muallaf’ atau secara tepat dalam bahasa Arab sebagai ‘*mu'allaf*’ adalah diambil daripada perkataan ‘*alifa*’ yang bererti ‘suka atau gemar padanya, ataupun menjinaki’.⁴⁰ Pengertian tersebut dapat dilihat pada kalimah “*al-mu'allafatu qulūbuhum*” melalui firman Allah dalam al-Quran yang berbunyi;

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ
 قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ
 فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

Bermaksud;

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang faqir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan orang mu'allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”⁴¹

Berkaitan perkara ini, sebenarnya dalam Islam tidak ada sebarang dalil yang mewajibkan masyarakat Islam untuk memanggil individu yang baru memeluk agama Islam sebagai muallaf ataupun saudara baru. Cuma, sebagaimana yang telah disebut

⁴⁰ Muhammad Idris Abdul Raub al-Marbawi (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi*. Singapore: Pustaka National Singapore, h. 26.

⁴¹ Al-Qur'an dan terjemahaannya, Surah al-Tawbah (9):60.

sebelum ini dari sudut amalan masyarakat Islam Melayu, perkataan ‘mualaf’, ‘saudara baru’ atau ‘saudara Muslim’ digunakan sebagai merujuk kepada individu yang baru memeluk agama Islam dan sedang memulakan langkah untuk menjalani kehidupan sebagai sebahagian daripada umat Muhammad SAW .⁴²

Gelaran ‘saudara baru’ bukan sahaja berlaku di kalangan masyarakat Islam di negara Brunei Darussalam, malahan juga di negara-negara di Asia Tenggara.⁴³ Perkataan ‘saudara’ yang diambil dan digunakan sebenarnya manifestasi kepada semangat persaudaraan sesama insan seagama yang sememangnya sangat dianjurkan oleh agama Islam, selain agama suci ini amat menitikberatkan soal silaturrahim di kalangan umat Islam.⁴⁴

Malangnya dalam soal pemelukan agama Islam, Perlembagaan negara Brunei Darussalam memiliki kelemahan yang agak ketara kerana tidak mempunyai peruntukan tertentu dan khusus berkenaan pemelukan agama Islam, sekalipun undang-undang memperuntukkan agama Islam sebagai agama rasmi kepada negara Brunei Darussalam. Pada pendapat penulis, perkara ini mungkin disebabkan pihak penggubal undang-undang menganggap peruntukan mengenai pemelukan agama Islam telahpun terkandung dalam AMUIDMMK.

⁴² Berita Minggu, . bmdua, Ogos 2, 2009: 2-3 “Saudara Kita Istilah lebih sesuai”.

⁴³ Osman Abdullah @Chuah Hock Leng *et. a.l* (2008), *Muslim Converts In Malaysia: The Problem Of Cultural Adjustment*. International Islamic University Malaysia: Kuala Lumpur, h. 30.

⁴⁴ Muhammad b. Ismail Abu Abd Allah al-Bukhari , Sahih al-Bukhari, Bab al-Adab, j. 4, h. 72.

Pihak penggubal undang-undang juga mungkin melihat kepada latar belakang sejarah agama Islam yang telah bertapak dan berkembang di negara Brunei Darussalam sebagai agama yang bertapak dengan kukuh dan berkembang secara meluas dan ia berlaku terutamanya pada setiap lapisan masyarakat Melayu. Melihat kepada kekuatan agama Islam dan dominasi masyarakat Islam Melayu di negara Brunei Darussalam dan seolah-olahnya ia mendapat perlindungan dan jaminan daripada pihak pemerintah, maka Perlembagaan hanya sekadar mengiktiraf keadaan yang telah sedia ada.

2.3 Pemelukan Islam dari Perspektif Undang-undang Negara Brunei Darussalam

Sejarah membuktikan bahawa negara Brunei Darussalam telah mempunyai dua undang-undang bertulis dan dikanunkan yang dinamakan sebagai Hukum Kanun Brunei serta Adat Brunei Lama (*Old Brunei Law and Custom*).⁴⁵ Ini menunjukkan bahawa ajaran Islam telah menjadi dasar kepada sistem pentadbiran dan perundangan negara Brunei Darussalam sebelum kedatangan Inggeris lagi. Dan ia terbukti apabila hukuman bunuh sebagaimana yang diperuntukkan dalam Hukum Kanun Brunei dilaksanakan ke atas penjenayah yang bernama Maidin.⁴⁶

Hubungan rasmi antara negara Brunei Darussalam dengan kerajaan British pada tahun 1847, telah merantakan beberapa perjanjian yang telah dipersetujui antara kedua-

⁴⁵ Mahmud Saedon (1996), *opcit.*, h. 21.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 25-26.

dua belah pihak. Antaranya Perjanjian Tambahan yang dimeterai pada tahun 1905 yang memperuntukkan seorang residen British sebagai penasihat dalam semua hal-ehwal pentadbiran negara kecuali hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Hakikatnya, sistem Residen telah memberi kesan yang besar kepada sistem perundangan negara Brunei Darussalam kerana ia menjelaskan tentang penerapan undang-undang Inggeris secara langsung terhadap hal-hal pentadbiran dan perundangan negara Brunei Darussalam, manakala pemakaian Undang-undang Islam menjadi sangat terhad.⁴⁷

Menurut M.B Hooker, perundangan Islam di negara Brunei Darussalam dapat dilihat dengan pengubalan Enakmen Undang-undang Islam 1912 (Muhammadan Law 1912). Undang-undang ini mengandungi campuran peraturan tempatan dan peraturan Islam dan ia terpakai kepada semua orang Islam.⁴⁸

Seterusnya pada 1955 Undang-undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi telah digubal mengikut model undang-undang Kelantan di Tanah Melayu dan diterjemah serta disesuaikan dengan keadaan di negara Brunei Darussalam.⁴⁹ Ia sebenarnya undang-undang yang terakhir digubal sebelum termaktubnya undang-undang Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dinamakan sebagai Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Dan antara tujuan undang-undang ini digubal adalah seperti mana yang dinyatakan oleh Residen British J.O.Gilbert dalam permulaan indeks undang-undang, iaitu sebagai menyebut, “Adalah satu undang-undang kerana menyatukan undang-undang

⁴⁷ M.B. Hooker (1991), *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 201.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*, h. 203.

adat istiadat Melayu, Mahkamah Kadhi, Perlembagaan dan pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa ugama dan peraturan hal ehwal ugama”⁵⁰

Penggubalan undang-undang ini merupakan revolusi pembaharuan undang-undang terhadap beberapa undang-undang yang telah diluluskan sebelum ini iaitu Muhammedan Law 1912,⁵¹ Muhammedan Marriage and Divorce 1913⁵² dan Court Enactment 1951 (Bahagian III, dari Bab 13-18). Dengan adanya Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi hasrat penggubal ketiga-tiga undang-undang tersebut dapat dirangkumkan dalam satu undang-undang sahaja.

Sebagai menjelaskan keadaan ini, Muhammedan Law 1912 merupakan undang-undang yang memperuntukkan berkenaan kesalahan-kesalahan ibadat dan peraturan keluarga khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan pernikahan dan perceraian orang-orang Islam. Sementara Muhammedan Marriage and Divorce 1913 pula digubal untuk memperkemaskan lagi pelaksanaan dan pentadbiran menurut kehendak Muhammedan Law 1912 iaitu dengan memperuntukkan peraturan pendaftaran perkahwinan dan perceraian. Manakala Court Enactment 1951 (Bahagian III, dari Bab 13-18) pula bertujuan untuk membatalkan Enakmen Mahkamah-Mahkamah No. 1 Tahun 1908 dengan menjadikan Mahkamah Kadi pada ketika itu sebagai salah sebuah

⁵⁰ Undang-Undang 1955 (No. 20 Tahun/1955).

⁵¹ Enakmen 1912 (No. 1/1912), ,Laws of Brunei 1906-1930.

⁵² *Ibid*, Enakmen 1913 (No.2/1913).

mahkamah dalam struktur mahkamah-mahkamah yang wujud di negara Brunei Darussalam pada masa itu.⁵³

Undang-undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi mengandungi peruntukan yang menyentuh perkara-perkara seperti berikut;

1. Bahagian I Permulaan
2. Bahagian II Majlis
3. Bahagian III Mahkamah-Mahkamah Ugama Islam
4. Bahagian IV Kewangan
5. Bahagian V Masjid-Masjid
6. Bahagian VI Pernikahan dan Perceraian
7. Bahagian VII Nafkah Orang-Orang Dalam Tanggungan
8. Bahagian VIII Orang-Orang Mualaf
9. Bahagian IX Murtad
10. Bahagian X Kesalahan-Kesalahan
11. Bahagian XI Am dan Jadual-Jadual

Melihat kepada kandungan undang-undang tersebut, maka peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian VIII tentunya menjadi sebahagian daripada perbincangan dalam penyelidikan penulis. Bahagian ini dijelaskan oleh pihak penggubal dalam tajuk Keterangan Penjelasan sebagai;

“34. Bahagian VIII (bab2 164 hingga 168) memperbuat syarat untuk pertukaran ugama bagi orang2 kepada Ugama Islam dan

⁵³ State Of Brunei Annual Report 1955, h.127. Lihat juga Mahmud Saedon b Awang Othman (2003), *Jejak-Jejak*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam, h.76-79.

menetapkan peratoran yang akan di-jalankan. Sasaorang yang bertukar agama hendak-lah umor-nya lebeh empat belas tahun dan tujuh bulan (bab 167) dan anak2 kechil tidak akan di-ambil dari pemeliharaan ibu bapa-nya atau penjaga-nya yang sah dengan tidak mendapat keizinan dari penjaganya yang sademikian (bab 167 (7)).”⁵⁴

Undang-undang ini mengalami beberapa pindaan kecil sehinggalah sebelum hari kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984.⁵⁵ Pada tahun 1957, pindaan dilakukan terhadap undang-undang ini dan ia dikenali sebagai “The Religious Council State Custom And Kathis Courts (Amendment) Enactment, 1957.”⁵⁶ Dalam pindaan berkenaan, peruntukan berikut dimasukkan,⁵⁷

“(a) requiring person renouncing the Islamic religion to report their renouciation to the secretary to the Majlis and making it an offence for them to fail to do so, and ;

(b) making it an offence for any person other, than a class of person exempted by Muslim law, during Ramathan to eat, smoke or drink during the hours of daylight in that month.”

Kemudian pindaan pada tahun 1967, yang dikenali sebagai Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan) 1967.⁵⁸ Pindaan undang-undang ini bertujuan untuk memperuntukkan jawatan Timbalan Kadi Besar yang memberikan kuasa kepada jawatan ini seperti mana bagi jawatan Kadi Besar. Selain itu pindaan ini turut memperuntukkan jawatan Merinyu Kanan, Merinyu Hal Ehwal Ugama dan Pendakwa Mahkamah Kadi.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 84.

⁵⁵ Pehin Haji Md Zain bin Haji Serudin (1996), *Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislamannya*, Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, h. 210-211.

⁵⁶ Undang-undang No.4.

⁵⁷ Sate Of Brunei Annual Report 1957, Pt II,h.88.

⁵⁸ Undang-undang No.4 Tahun 1967 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 1964.

Sekali lagi ia mengalami pindaan pada tahun 1972 dan dinamakan sebagai Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan) 1972.⁵⁹ Pindaan ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Merinyu Hal Ehwal Ugama bagi menangkap suspek tanpa waran.

Tidak keterlaluan untuk menganggap bahawa undang-undang ini sebagai titik mula kepada sistem perundangan Islam yang lebih kemas dan teratur di negara ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan peruntukan yang dibuat hanya dalam bentuk yang umum, tidak lengkap menurut konteks hukum syarak dan tidak diperincikan. Kandungan undang-undang substantif berkenaan juga bercampur-aduk dengan memperuntukkan secara sekaligus hal-hal berkaitan dengan kekeluargaan, jenayah Islam, mualaf, murtad, wakaf, wasiat, prosedur, keterangan dan lain-lain lagi. Selain itu, undang-undang ini juga telah mengubah kedudukan Mahkamah Kadi dan menjadikannya tidak lagi berada di bawah struktur Mahkamah Brunei.

Undang-undang ini kemudiannya disemak semula pada tahun 1984. Hasil semakan semula terhadap undang-undang ini membawa keputusan kepada penyusunan semula struktur Mahkamah-mahkamah Kadi yang terdiri daripada Mahkamah-mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman. Undang-undang ini dikenali sebagai Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 (Semakan 1984) sehingga pada hari ini.⁶⁰

⁵⁹ Undang-undang No.6 Tahun 1972.

⁶⁰ Lihat Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 (Semakan 1984).

Pindaan demi pindaan terus dilakukan terhadap undang-undang ini termasuklah pemindaan yang memberi kesan yang amat ketara. Satu undang-undang telah digubal dan ia dinamakan sebagai Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah) 1998.⁶¹ Perintah ini telah memberi kesan yang besar dan sangat bermakna terhadap institusi kehakiman Islam di negara Brunei Darussalam, kerana ia membenarkan penubuhan dan pewujudan Mahkamah-mahkamah Syariah. Mahkamah-mahkamah Syariah di negara Brunei Darussalam secara rasminya ditubuhkan pada 26 Mac 2001 dan ia ditubuhkan secara sistem hierarki dan meletakkan Mahkamah Rayuan Syariah sebagai mahkamah yang mempunyai kedudukan paling tinggi.

Selanjutnya, bagi memastikan Undang-undang Islam dalam bentuk yang substantif mampu melaksanakan peranannya sebagai undang-undang yang berkredibiliti dalam sistem perundangan negara Brunei Darussalam, peruntukan-peruntukan tertentu yang terkandung dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi telah dimansuhkan⁶² dan digantikan dengan penggubalan Perintah Darurat Undang-undang Keluarga Islam 1999, Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2005 dan Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2002. Peruntukan-peruntukan yang tinggal dikekalkan, masih berkuat kuasa dan terpakai, termasuklah berkenaan pemelukan agama Islam.

⁶¹ Pada masa ini Perintah tersebut dinamakan sebagai 'Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah: Penggal 184'.

⁶² Antara Bab-bab yang telah dimansuhkan oleh Akta Penggal 184 ialah Bab 45, 46, 47, 48, 49, 50A, 51, 52, 53, 54, 55, 68, 75, 94 dan 198 dari Akta Penggal 77. Lihat juga Bab 33 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 telah memansuhkan beberapa Bab dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

Dengan perubahan yang sangat signifikan ini, ianya telah memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Mahkamah Syariah bagi mendengar dan membuat keputusan kepada kes yang dikemukakan kepadanya.

2.4 Prosedur Pemeluk Islam Di Bawah Akta Majlis Ugama Islam

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada bahagian sebelum ini bahawa hukum syarak mengkehendaki kalimah syahadah dilafazkan untuk mengiktiraf keislaman seseorang. Berdasarkan kepada prinsip ini, maka AMUIDMMK, Penggal 77 mengandungi peruntukan-peruntukan yang menguruskan pemeluk agama Islam, iaitu di Bahagian VIII- dalam perkara Orang-orang Mualaf.

Bahagian ini turut memperuntukkan perkara-perkara bagi tujuan pendaftaran, kawalan, prosedur yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang memeluk Islam, peranan kadi dalam melakukan penyiasatan dan penyediaan laporan serta peranan Majlis selaku pihak yang bertanggungjawab bagi pendaftaran pengislaman yang dilakukan. Antara lain peruntukan tersebut memperuntukan;

Bab 164 Majlis hendaklah menyimpan suatu daftar nama-nama semua orang yang telah memeluk agama Islam dalam Negara Brunei Darussalam, bersama dengan butir-butir demikian yang berhubung dengan penukaran agama mereka sebagaimana yang ditentukan oleh aturan.

Bab 165 Tiada siapa pun boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk agama Islam melainkan menurut syarat-syarat Akta ini atau mana-mana aturan yang dibuat dibawah nya.

Bab 166 Tiada sesiapa pun di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk agama Islam.

Bab 167 (1) Jika sesiapa saja ingin untuk memeluk agama Islam, dia hendaklah mengucap Dua Kalimah Syahadat, di hadapan mana-mana orang Islam dan selepas itu hendaklah hadir di hadapan Kadi daerah di mana dia biasanya tinggal.

(2) Kadi hendaklah membuat siasatan mengenai dengan umur orang demikian dan mengenai hasratnya untuk memeluk agama Islam dan hendaklah, jika berpuas hati bahawa dia berumur lebih daripada 14 tahun dan 7 bulan dan berhasrat untuk diIslamkan, menghantarnya di bawah jagaan Majlis.

(3) Orang demikian hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang hak kepada penjagaannya yang diserahkan dalam tangan mana-mana orang lain atau pertubuhan, ada dan berada dalam jagaan Majlis selama 3 bulan dan Majlis hendaklah menghantarnya kepada penjagaan Majlis dan juga perbelanjaan makanan, tempat tinggal, tunjuk ajar dan perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin berlaku semasa tempoh 3 bulan tersebut.

(4) Apabila tempoh selama 3 bulan itu telah tamat orang mualaf tersebut hendaklah berhenti daripada berada dalam jagaan Majlis, dan Majlis hendaklah, jika orang mualaf tersebut menghendaki sedemikian, membayar perbelanjaannya untuk pulang kepada jagaan penjaganya yang sah.

(5) Jika Kadi berpendapat bahawa pemohon tersebut berumur di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan, dia hendaklah mengembalikannya kepada penjaganya yang sah dan dia hendaklah dianggap belum memeluk agama Islam.

(6) Kadi hendaklah melaporkan semua tindakan yang telah diambil olehnya di bawah syarat-syarat bab ini kepada Penasihat Agama.

(7) Dalam setiap laporan demikian Kadi hendaklah menyatakan sama ada pada pendapatnya orang mualaf tersebut telah mengucap Dua Kalimah Syahadat dengan kehendaknya sendiri atau dengan paksa.

(8) Tiada apa-apa pun yang terkandung dalam bab ini boleh berjalan untuk membenarkan mana-mana budak yang belum dewasa untuk diambil daripada jagaan penjaganya yang benar atau sah tanpa keizinan penjaganya yang benar atau sah itu.

Bab 168 Sesiapa saja yang melaksanakan suatu pengislaman hendaklah dengan serta merta melaporkan pengislaman tersebut kepada Majlis bersama dengan semua butir-butir yang diperlukan.

Terdapat juga beberapa peruntukan tentang kesalahan yang berkaitan dengan pemeluk Islam serta kewajipan pihak tertentu seperti Majlis sebagai pihak yang bertanggungjawab dari segi pendaftaran. Perkara ini diperuntukan dalam Bahagian X yang antara lain menyebut sebagai;

Barangsiapa yang bertentangan dengan syarat-syarat dari Bahagian VIII, mengislamkan atau bertujuan untuk mengislamkan sesiapa saja, atau, setelah dengan senghaja mengislamkan sesiapa saja, dengan senghaja melalaikan atau gagal untuk melaporkan pengislaman demikian kepada Majlis, adalah melakukan suatu kesalahan : Hukuman, di penjara selama sebulan atau didenda sebanyak \$1,000.⁶³

Barangsiapa, yang dipertanggungjawabkan oleh Akta ini dengan tugas mendaftar mana-mana perkara atau perbicaraan, atau untuk membuat, menyediakan, menyimpan atau menjaga mana-mana senarai penaksiran, laporan, buku akaun, anggaran, daftar, buku keratan, buku minit, atau senarai yuran, atau untuk mengeluarkan mana-mana surat keterangan, resit atau salinan sah, enggan atau senghaja melalaikan atau gagal untuk menjalankan tugas demikian, atau dengan senghaja menjalankan tugas tersebut dengan cara yang tidak sah dan tidak sempurna, adalah

⁶³ Lihat Bab 181, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

melakukan suatu kesalahan : Hukuman, dipenjara selama 3 bulan atau didenda sebanyak \$2,000.⁶⁴

Peruntukan di atas sebenarnya merupakan satu-satunya peruntukan undang-undang yang menjadi asas utama dalam mentadbir hal berkenaan kemasukan orang-orang bukan Islam ke dalam agama Islam di negara ini.

Secara umumnya prosedur yang disediakan ini selaras dengan kehendak syarak supaya urusan pengislaman seseorang dapat dibuat dengan kemas dan mempunyai bukti. Dokumen atau bukti pengislaman seseorang tentulah untuk mengelak sebarang kekeliruan dalam hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan seperti perkahwinan dan kematian. Jika seseorang bukan Islam masuk Islam tanpa mengikuti sebarang prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang memanglah pengislaman seseorang itu tetap sah dan diterima oleh Islam, walau bagaimanapun sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini seperti kematiannya, tentunya ia akan mengakibatkan masalah dan kesukaran.

Atas kepentingan yang sama, itulah juga sebabnya peruntukan-peruntukan tentang kesalahan yang berkaitan dengan pemeluk agama Islam diperuntukkan.

Cuma timbul persoalan tentang penetapan keislaman yang boleh diterima menurut peruntukan tersebut sebagai seseorang yang telah memeluk agama Islam. Menurut peruntukan berkenaan, seseorang yang berada di bawah umur 14 tahun 7 bulan masih

⁶⁴ *Ibid.*, Bab 182.

belum dianggap memeluk Islam. Peruntukan ini kelihatan seperti bertentangan dengan hukum syarak yang tidak mensyaratkan sebarang umur minimum untuk memeluk agama Islam.

Mahkamah Syariah, Majlis Ugama Islam dan Pusat Dakwah Islamiah adalah agensi-agensi yang terlibat bagi melaksanakan kehendak undang-undang tersebut.

2.5 Pertukaran Status Perkahwinan Sivil Kepada Islam

Dalam al-Qur'an terdapat justifikasi tertentu terhadap perkahwinan yang berlangsung antara orang Islam dengan ahli Kitab⁶⁵ atau orang musyrik.⁶⁶ Kesan-kesan perkahwinan disebabkan pertukaran agama oleh salah satu pihak dalam perkahwinan tersebut juga turut diterangkan dalam al-Qur'an. Sama ada dalam keadaan perkahwinan yang dilangsungkan bukan dengan cara Islam, dan terdapat pihak dalam perkahwinan itu memeluk agama Islam, ataupun perkahwinan oleh pasangan Islam tetapi terdapat pihak yang keluar daripada agama Islam (murtad). Dalil yang memberi justifikasi terhadap situasi ini ialah sebagaimana firman Allah SWT;

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مَهْجِرَاتٍ
فَأَمْتَحِنُوهُنَّ ۗ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ ۗ فَإِنْ عَلَّمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا
تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ ۗ لَا هُنَّ حِلٌّ لَهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ ۗ

⁶⁵ Surah al-Maidah (5):6.

⁶⁶ Surah al-Baqarah (2):221.

وَأَتَوْهُم مَّا أَنْفَقُوا^ج وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا
 آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ^ج وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ وَسَأَلُوا مَّا
 أَنْفَقْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ أَنْفَقُوا^ج ذَلِكَمُ حُكْمُ اللَّهِ^ط تَحْكُمُ بَيْنَكُمْ^ج وَاللَّهُ
 عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٧﴾

Bermaksud;

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka; Allah lebih mengetahui akan iman mereka; dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami). Dan berilah kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan. Dan tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka (perempuan-perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberi kepada mereka maskahwinnya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang pada aqad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (kekal dalam keadaan) kafir, dan mintalah balik maskahwin yang kamu telah berikan, dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah belanjakan. Demikianlah hukum Allah; Ia hukuman di antara kamu (dengan adil). Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.*⁶⁷

Pemelukan agama oleh salah satu pihak dalam satu-satu perkahwinan biasanya akan menyebabkan pembubaran perkahwinan. Kesan-kesan yang diterima oleh perkahwinan disebabkan pemelukan agama Islam oleh satu pihak dalam perkahwinan, sangat penting untuk dibincangkan kerana rumusan yang diperolehi daripada

⁶⁷ Al-Qur'an dan terjemahannya, Surah al-Mumtahanah (60):10.

perbincangan tersebut akan menjadi panduan dan jalan keluar kepada konflik atau kemelut yang berlaku.

Sehubungan dengan perkara ini iaitu pembubaran perkahwinan yang disebabkan oleh pemelukan agama oleh sebelah pihak, kebanyakan ulama berpandangan bahawa pembubaran perkahwinan ini termasuk dalam kategori fasakh kerana tidak terdapatnya lafaz talak.⁶⁸ Fasakh pula di bahagikan kepada dua kategori, iaitu pertama: pembubaran yang berlaku secara serta-merta tanpa memerlukan campur tangan hakim, dan kedua: pembubaran yang memerlukan campur tangan dan keputusan daripada pihak hakim.⁶⁹

Antara kes-kes yang memerlukan kuasa hakim untuk membubarkan perkahwinan secara fasakh ialah apabila seseorang suami yang mempunyai kecacatan dan enggan menceraikan isterinya. Maka, dalam kes ini hakim sebagai pihak yang mempunyai autoriti, di bawah prinsip *wilayah 'am*, berkuasa untuk membubarkan perkahwinan walaupun tanpa persetujuan oleh pihak suami.⁷⁰

Di Brunei, Merujuk kepada Perintah Undang-undang Keluarga Islam 1999 berhubung dengan perkara ini, terdapat peruntukan yang menegaskan bahawa

⁶⁸ Wahbah al-Zuhayli (1996), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j.7.Damascus: Dar al-Fikr, h.249-256. Lihat juga 'Abdul Rahman al-Jaziri, (t.t), *Kitab al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, j 4. Mesir: Dar al-Hadis, h.213 dan 418. Lihat juga Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *Conversion To Islam – Effect On Status Of Marriages And Ancillary Reliefs*. Kuala Lumpur: ILBS, h.9.

⁶⁹ Nurhidayah Muhd Hashim (2006), *Perceraian Secara Fasakh: Konsep Dan Amalan Di Malaysia*. Shah Alam:Upena UiTm, h. 13. Lihat juga Mohamed Azam Mohamed Adil (1998), “Kesan Dan Implikasi Pertukaran Agama Dalam Perundangan Malaysia”, dalam Ahmad Hidayat Buang, (ed.), *Undang-Undang Islam Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 33. Lihat juga Narizan Abdul Rahman (2007), “Hak Kekeluargaan Pasangan Berlainan Agama”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-Undang Islam di Malaysia :Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 120.

⁷⁰ Nurhidayah Muhd Hashim (2006),*op.cit.*, h. 16.

pembubaran perkahwinan tidak boleh berkuat kuasa dengan sendirinya melainkan setelah disahkan oleh mahkamah. Antara lain peruntukan itu berbunyi; “ Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan yang bukan Islam memeluk agama Islam maka perbuatan yang demikian tidaklah boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan jika dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah’.⁷¹

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada peruntukan di atas, undang-undang menjelaskan bahawa pembubaran perkahwinan tidak akan berlaku dengan sendiri apabila salah satu pihak dalam perkahwinan yang dilaksanakan mengikut agama bukan Islam sehinggalah ia disahkan oleh mahkamah.

Mahkamah yang dimaksudkan ialah Mahkamah Syariah seperti mana yang dijelaskan di dalam Perintah yang sama sebagai menyebut; “ ‘Mahkamah’ bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah bab 6 (1) dari Perintah Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998.”⁷²

Selaras dengan kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil tidak boleh membuat pengesahan bagi pembubaran perkahwinan sama ada bagi kedua-dua belah pasangan suami isteri atau salah seorang daripada mereka yang memeluk agama Islam. Perkara ini dapat dilihat dari segi bidang kuasa yang diberikan

⁷¹ Bab 47 (2), Perintah Undang-undang Keluarga Islam, 1999.

⁷² *Ibid.*, Bab 2 dalam tafsiran.

kepada Mahkamah Tinggi Sivil untuk membubarkan perkahwinan (*dissolution of marriage*) mereka. Peruntukan menyebut;

“3. The High Court shall have the jurisdiction set out in section 2 of this Act in relation to the following matters –

- (a) divorce and nullity of marriage;
- (b) judicial separation;
- (c) declarations and presumptions of death;
- (d) property and financial relief;
- (e) custody of children;
- (f) all such other matters as are ancillary or supplementary to any jurisdiction conferred by this section of this Act.

4. This Act shall apply only to marriages which are –

- (a) monogamous in nature;
- (b) celebrated either in a church or in a civil marriage office, howsoever described;
- (c) between parties, neither of whom, at the date of the petition, is of the Muslim faith.⁷³

2.6 Pendaftaran Perkahwinan

Pendaftaran perkahwinan merupakan satu keperluan yang perlu dilaksanakan oleh mereka yang berkahwin di bawah PDUUKI. Walaupun pendaftaran perkahwinan bukanlah suatu perkara yang termasuk dalam hal pentadbiran agama yang diasaskan kepada mana-mana dalil, akan tetapi berdasarkan kepada konsep *masalah* maka perkara seperti pendaftaran termasuklah merekodkan perkahwinan perlu dilakukan untuk mengelak daripada berlakunya sebarang penyelewengan. Selama mana tindakan manusia yang bersifat semasa itu memberi kebaikan dan memelihara *masalah* dan ia memenuhi

⁷³ Lihat Bab 3 dan 4, The Dissolution Of Marriage Act, Capter 165.

keperluan semasa dan tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka tindakan tersebut adalah diharuskan.⁷⁴

Walau bagaimanapun di negara Brunei Darussalam, membuat pendaftaran ataupun sebaliknya, tidaklah menentukan kesahan atau kefasidan sesuatu perkahwinan. Perkara ini dijelaskan dalam peruntukan PDUUKI yang menyebut; “Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini atau dalam aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan diakui atau tidak diakui sesuatu perkahwinan semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau belum didaftarkan, yang sebaliknya, adalah tidak diakui atau diakui.”⁷⁵

Mengikut amalan semasa yang berlaku di negara ini, bagi pasangan suami isteri yang berkahwin di bawah undang-undang sivil, mereka boleh memohon untuk mendaftarkan perkahwinan sivil mereka secara sukarela apabila mereka memeluk agama Islam.⁷⁶ Pendaftaran perkahwinan mereka boleh dibuat di bawah peruntukan berikut;

“Dengan tidak menghiraukan bab-bab 7, 24 (2) dan 29, pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan mengikut Hukum Syara’ yang diakadnikahkan di bawah mana-mana undang-undang sebelum atau selepas tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa bolehlah jika perkahwinan itu belum didaftarkan, memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan untuk didaftarkan perkahwinan itu.”⁷⁷

⁷⁴ Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid (1993), *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Cetak (M)Sdn. Bhd, h. 33.

⁷⁵ Bab 32, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

⁷⁶ Lihat Manual Prosedur Kerja, Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan Dan Ruju’ Orang Islam, Negara Brunei Darussalam, h. 17-20.

⁷⁷ *Ibid.*, Bab 31(1).

Manakala di bawah Bab 7 (4) pula dengan jelas memperuntukkan bahawa, “Perkahwinan di antara orang bukan beragama Islam yang telah memeluk agama Islam yang sah di sisi Hukum Syara’ hendaklah disifatkan perkahwinan yang didaftarkan mengikut Perintah ini, jika ianya sah mengikut Hukum Syara’.”⁷⁸

Peruntukan dengan jelas memberi maksud bahawa perkahwinan antara orang bukan beragama Islam yang memeluk agama hanya boleh didaftarkan mengikut Perintah tersebut jika perkahwinan tersebut adalah sah di sisi hukum syarak. Menurut hukum syarak penentuan sama ada perkahwinan orang-orang bukan Islam sah dan boleh diterima ataupun sebaliknya, adalah berdasarkan kepada asas-asas berikut;⁷⁹

- (i) Para fuqaha bersepakat untuk menganggap perkahwinan orang-orang bukan Islam sebagai sah bagi perkahwinan yang memenuhi syarat-syarat sah perkahwinan menurut Islam.
- (ii) Para fuqaha berlainan pendapat dalam menentukan kesahan sesuatu perkahwinan tanpa saksi. Sebahagian daripada mereka menganggap perkahwinan tanpa saksi yang dilakukan oleh orang-orang bukan Islam boleh diterima agama Islam dan kesannya adalah sama sebagaimana perkahwinan yang sah menurut Islam iaitu antaranya dalam hal nafkah dan juga perwarisan.

⁷⁸ *Ibid.*, Bab 7(4).

⁷⁹ Salleh Ismail (2003), *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.119.

(iii) Jika perkahwinan yang dilakukan oleh orang-orang bukan Islam itu bertentangan dengan syarat sah perkahwinan dalam Islam, seperti mengahwini mahram mereka atau mengahwini janda sendiri yang diceraikan dengan talak tiga secara langsung dan ia belum melalui perkahwinan dengan orang lain dan diceraikan, atau mereka mengahwini dua saudara dalam satu masa, maka perkahwinan tersebut adalah *fasid* dan batal. Mereka juga tidak berhak mewarisi harta antara satu sama lain. Apabila pengaduan dibuat di hadapan hakim, mereka hendaklah difarakkan atau dipisahkan, seperti mana mereka dipisahkan apabila mereka memeluk Islam. Tindakan ini diambil kerana mereka telah reda dengan hukum-hukum Islam.

2.7 Had Umur Memeluk Islam

Umur sangat berkait rapat dengan pentaklifan seseorang terhadap hal-hal yang mempunyai justifikasi oleh hukum syarak. Dalam hal ini fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan had umur minimum bagi kanak-kanak yang ingin memeluk Islam secara sendirian.

Imam al-Syafi'i⁸⁰ dan al-Ramli ulama dari Mazhab Syafi'i mengatakan bahawa tidak sah keislaman kanak-kanak yang masih mumaiyiz, jika ia melakukannya secara sendirian. Walau bagaimanapun, terdapat pendapat yang mengatakan sah Islamnya

⁸⁰ Sheikh Syamsudin Abi Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1995), *Ahkam Ahlu Dhimmah*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, h. 902-903.

seseorang kanak-kanak dan ia boleh mewarisi harta daripada kaum kerabatnya.⁸¹ Bagi kanak-kanak yang belum baligh tetapi salah seorang daripada seorang ibu bapanya memeluk agama Islam, maka kanak-kanak ini turut dihukumkan sebagai telah masuk agama Islam dan keadaan ini termasuklah bagi janin yang masih berada di dalam kandungan ibunya.⁸²

Imam al-Nawawi memperincikan lagi perbincangan atau persoalan berkaitan dengan penghukuman Islamnya seseorang kanak-kanak yang bukan dalam kategori anak terdampar (*laqit*).

Pertama: Kelahiran

(i) Menurut beliau, jika salah seorang daripada ibu bapanya memeluk agama Islam, walaupun ia masih berada di dalam kandungan, maka janin tersebut dihukumkan sebagai individu Islam. Sekiranya kanak-kanak yang dilahirkan itu mencapai umur baligh dan mempunyai perilaku seperti orang kafir, maka ia dihukumkan sebagai telah murtad.

(ii) Begitu juga sekiranya kanak-kanak itu dipelihara oleh suami isteri yang kafir, kemudian salah seorang daripada mereka memeluk agama Islam, maka kanak-kanak itu dihukumkan sebagai orang Islam. Jika kanak-kanak itu mencapai umur baligh dan mempunyai perilaku seperti orang kafir, maka ia dihukumkan sebagai telah murtad. Dalam hal, ini terdapat pendapat yang agak

⁸¹ Sheikh Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *Nihayah al-Muhtaj*, j. 5. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 459.

⁸² *Ibid.*, h. 422.

berbeza dengan Imam al-Nawawi dengan mengatakan kanak-kanak tersebut tidak murtad tetapi memang kafir sejak asal.

Kedua: Tawanan

Dalam keadaan kanak-kanak itu ditawan oleh orang Islam, maka kanak-kanak itu dihukumkan sebagai kanak-kanak Islam, iaitu mengikut agama orang yang menawannya. Dalam keadaan ibu bapa kanak-kanak tersebut atau salah seorang daripadanya tidak berada bersama-sama kanak-kanak tersebut sebagai tawanan. Sebaliknya kanak-kanak itu tidak dihukumkan sebagai orang Islam jika ditawan oleh kafir dhimmi. Ini menurut pendapat yang lebih sahih. Sebaliknya bagi pendapat yang sahih tidak sah Islam seseorang kanak-kanak mumaiyiz jika pengislaman itu dilakukan secara sendirian.⁸³

Sebagai hasil daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa;

- (i) ulama bersepakat untuk menyatakan bahawa keislaman seseorang kanak-kanak yang baligh adalah sah, tetapi berselisih pendapat tentang kesahan pengislaman kanak-kanak yang belum baligh tetapi berakal dan melakukannya secara sendirian.
- (ii) ulama juga bersepakat mengatakan bahawa seseorang kanak-kanak itu dihukumkan sebagai orang Islam jika kedua-dua ibu bapanya atau salah seorang daripada mereka memeluk agama Islam sekalipun dalam keadaan

⁸³ Abi Zakaria Yahya Sharaf al-Nawawi (t.t), *Minhaj al-Talibin*. Mesir: Matba'ah Dar Ihya al-Kutub, h. 73.

ia masih berada di dalam kandungan ibunya. Begitu juga dalam masalah kanak-kanak yang dipelihara atau ditawan oleh mereka yang Islam sedangkan ibu bapanya tidak bersama dengannya

Sehubungan dengan perkara ini, seseorang kanak-kanak dianggap telah mencapai umur baligh apabila ia telah berumur 15 tahun atau keluar air mani. Bagi kanak-kanak perempuan pula apabila ia telah didatangi haid setelah mencapai umur sembilan tahun. Dalam membincangkan tentang umur baligh ini, ulama berbeza pendapat mengenainya, ada yang menetapkan had umur tertentu dan ada yang sebaliknya.⁸⁴

Selaras dengan pendapat fuqaha' seperti di atas, had umur untuk pemeluk agama Islam oleh kanak-kanak yang boleh didaftarkan sebagai orang yang telah memeluk agama Islam di negara Brunei Darussalam, AMUIDMMK, Penggal 77 diperuntukkan seperti berikut;

Tiada sesiapa pun di bawah umur 14 tahun 7 bulan boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk agama Islam⁸⁵ dan “Jika kadi berpendapat bahawa pemohon tersebut berumur di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan, dia hendaklah mengembalikannya kepada penjaganya yang sah dan dia hendaklah dianggap belum memeluk agama Islam⁸⁶

Inilah satu-satunya peruntukan yang terdapat dalam undang-undang di negara Brunei Darussalam yang masih berkuat kuasa sehingga hari ini. Tidak terdapat undang-

⁸⁴ Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad (t.t), *al Mughni*, j 4. Mesir: Dar al-Basair.h.508

⁸⁵ Bab 166, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

⁸⁶ *Ibid.*, Bab 167 (5).

undang lain yang menyentuh had umur untuk pemelukan agama Islam termasuklah dalam Undang-undang Perlembagaan negara.⁸⁷

Di Malaysia keadaannya tidak sama kerana Perlembagaan Persekutuan turut mengandungi peruntukan yang menyentuh hal berkaitan dengan pemelukan agama Islam dan undang-undang tersebut mempunyai kesan termasuklah terhadap pemelukan agama Islam di kalangan kanak-kanak.⁸⁸

Peruntukan tersebut boleh dilihat pada Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang kebebasan beragama yang menyebut sebagai; “..Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada fasal (4), mengembangkannya...”.

Secara umumnya peruntukan ini memberi hak kepada rakyat Malaysia untuk menganut, mengamal dan mengembangkan agama anutannya kecuali di kalangan orang Islam. Terdapat juga peruntukan yang berkaitan dengan hak pendidikan yang secara tidak langsung mempunyai hubung kait dengan agama. Ini boleh dilihat dalam Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa;

“(3) Tiada seorang pun boleh dihendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara senbahyang sesuatu agama, selain agamanya sendiri.

⁸⁷ Dokumen-Dokumen Perlembagaan Negara Brunei Darussalam .

⁸⁸ Bab 95, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505, 1993) dan Bab 105, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 (No. 7/2002).

(4) Bagi maksud fasal (3), agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.”

Peruntukan ini secara umum menunjukkan bahawa hak menganuti, mengamal dan mengembangkan agama adalah khusus bagi mereka yang dewasa, manakala bagi kanak-kanak perkara ini memerlukan penetapan atau persetujuan penjaga, ibu atau bapanya.⁸⁹

Walau bagaimanapun berdasarkan kepada perkembangan mutakhir, mesyuarat Kabinet Malaysia telah membuat keputusan berkenaan agama yang dianuti oleh kanak-kanak adalah menurut kepada agama asal ibu bapanya ketika berkahwin sekalipun selepas salah satu pihak telah bertukar agama.⁹⁰ Keputusan yang dibuat ini telah mendapat pelbagai reaksi daripada banyak pihak kerana ia dianggap sebagai mencampuri urusan pihak legislative dan mencabuli hak dan kebebasan mahkamah.⁹¹

2.8 Nafkah

Apabila pemeluk agama Islam berlaku pada pasangan suami isteri, antara permasalahan yang timbul adalah berkaitan nafkah, termasuklah beberapa kategori seperti berikut:-

⁸⁹ Zuliza Mohd Kusrin (2008), “Conversion Of Minor To Islam In Malaysia” dalam Ridzwan Ahmad *et al.* (ed.), *International Seminar On Research In Islamic Studies 2008*, Vol.1. Kuala Lumpur: Academy Of Islamic Studies, University of Malaya, h.138.

⁹⁰ New Straits Times, Friday, April 24, 2009, “Cabinet Decides on Marriage and Conversion” h.1 dan juga Berita Harian, Jumaat: April 24, 2009, “Anak Ikut Agama Asal Ibu Bapa”, h.1.

⁹¹ Sinar Harian, Edisi Selangor & Kuala Lumpur, April 24, 2009. “Keputusan Kabinet dipersoal”, h.1.

(i) Nafkah Iddah

Dalam keadaan pihak suami telah memeluk agama Islam dan isteri bukan dari kalangan *ahl al-Kitab*, pihak suami masih wajib melaksanakan tanggungjawab nafkah sekiranya isteri dalam keadaan hamil. Pelaksanaan tanggungjawab adalah sehingga isteri melahirkan kandungannya. Kebanyakan ulama menyatakan isteri berkenaan tidak berhak untuk mendapat nafkah bermula dari tarikh keenggannya untuk memeluk agama Islam. Begitu juga keadaannya sama ada isteri tersebut memeluk Islam dalam masa tempoh iddah ataupun tidak. Mereka juga berpendapat bahawa keengganan isteri tersebut untuk memeluk agama Islam bersama-sama suaminya dianggap sebagai nusyuz yang menjadi salah satu sebab gugurnya kewajipan suami melaksanakan tanggungjawab kepada isterinya. Walau bagaimanapun isteri tersebut masih berhak untuk mendapat perlindungan daripada suaminya selama tempoh tersebut.⁹²

Dalam *qaul qadim* Imam al-Syafi'i, isteri berkenaan masih berhak untuk menerima nafkah daripada suaminya sehinggalah tamat tempoh iddah. Menurut *qaul* ini keengganan isteri berkenaan untuk memeluk agama Islam tidak dianggap sebagai suatu kesalahan sehingga menjejaskannya untuk menerima nafkah disebabkan pengislaman tersebut berlaku di pihak suami. Ikatan perkahwinan mereka sebagai suami isteri pada dasarnya masih wujud sehinggalah tamat tempoh idah si isteri. Atas dasar ini, maka nafkah tersebut masih terus menjadi haknya sehinggalah putus ikatan perkahwinan di antara mereka secara mutlak dengan berakhirnya tempoh idah.⁹³

⁹² Abdul Rahman Awang (1994), *The Status Of The Dhimmi In Islamic Law*. Kuala Lumpur: ILBS, h. 154.

⁹³ *Ibid.*

Berbeza pula keadaannya jika isteri yang memeluk agama Islam. Kebanyakan ulama mengatakan bahawa isteri tersebut masih berhak terhadap nafkah sekalipun suami enggan memeluk agama Islam. Oleh sebab pihak suami boleh kembali kepada isterinya dalam tempoh tersebut, maka hak nafkah isteri masih berlangsung dan wujud sehinggalah tempoh idahnya tamat.⁹⁴

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan dalam Mazhab al-Syafi'i dan Maliki yang mengatakan bahawa isteri tersebut tidak berhak untuk mendapat nafkah daripada suaminya yang tidak memeluk agama Islam. Ini disebabkan pembubaran perkahwinan yang berlaku antara kedua-dua belah pihak adalah daripada pihak isteri yang memeluk agama Islam dan bukan daripada pihak suami.⁹⁵

Berkenaan permasalahan nafkah isteri, penulis mempunyai pendirian yang sama sebagaimana diutarakan oleh Dr Abd Rahman Awang⁹⁶ iaitu memilih pandangan majoriti ulama sebagai pandangan yang lebih wajar untuk digunakan dalam situasi yang ada pada hari ini.

(ii) Nafkah Anak

Nafkah adalah satu cara untuk meneruskan kehidupan. Allah SWT pula berkuasa untuk memberi rezeki kepada semua manusia sama ada Muslim mahupun kafir.⁹⁷ Menurut jumhur ulama, berdasarkan kepada dalil dalam Surah al-Baqarah ayat 233, kelahiran anak

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ Wahbah al-Zuhayli (1996), *opcit*, h. 825.

itu, yang nasabnya kepada bapa adalah sebab yang mewajibkan nafkah anak kepada pihak bapa.

Manakala menurut Mazhab al-Syafi'i, nafkah terhadap anak wajib untuk dilaksanakan walaupun di antara mereka terdapat perbezaan agama. Mazhab Hanafi dan Maliki juga mempunyai pandangan sedemikian kerana sebab atau *illah* yang mewajibkan nafkah oleh bapa kepada anak adalah disebabkan wujudnya kelahiran (*al-wiladah*). Oleh sebab itu perbezaan agama tidak menghalang seseorang bapa daripada menanggung tanggungjawab memberi nafkah manakala pihak anak pula terus berhak untuk menerima nafkah.⁹⁸

Namun pendapat yang paling kuat dari kalangan ulama Mazhab Hanbali, bapa dan anak hendaklah tidak berbeza agama. Pihak bapa tidak berkewajipan untuk melaksanakan nafkah jika bapa dan anak berbeza agama. Ini kerana bagi ulama yang memegang pendirian ini dengan alasan nafkah kerabat diwajibkan adalah disebabkan wujudnya hak perwarisan di antara kedua-duanya, bapa dan anak, sedangkan kekafiran menghalang perwarisan dilaksanakan.⁹⁹

Dalam undang-undang keluarga Islam negara Brunei Darussalam, peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan nafkah idah dan anak adalah sebagaimana berikut;

⁹⁸ al-Khatib Muhammad al-Sharbini (1958), *Mughni al-Muhtaj*, j. 3. Kaherah: Mustafa al Babi al Halabi, h. 588; al-Imam 'Alauddin bin Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani al-Hanafi (2000), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib as- Syara'ie*, j. 3. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, h. 442 . Lihat juga al-Ustaz al-Doktor Umar Sulaiman al- Asyqar (2001), *al-Wadhi fi Syarhi qanun al-ahwal as- syakhsyiah al-urdun*, Jordan: Dar al-Nafa'is, h.336.

⁹⁹ Muawafiq al-Din Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Qudamah (1984), *al Mughni*, j. 7. Beirut: Dar al-Fikr, h. 170.

“Bab 61 (1) Tertakluk kepada Hukum Syara’, Mahkamah boleh memerintahkan seseorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.”, dan

Bab 72 (1) Seseorang isteri boleh atas permohonannya di Mahkamah mendapatkan suatu perintah terhadap suaminya bagi bayaran dari masa ke semasa sebarang jumlah wang berkenaan dengan nafkah yang dia boleh berhak menerimanya mengikut Hukum Syara’.

(2) Seseorang yang telah diceraikan oleh suaminya boleh atas permohonannya di Mahkamah mendapatkan suatu perintah terhadap bekas suaminya kerana bayaran di dalam ‘iddahnya, jika perceraian itu dengan talaq satu atau dua atau pun di dalam tempoh mengandung dengan bekas suaminya sebanyak mana nafkah yang dia boleh berhak menerimanya dan perbelanjaan lain yang munasabah mengikut Hukum Syara’.

Bab 75 (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah memperuntukkan dengan cara lain maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau dalam jagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, rawatan perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya”¹⁰⁰

Nafkah bagi isteri yang tidak beragama Islam pula diperuntukkan dalam The Married Women Act, Chapter 190. Antara kandungan Akta ini ialah peruntukan-peruntukan berkaitan dengan hak dan kewajipan suami isteri yang bukan beragama Islam. Peruntukan berkaitan nafkah isteri adalah seperti berikut;

“(1) Any married woman whose husband neglects or refuses to provide her reasonable maintenance may apply to a court of a Magistrate and that court may, on due proof thereof, order the husband to pay a monthly allowance or a lump sum for her maintenance.

¹⁰⁰ Bab 61 dan 72, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

(2) If any person neglects or refuses to maintain his legitimate or illegitimate child, a court of a Magistrate may, on due proof thereof, order that person to pay a monthly allowance or a lump sum for the maintenance of that child.

(3) The allowance referred to in subsections (1) and (2) shall be payable from such date as the court directs.

(4) The court, when ordering maintenance for a wife or child under this section, shall have regard to all the circumstances of the case including the following matters —

- (a) the financial needs of the wife or child;
- (b) the income, earning capacity (if any), property and other financial resources of the wife or child;
- (c) any physical or mental disability of the wife or child; and
- (d) the standard of living enjoyed by the applicant before the husband or father neglected or refused to provide reasonable maintenance for the wife or child.

(5) An application for the maintenance of a child under subsection (2) may be made by any person who is the guardian or has the actual custody of the child.

(6) The court shall have the same powers as are conferred by section 34 in respect of proceedings relating to an attachment of earnings order.”¹⁰¹

Manakala kewajiban bapa memberi nafkah kepada anaknya adalah diperuntukkan sebagaimana berikut;

“(1) Where a person has accepted a child who is not his child as a member of his family, it shall be his duty to maintain that child while he remains a child, so far as the father or the mother of the child fails to do so, and the court may make such orders as may be necessary to ensure the welfare of the child:

Provided that the duty imposed by this subsection shall cease if the child is taken away by his father or mother.

¹⁰¹ Bab 19, Chapter 190, The Married Women Act, Chapter 190.

(2) Any sums expended by a person maintaining that child shall be recoverable as a debt from the father or mother of the child.”¹⁰²

Peruntukan dalam akta ini hanya terpakai selama mana kedua-dua belah pasangan suami isteri tidak beragama Islam. Ia ditegaskan dalam bahagian “*non-application*” yang mengatakan bahawa, “This Act shall not apply in any matter if any of the parties professes the Islamic religion”.¹⁰³

2.9 Hadanah

Secara umum, para ulama sepakat mengatakan bahawa seorang Muslim mempunyai hak hadanah terhadap kanak-kanak sama ada ia beragama Islam atau tidak yang beragama Islam dari kalangan keluarganya. Akan tetapi para ulama berbeza pendapat mengenai hak hadanah atau penjagaan seorang yang bukan Islam terhadap kanak-kanak yang beragama Islam dari kalangan keluarganya. Antara fuqaha dan mazhab yang membolehkan hak hadanah kepada mereka yang tidak beragama Islam terhadap kanak-kanak yang beragama Islam ialah Mazhab Hanafi, Maliki dan Zahiri. Pandangan ini berasaskan kepada maksud umum Hadis Nabi Muhammad SAW yang tidak membezakan apa jua agama yang dianuti oleh ibu dan kanak-kanak tersebut yang antaranya membawa maksud sebagai, “*Sesiapa yang memisahkan seorang anak daripada ibunya, nescaya Allah akan memisahkannya daripada orang yang dikasihi pada hari Kiamat*”¹⁰⁴

¹⁰² *Ibid.*, Bab 20.

¹⁰³ *Ibid.*, Bab 2.

¹⁰⁴ Zulkifly Muda (2009), “Hadanah Dalam Kes-Kes Pertukaran Agama”, dalam Najibah Mohd Zin (ed.), *Undang-Undang Keluarga & Prosedur*. Kuala Lumpur: UIAM, h. 122.

Dalam keadaan bapa kanak-kanak memeluk agama Islam, manakala ibu kepada kanak-kanak tersebut enggan untuk menganut agama Islam, menurut pendapat muktamad Mazhab Maliki, ibu berkenaan masih berhak memelihara anak tersebut kerana mereka tidak mensyaratkan persamaan agama antara penjaga dan anak peliharaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya si ibu tersebut menggunakan kesempatan yang diberikan telah bertindak hendak memesongkan agama dan akhlak anak tersebut, maka menjadi kewajipan kepada pihak berkuasa Islam untuk mengambil tindakan dan memastikan kanak-kanak berkenaan dijaga dan diawasi oleh kalangan orang Islam.¹⁰⁵

Mazhab Hanafi pula berpendapat, sekiranya tidak terdapat sebarang kesangsian terhadap ibu tersebut, maka anak tersebut hendaklah dibiarkan untuk terus berada di bawah penjagaan si ibu. Akan tetapi jika berlaku sebaliknya, perkara yang mesti dilakukan adalah dengan melihat keupayaan akal kanak-kanak tersebut. Sekiranya kanak-kanak tersebut telah sampai ke peringkat mengenali perkara-perkara berkenaan keagamaan dan dibimbangi ia akan terpengaruh dengan agama dan akhlak ibunya, maka pada ketika itu, hak si ibu untuk menjaga anak tersebut gugur.¹⁰⁶

Sementara Mazhab Syafi'i dan Hanbali pula mempunyai pandangan yang lebih ketat dengan mengatakan bahawa ibu yang enggan untuk memeluk agama Islam hilang kelayakan dalam penjagaan anak walaupun anak tersebut masih menyusu. Ini kerana kedua-dua mazhab tersebut meletakkan syarat persamaan agama antara pemelihara atau

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 125

¹⁰⁶ *Ibid.*

penjaga (*hadinah*) dengan anak yang dipelihara (*mahdun*) sebagai syarat utama kesahan hadanah.¹⁰⁷

Sekiranya ibu bagi kanak-kanak tersebut memeluk Islam tetapi suaminya enggan dan kekal dalam agama asalnya, maka dalam hal ini Mazhab Syafi'i, Hanbali dan Hanafi telah bersepakat mengatakan bahawa bapa bagi kanak-kanak tersebut tidak mempunyai hak hadanah terhadap anaknya. Ini kerana pendirian Mazhab Syafi'i dan Hanbali berasaskan kepada persamaan agama kepada kedua-dua belah pihak, penjaga dan yang dijaga. Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini. Mazhab Hanafi pula mensyaratkan demikian berasaskan kepada hukum perwarisan harta. Oleh sebab perwarisan harta terhalang dengan perbezaan agama, maka ia turut memberi implikasi yang sama terhadap soal hadanah.¹⁰⁸

Mazhab Maliki pula mengharuskan hadanah seorang bapa yang bukan Islam terhadap anaknya yang beragama Islam kerana mazhab ini juga sebagaimana yang telah disebut sebelum ini tidak mensyaratkan persamaan agama.¹⁰⁹

Pendapat Mazhab Syafi'i dan Hanbali yang menjadikan agama Islam sebagai syarat kelayakan dalam hal penjagaan anak telah dipilih oleh pihak penggubal undang-undang di negara Brunei Darussalam untuk diperuntukkan dalam PDUUKI 1999. Bab 89 menyebut sebagai,

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 126.

¹⁰⁹ *Ibid.*

“Seorang yang mempunyai hak terhadap penjagaan seseorang kanak-kanak, adalah layak menjalankan hak itu jika-
(a) dia adalah seorang Islam;”¹¹⁰

dan hak tersebut akan menjadi hilang jika;

“Hak seseorang perempuan terhadap penjagaan hilang-
(d) jika perempuan itu murtad;”¹¹¹

Berdasarkan kepada peruntukan yang disebut di atas, ternyata kebajikan kanak-kanak dari aspek akidah sangat diberi penekanan dalam hal penjagaan, iaitu dengan menghendaki penjaga bagi kanak-kanak yang beragama Islam hendaklah juga beragama Islam

Bagi pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam, perkara yang berkaitan dengan penjagaan (*guardianship*) telah diperuntukkan di bawah The Guardianship Of Infants Act – Chapter 191. Antara lain ia memperuntukkan;¹¹²

“Power of court to make, discharge or amend orders for custody and maintenance of infants.

6. The court may, upon the application of either parent or of any guardian appointed under this Act, make such orders as it may think fit regarding the custody of such infant, the right of access thereto and the payment of any sum towards the maintenance of the infant and may alter, vary or discharge such order on the application of either parent or of any guardian appointed under this Act.

Rights of surviving parent as to guardianship.

7. (1) On the death of the father of an infant, the mother, if surviving, shall, subject to the provisions of this Act, be guardian

¹¹⁰ Lihat Bab 89, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

¹¹¹ *Ibid.*, Bab 90.

¹¹² Bab 6 & 7, The Guardianship Of Infants Act , Chapter 191.

of the infant, either alone or jointly with any guardian appointed by the father. When no guardian has been appointed by the father, or if the guardian appointed by the father is dead or refuses to act, the court may, if it thinks fit, appoint a guardian to act jointly with the mother.

(2) On the death of the mother of an infant, the father, if surviving, shall, subject to the provisions of this Act, be guardian of the infant, either alone or jointly with any guardian appointed by the mother. When no guardian has been appointed by the mother, or if the guardian appointed by the mother is dead or refuses to act, the court may, if it thinks fit, appoint a guardian to act jointly with the father.

(3) Where an infant has no parent, no guardian of the person and no other person having parental rights with respect to him, the court may, on the application of any person, if it thinks fit, appoint the applicant to be the guardian of the infant.”

Sama seperti The Married Women Act Chapter 190, undang-undang ini tidak terpakai kepada pasangan yang memeluk agama Islam sama ada kepada kedua-dua belah pihak ataupun salah satu pihak daripada pasangan tersebut. Ini dijelaskan dalam perkara “non-application” yang menyebut bahawa, “This Act shall not apply in any matter if any of the parties professes the Islamic religion.”¹¹³

Pertukaran agama juga turut memberi kesan kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil. Mahkamah akan luput bidang kuasa untuk mendengar dan membicarakan tuntutan berkenaan dengan penjagaan jika semasa permohonan atau petisyen dikemukakan pihak-pihak telah menganut agama Islam.¹¹⁴

¹¹³ *Ibid.*, Bab 2.

¹¹⁴ Bab 3 & 4, Chapter 165, The Dissolution Of Marriage Act, Chapter 165.

2.10 Kesahtarafan

Selain daripada agama Islam yang menjadi syarat kelayakan dalam mendapatkan hak penjagaan anak sebagaimana yang terkandung dalam undang-undang kekeluargaan Islam negara Brunei Darussalam, kesahtarafan anak juga penting untuk sama-sama dibincangkan dalam kajian ini. Ini disebabkan sahnya satu-satu keturunan akan menyempurnakan hak seseorang dari aspek penjagaan, nafkah, perwaliannya dan sebagainya. Kesahtarafan anak hanya terbit daripada hubungan perkahwinan yang sah dan ia diiktiraf oleh undang-undang.

Dalam hal kesahtarafan anak ini, beberapa isu akan timbul kesan daripada pemeluk agama Islam oleh ibu bapa kanak-kanak terbabit apabila ia dilihat dari perspektif undang-undang yang terpakai iaitu dari sudut masa kanak-kanak terlibat dilahirkan dan juga setelah pemeluk agama Islam oleh ibu bapa kanak-kanak itu.

Menurut hukum syarak, kesahtarafan anak boleh dikenal pasti apabila kesahan satu-satu perkahwinan antara suami isteri dapat ditentukan. Anak yang sah taraf adalah hasil daripada pernikahan yang sah dari sudut syarak, begitu juga sebaliknya anak yang tak sah taraf adalah anak yang dilahirkan daripada perkahwinan yang tidak sah dari sudut syarak, sama ada perkahwinan itu berlaku secara *wati syubhah*, zina dan sebagainya.¹¹⁵

Perintah Darurat (Undang-undang Keluarga Islam), 1999 mengandungi beberapa peruntukan untuk mentadbir urusan kesahtarafan anak bagi mereka yang beragama Islam. Antaranya ialah seperti terma 'nasab' ditakrifkan sebagai keturunan yang berasaskan

¹¹⁵, Mohamad Som bin Sujimon *et. al*, *op.cit.*, h. .254.

kepada pertalian darah yang sah. Perintah ini turut mentakrifkan terma bagi anak yang tidak sah taraf sebagai anak yang tidak mempunyai nasab hubungan darah yang sah. Perintah tersebut menyebut, “tidak sah taraf” bermakna anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*.¹¹⁶

Pengertian anak tidak sah taraf di atas adalah selari dengan pengertian anak tidak sah taraf yang telah dijelaskan oleh sarjana-sarjana Islam seperti yang telah disebutkan di atas.

Selain daripada yang disebutkan ini, terdapat peruntukan lain dalam PDUUKI, 1991 yang turut memperuntukkan hal kesahtarafan anak, iaitu cara menentukan kesahtarafan seseorang anak. Bab 113 menyebut sebagai;

“Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu boleh, dengan cara li’an, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah”.

Berlainan pula keadaannya dalam undang-undang sivil. Di bawah Common Law, seorang kanak-kanak yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah adalah dianggap sebagai sah taraf. Jika anak yang dikandung itu telah wujud sebelum berlakunya satu-satu perkahwinan, tetapi dilahirkan semasa perkahwinan, ia dianggap sebagai anak yang sah taraf.¹¹⁷ Wujudnya hubungan keibubapaan antara anak dengan bapa, hanyalah suatu

¹¹⁶ Bab 2 berkenaan “Tafsiran” dari Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

¹¹⁷ Mimi Kamariah Majid (1992), *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia*. Butterworths Asia, h.109.

andaian semata-mata berdasarkan kepada prinsip Common Law dan undang-undang British yang disebut sebagai, *pate rest quem nuptiae demonstrant* (the father of the child of a married woman is presumed to be her husband unless the contrary can be proved).¹¹⁸

Dalam kes *Ah Chuck lwn Neddham*¹¹⁹, mahkamah memutuskan bahawa suami adalah bapa yang sah kepada anak yang dilahirkan oleh isterinya dalam masa perkahwinan mereka. Kegagalan untuk membuktikan tiadanya hubungan kelamin yang boleh menyebabkan kelahiran anak tersebut telah dijadikan sebagai bukti untuk membuat penentuan dan kesahan bapa kepada anak tersebut. Pasangan tersebut masih kekal sebagai suami isteri, maka hubungan perkahwinan mereka yang masih sah dengan sendirinya tidak dapat menolak hujah suami untuk tidak mengakui anak itu sebagai anaknya. Oleh yang demikian, dalam hal ini perkahwinan yang sah adalah keterangan yang menyokong bagi menentukan kesahatarafan anak yang dilahirkan dalam perkahwinan berkenaan. Inilah prinsip muktamad yang digunakan oleh *Common Law* dalam hal kesahatarafan anak.

Selain daripada *Common Law*, *Legitimacy Order* 2001 negara Brunei Darussalam turut mengesahkan taraf seseorang kanak-kanak berdasarkan kepada masa kelahirannya dalam tempoh perkahwinan yang sah walaupun pada hakikatnya anak tersebut tidak sah taraf (*illegitimate*). Peruntukan berkaitan menyebut bahawa,

“Subject to Section 3, where the parents of an illegitimate person marry or have married one other, at anytime, the marriage shall, if the father or mother of the illegitimate person was or is at the

¹¹⁸ Shamsuddin Suhor (2007), “Kelahiran dan Kesahatarafan”, dalam Shamsuddin Suhor *et al.* (eds.), *Undang-Undang Keluarga (Sivil)*, Jil. 9. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6.

¹¹⁹ [1931] NZLR 559.

date of the marriage, domiciled in Brunei Darussalam, render that person, if living, legitimate from the date of the marriage.”¹²⁰

Maka berdasarkan kepada kehendak undang-undang sivil yang ada, bagi perkahwinan yang dilangsungkan atau didaftarkan di bawah Marriage Act (Capter 76) dan Registration Of Marriages Act (Capter 124),¹²¹ seorang anak boleh menjadi sah taraf apabila kedua ibu bapanya berkahwin, tanpa mengira sama ada anak tersebut telah wujud sebelum atau selepas perkahwinan kedua-dua ibu bapanya.

Perbezaan dua teks perundangan yang terpakai semasa seorang kanak-kanak tersebut berada dalam agama sebelumnya dan juga agama setelah pemeluk Islam berlaku ke atasnya akan memberikan kesan terhadap undang-undang dan hukum syarak. Ini kerana ada fatwa¹²² yang mengatakan bahawa status kesahatarafan kanak-kanak tersebut dapat diguna pakai apabila ia memeluk agama Islam. Sekiranya fatwa ini dipilih untuk diguna pakai maka autoriti yang dimiliki oleh fatwa ini sudah tentu akan memberi implikasi terhadap hak-hak yang sedia ada sebelum berlakunya pengislaman.

2.11 Kesimpulan

Melihat kepada perkembangan Undang-undang Islam di negara Brunei Darussalam dengan memberi tumpuan kepada pemeluk agama Islam sebagaimana yang dibincangkan dengan terperinci dalam Bab Kedua ini, undang-undang yang awal

¹²⁰ Bab 4, Legitimacy Order 2001, Undang-Undang Perlembagaan Brunei Darussalam.

¹²¹ Undang-Undang Negara Brunei Darussalam Penggal 76 & 124.

¹²² Lihat Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Siri Fatwa: 26/2004.

seperti Hukum Kanun Brunei dan Muhammadan Law 1912 tidak memperuntukkan secara jelas dan terperinci berhubung dengan pemelukan agama Islam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ia mula dapat dilihat apabila Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi dalam Bahagian VII dengan tajuk Orang-orang Mualaf diwujudkan.

Begitu juga dalam aspek bidang kuasa Mahkamah Syariah berhubung dengan hal pemelukan agama Islam. Mahkamah Syariah tidak mempunyai sebarang bidang kuasa sehinggalah wujudnya Akta Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 yang memberikan bidang kuasa kepada mahkamah tersebut untuk mendengar, membuat keputusan atau prosiding berhubung dengan undang-undang kekeluargaan dan melibatkan pasangan suami isteri yang tidak beragama Islam. Bidang kuasa tersebut bagi Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam PDUUKI 1991.

Antara penemuan penulis dalam kajian ini ialah pengkanunan Perintah Undang-undang Keluarga Islam khususnya perkara-perkara yang menjadi subjek kajian ini masih mempunyai ruang yang luas untuk ditambah baik. Perintah berkenaan hanya memberikan kuasa atau prinsip umum kepada Mahkamah Syariah untuk mentafsirkan undang-undang menurut hukum syarak jika terdapat lacuna, tanpa menjelaskan sebarang pendapat atau mazhab yang akan digunapakai kelak

BAB III

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PEMELUKAN ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3.0 Pendahuluan

Dalam bab dua yang lepas, penulis telah pun membincangkan soal pemelukan agama menurut perspektif syarak dan juga pemakaian undang-undang mengenainya. Seterusnya dalam bab ini penulis akan membincangkan berkenaan fungsi atau peranan serta bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang kepada pihak agensi atau institusi-institusi yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal pemelukan agama termasuklah yang berkaitan dengan proses-proses pengislaman, pengesahan, pendaftaran dan prosiding. Ianya juga merangkumi tindakan berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan seperti pembubaran perkahwinan, nafkah, penjagaan, kesahatarafan anak dan sebagainya. Setiap proses ini mempunyai tatacara atau prosedur yang tersendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

3.1 Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB)

Majlis Ugama Islam adalah sebuah badan berkanun (*statutory body*) yang ditubuhkan melalui Undang-undang No. 20/1955 iaitu Undang-undang Majlis Ugama dan

Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 yang berkuat kuasa pada 1 Februari 1956.¹²³ Dari sudut pentadbiran ia berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. Pada 1 Mac 2005 MUIB telah dinaikkan taraf menjadi sebuah jabatan yang kemudiannya dinamakan sebagai Jabatan Majlis Ugama Islam.¹²⁴

MUIB diberi kuasa utama untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (KDYMM) yang berperanan sebagai Ketua Ugama bagi negara Brunei Darussalam Negara ini. Perkara yang berkaitan dengan agama Islam iaitu diperuntukkan di bawah Bab 38 AMUIMMK Penggal 77 yang menyebut;

“Majlis hendaklah, bagi pihak dan dibawah kuasa Kebawah Duli yang Maha Mulia sebagai Ketua Ugama rasmi Negara Brunei Darussalam, membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam semua hal yang berkaitan dengan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, dan hendaklah dalam semua hal-hal tersebut menjadi pihak berkuasa yang utama di Negara Brunei Darussalam, kecuali sejauh mana yang dipersyaratkan sebaliknya oleh Akta ini”.

Dalam hal pemeluk agama Islam, MUIB mempunyai tanggungjawab untuk menyimpan daftar nama bagi semua orang yang memeluk agama Islam di negara ini dengan butir-butir terperinci. Selain itu juga MUIB bertanggungjawab dalam hal-hal berikut;¹²⁵

¹²³Lihat laman web <http://www.religious-affairs.gov.bn>. (Undang-undang ini telah dipinda dan kini dikenali sebagai Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77, iaitu Undang-undang Negara Brunei Darussalam (Semakan 1984)).

¹²⁴ Bil. 06/2005 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, 17 Mei 2005.

¹²⁵ Lihat Bahagian IV dan V dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77; <http://www.religious-affairs.gov.bn>.

- (a) Bertindak sebagai wasi bagi satu-satu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka bagi orang yang telah meninggal dunia atau sebagai pemegang amanah bagi sebarang amanah.
- (b) Pemegang amanah tunggal bagi semua harta baitulmal, wakaf (sama ada wakaf am atau wakaf khas), nazar am dan amanah dari mana-mana amanah khairat bagi menyokong dan mengembangkan agama Islam mengikut hukum syarak.
- (c) Memungut semua zakat harta dan fitrah yang dibayar di negara ini.
- (d) Menjadi nazir dan pemegang amanah bagi semua masjid di negara ini bersama mana-mana harta tak alih. Ia juga mempunyai kuasa untuk memberi kebenaran bagi pembinaan, pembaikan, penambahan, penutupan dan perobohan masjid.
- (e) Mempunyai kuasa untuk memberi kebenaran bagi sebarang pengajaran agama Islam di negara ini.
- (f) Mengeluarkan kebenaran bagi pengutipan derma yang bertujuan untuk menyokong dan mengembangkan syiar Islam dan kepentingan umat Islam di negara ini.
- (g) Melantik orang-orang yang bersesuaian dan berkelayakan untuk menjadi Ketua Hakim Syariah, Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, hakim-hakim

Mahkamah Rendah Syariah, amil-amil, jurunika dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah yang lain.

- (h) Memberi pengiktirafan halal kepada pusat-pusat penyembelihan dalam dan di luar negeri.
- (i) Mengeluarkan sijil halal, permit import halal, sijil penyembelihan dan tanda halal bagi daging mentah dan juga bagi tempat-tempat perniagaan.

Secara ringkas dapat disimpulkan bahawa MUIB berperanan dan bertanggungjawab sebagai penggubal dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam. Di samping itu juga MUIB diberi kuasa oleh undang-undang untuk memberi nasihat dalam soal perlantikan bagi jawatan-jawatan tertentu seperti Mufti, hakim syarie, pendaftar, pendakwa syarie dan sebagainya.¹²⁶ Manakala Kementerian Hal-Ehwal Ugama pula berperanan sebagai ejen pelaksana bagi maksud peruntukan tersebut.

3.2 Fungsi dan Peranan Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam

Bagi melaksana kuasa dan tugas yang diberikan oleh undang-undang khususnya bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan golongan mualaf, dengan perkenan KDYMM, MUIB telah menubuhkan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad dalam soal pemberian semua

¹²⁶ Lihat Bab 8,9,10,11,13,25 &26 , Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

jenis bantuan, penetapan jumlah, kadar, jenis atau bentuk bantuan kepada asnaf-asnaf yang ada di negara ini.

Berbanding lapan golongan asnaf yang dinyatakan dalam hukum syarak yang berhak untuk menerima zakat, negara Brunei Darussalam hanya menetapkan enam golongan sahaja untuk menerima zakat. Senarai yang diputuskan oleh MUIB ini berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei dengan kenyataan bahawa *al-riqab* dan *fi sabilillah* tidak wujud di negara ini.¹²⁷ Oleh yang demikian, muafaf adalah antara asnaf yang berhak untuk menerima zakat. Agihan yang dilaksanakan di negara ini adalah seperti berikut;¹²⁸

- i) Pemberian sagu hati kerana memeluk agama Islam.

Syarat bagi mereka yang berhak menerima agihan bagi kategori ini ialah pengislaman mereka hendaklah disahkan oleh hakim Mahkamah Syariah dan telah mengikuti kursus bimbingan pengenalan Islam.

Bagi mereka yang berumur 14 tahun 7 bulan akan mendapat wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit Brunei dan satu ratus dua puluh ringgit Brunei dalam bentuk peralatan seperti buku, sejadah, songkok dan sebagainya. Manakala bagi mereka yang berumur 14 tahun 7 bulan ke bawah akan menerima wang tunai sebanyak satu ratus lima puluh dan peralatan sekolah bernilai satu ratus lima puluh ringgit Brunei. Jika pemeluk tidak

¹²⁷ Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam, bil (16) dlm.MKB/JUB/13/1967, Pt.6.

¹²⁸ Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (2008), Kuasa, Tugas dan Tanggung jawab J.M.U.I.B, hlm.34-44.

bersekolah akan menerima wang tunai sebanyak satu ratus lima puluh ringgit Brunei sahaja.

ii) Menunaikan fardu haji

Terdapat beberapa syarat yang telah oleh pihak MUIB, seperti mengetahui tatacara melaksanakan ibadat-ibadat khusus, tidak pernah menunaikan fardu haji dan sebagainya. Perbelanjaan peribadi turut diperuntukkan dengan jumlah tidak melebihi dua ribu ringgit Brunei.

iii) Bantuan sugu hati menjelang hari raya

Mereka yang berhak menerima kategori ini disyaratkan telah memeluk agama Islam tidak melebihi dari 10 tahun dan tidak pernah menunaikan fardu haji. Bagi ketua keluarga akan menerima wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit Brunei dan setiap tanggungan akan menerima dua ratus dua puluh ringgit Brunei.

Selain daripada agihan yang berbentuk wang tunai seperti yang dijelaskan di atas, MUIB juga memberikan kepada mereka yang berkelayakan dari golongan ini bantuan berbentuk tempat kediaman seperti pembinaan rumah.

Menurut MUIB¹²⁹, agihan yang dinyatakan sebagaimana yang disebut adalah berdasarkan kepada kehendak peruntukan AMUIDMMK. Peruntukan tersebut antara lain menyebut;

¹²⁹Rasidah binti Hj Apong, Pegawai di Bahagian Undang-Undang, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei. Temubual pada 21 Februari 2009.

“(3) Orang demikian hendaklah, dengan tidak menghiraukan sebarang hak kepada penjagaannya yang diserahkan dalam tangan mana-mana orang lain atau pertubuhan, ada dan berada dalam jagaan Majlis selama 3 bulan dan Majlis hendaklah menghantarnya kepada penjagaan majlis dan juga perbelanjaan makanan, tempat tinggal, tunjuk ajar dan perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin berlaku semasa 3 bulan tersebut;

(4) Apabila tempoh selama 3 bulan itu telah tamat orang muafaf tersebut hendaklah berhenti daripada berada dalam jagaan Majlis, dan Majlis hendaklah, jika orang muafaf tersebut menghendaki sedemikian, membayar perbelanjaannya untuk pulang kepada jagaan penjagaannya yang sah”¹³⁰

Selain daripada MUIB, maksud peruntukan tersebut turut dilaksanakan oleh Pusat Dakwah Islamiah iaitu melalui Bahagian Pengislaman dan Bimbingan Muafaf.¹³¹

3.3. Pusat Dakwah Islamiah

Pusat Dakwah Islamiah mula ditubuhkan pada 1 Januari 1985 (18 Rabiulakhir 1405H) yang berperanan sebagai institusi penyebaran agama Islam dan juga untuk memenuhi tanggungjawab sosial sebagai pelaksanaan konsep *al-amru bil ma'ruf wa al-nahyu 'an al-munkar*.¹³²

Bagi mencapai misi dan matlamat yang telah digariskan, jabatan ini telah mewujudkan Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru.¹³³ Penubuhan Unit

¹³⁰ Bab 167, Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

¹³¹ Rasidah binti Hj Apong, Pegawai di Bahagian Undang-Undang, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei. Temubual pada 21 Februari 2009.

¹³² Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Pencapaian Dua Dekad Pusat Da'wah Islamiah*. Brunei Darussalam: PDI, h. 19.

¹³³ Lihat <http://www.religious-affairs.gov.bn>.

ini adalah sejajar dengan kehendak AMUIDMMK penggal 77 yang menghendaki setiap;¹³⁴

“setiap orang yang memeluk agama Islam adalah dihendaki untuk mengikuti bimbingan agama Islam bagi membolehkannya menguasai perkara-perkara yang bersangkutan dengan aqidah, amal ibadat dan cara hidup Islam”.

Antara peranan dan fungsi unit ini adalah mengendalikan kursus-kursus bimbingan agama dan memberikan khidmat nasihat (kaunseling) bagi semua peringkat sama ada yang baru sahaja memeluk agama Islam, mahupun yang telah lama.

Kewujudan unit ini telah memperlihatkan keprihatinan dan kesungguhan pihak kerajaan di bawah naungan KDYMM terhadap kalangan mereka yang memeluk agama Islam.

Ianya dapat disimpulkan bahawa proses dan pengendalian pemeluk agama Islam di negara ini dimulakan di unit ini. Maka, individu-individu yang berhasrat untuk memeluk agama Islam di negara Brunei Darussalam akan berurusan terlebih dahulu dengan unit ini.

3.4 Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah yang ada pada hari ini adalah mahkamah yang mengambil alih peranan atau fungsi Mahkamah Kadi, Mahkamah Kadi Besar dan Jawatankuasa Kehakiman yang wujud sebelum ini, iaitu untuk menyelesaikan sebarang perbalahan,

¹³⁴ Bab 167(3), Akta majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

pertikaian dan tuntutan yang dipohon oleh masyarakat Islam di negara Brunei Darussalam.

Apabila akta penubuhan Mahkamah Syariah digubal dan diluluskan¹³⁵ pada 26 Mac 2001,¹³⁶ struktur Mahkamah Syariah dibentuk semula dengan mewujudkan tiga peringkat mahkamah menurut konsep *three-tier hierarchy*, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Bagi memastikan institusi kehakiman di negara dapat melaksanakan fungsinya dengan lancar dan berkesan, mahkamah di Brunei Darussalam diberi kuasa tertentu melalui peruntukan undang-undang. Jaminan oleh undang-undang juga sebagai memastikan setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah sebagai keputusan yang sah dan tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak. Perkara ini dapat dilihat pada peruntukan berikut:

“(1) Adalah dengan ini ditubuhkan mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah dengan bidang kuasa, kuasa-kuasa kewajipan dan autoriti sebagaimana yang diberi dan dikenakan oleh Perintah ini dan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.

(2) Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negara Brunei Darussalam.

(3) Dengan tidak menghiraukan cerai (2) Mahkamah-Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa jenayah terhadap kesalahan yang dilakukan diluar Negara Brunei

¹³⁵ Akta Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184, Undang-undang Brunei Darussalam.

¹³⁶ Bersamaan 1 Muharram 1422M.

Darussalam oleh warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam”.¹³⁷

3.5 Bidang Kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah

Kuasa Mahkamah-mahkamah Syariah di negara Brunei Darussalam adalah tertakluk di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah. Mahkamah Rendah Syariah mempunyai bidang kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 16;

- “(1) Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –
- (a) bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah sebarang undang-undang bertulis yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah, yang menetapkan kesalahan-kesalahan jika hukuman maksimum yang diperuntukkan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan baginya;
 - (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan, jika jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.
- (2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, atas syor Ketua Hakim Syariah dari masa ke semasa, dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan menambah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah.

¹³⁷ Bab 6, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

Sebagai penambahbaikan terhadap mahkamah yang mengendalikan kes-kes syariah di negara Brunei Darussalam, undang-undang membenarkan Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa asal dalam kes-kes mal dan juga jenayah, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Syariah, Penggal 184, dalam Bab 15 yang menyatakan bahawa;

“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah;

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah sebarang undang-undang bertulis yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan jenayah syariah, di bawah sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan undang-undang keluarga Islam atau di bawa sebarang undang-undang bertulis lain yang memberi kepada Mahkamah Tinggi Syariah bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan, dan boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan di dalamnya; dan
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubung dengan –
 - (i) pertunangan, perkahwinan (termasuk ta’at balik), perceraian, khulu’, fasakh, cerai ta’liq, menentukan giliran, li’an, illa atau mana-mana perkara yang berkaitan dengan perhubungan suami isteri;
 - (ii) mana-mana pembahagian atau tuntutan kepada mana-mana harta yang terbit dari mana-mana perkara yang tersebut dalam perenggan kecil (i) perenggan ini ;
 - (iii) nafkah tanggungan, kesahtarafan (ithbatun nasab) atau penjagaan atau jagaan (hadanah) kanak-kanak;
 - (iv) pembahagian atau tuntutan kepada harta sepencarian;
 - (v) wasiat atau pemberian semasa maradal-maut;
 - (vi) pemberian (hibah), atau penyelesaian (sulh) yang dibuat tanpa balasan wang atau tanpa nilai yang memadai oleh seseorang Islam;

- (vii) waqaf atau nazar;
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta, berwasiat atau tidak berwasiat;
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka si-mati Islam atau sebahagiannya yang orang-orang itu masing-masing berhak; atau
- (x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh sebarang undang-undang bertulis.

Manakala Mahkamah Rayuan Syariah pula mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang datang dari keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah termasuklah berkenaan dengan persoalan undang-undang yang melibatkan kepentingan awam. Perkara ini ada diperuntukan dalam Bab 20 AMMS, Penggal 184 yang menyebut;

“(1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya

(2) Apabila suatu rayuan terhadap suatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memberi kebenaran supaya sebarang persoalan undang-undang demi kepentingan awam yang berbangkit dalam masa rayuan itu, dan jika keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah menjejaskan keputusan rayuan itu, dirujuk kepada Mahkamah rayuan Syariah untuk diputuskan olehnya.

(3) Apabila kebenaran diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, ia hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan untuk dirujukan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang mungkin telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah, dan sebagaimana yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu”.

Begitu juga Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah terhadap Mahkamah Tinggi Syariah .¹³⁸

Penelitian penulis terhadap bidang kuasa Mahkamah Syariah di atas menunjukkan bahawa tidak terdapat peruntukan yang jelas (*express provisions*) yang memperuntukkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pemeluk agama Islam dan hal-hal berkaitan dengannya.

Kelemahan dan *lacuna* yang wujud dalam undang-undang menyebabkan Mahkamah Syariah sukar untuk melaksanakan tanggungjawab dalam memelihara kebajikan agama Islam di negara Brunei Darussalam. Kelemahan dan masalah ini dapat dilihat apabila berlaku kematian pada individu yang memeluk agama Islam. Dalam kes seumpama ini Mahkamah Syariah menghadapi masalah dalam menentukan status agama dan seterusnya mengisytiharkan agama seseorang yang telah meninggal dunia dalam keadaan agama yang dianutinya menjadi pertikaian.

Dalam kes *Awang Gumpul bin Payur*¹³⁹ Mahkamah Kadi telah memutuskan bahawa mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa dalam menentukan status agama simati. Dalam kes ini anak tiri yang juga merupakan anak saudara kepada simati telah membuat pengaduan dihadapan Pemangku Kadi daerah Tutong, tentang lafaz pengislaman yang telah diucapkan oleh simati sebelum beliau meninggal dunia.

¹³⁸ Bab 21, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184.

¹³⁹ Memorandum Pejabat Kadi Daerah Tutong, bil: 41/KTO/20/878/PT:6, bertarikh: 19 November 1999.

Perselisihan telah berlaku diantara anak-anak simati tentang kedudukan status agama simati. Sebelum kes ini dibawa ke mahkamah mayat simati telah diselenggarakan mengikut cara adat (adat dusun). Ini kerana simati tidak menganut mana-mana agama sebelum kematiannya. Mahkamah dalam kes ini hanya membuat siasatan dengan mendapatkan keterangan daripada saksi-saksi berkenaan dan kemudian melaporkannya secara bertulis mengenai hal tersebut kepada Penasihat Ugama sepertimana kehendak bab 167(6) AMUIDMMK penggal 77. Keputusan yang dibuat oleh Pemangku Kadi berkenaan kerana berpendapat bahawa tiada ada peruntukkan undang-undang yang member bidang kuasa kepada Mahkamah untuk memutuskan status agama simati.

Berlainan pula dengan keputusan Mahkamah dalam kes *Lim Tian Long*¹⁴⁰, Mahkamah Kadi telah membuat keputusan sebaliknya. Dalam kes ini simati berbangsa Cina, berumur 33 tahun mempunyai isteri dan lima orang anak. Pada 6 Januari 1998 beliau telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya yang mengakibatkan beliau dan anaknya meninggal dunia. Berikutan kematian tersebut, adik simati Awang Haji Zaimi Lim bin Abdullah @ Lim Tian Lai telah memohon kepada Mahkamah Kadi daerah Belait supaya mayat simati dan anaknya yang bernama Awang Lim Jian Bao dikebumikan diperkuburan orang Islam. Ini kerana Awng Lim Tian Long yang merupakan bapa kepada Lim Jian Bao pernah melafazkan lafaz dua kalimah syahadah dihadapannya. Dalam kes ini Mahkamah berpendapat ianya mempunyai bidang kuasa mengesahkan

¹⁴⁰ Keputusan Kes Mahkamah Kadi Daerah Belait, Pengiran Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan bertarikh 13 Januari 1998.

status agama simati, berdasarkan pendekatan “*The Purposive Approach*” semasa membuat penafsirkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.¹⁴¹

Isu seumpama ini sebenarnya tidak akan menimbulkan sebarang masalah jika terdapat undang-undang bertulis yang jelas. Undang-undang bertulis yang mengandungi peruntukan yang jelas berhubung bidang kuasa Mahkamah Syariah akan menjadikan Mahkamah Syariah sebagai mahkamah yang kompeten untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding.¹⁴²

Manakala dari segi pemakaian (*application*) seperti yang terkandung dalam PUUKI, 1999 Perintah tersebut secara tegas menjelaskan berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang melibatkan orang bukan Islam. Ini dapat dilihat dalam peruntukan yang terkandung dalam Perintah berikut;

“(1) Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berlawanan, Perintah ini hendaklah dikenakan dalam sebarang hal di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan sekurang-kurangnya, salah satu pihak, sama ada atau tidak dia menganut ugama Islam, bermukim di dalam Negara ini atau bermastautin di dalam Negara ini tetapi bermukim di luar Negara.

(2) Bagi mengelakkan sebarang keraguan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada Mahkamah selain dari sesebuah Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II bagi Perintah

¹⁴¹Berbeza pula keadaannya di Malaysia kerana terdapat peruntukan yang memberikan bidang kuasa khusus kepada Mahkamah Syariah bagi mendengar, memutus dan seterusnya membuat pengisytiharan status agama bagi seseorang termasuk yang telah meninggal dunia. Contoh peruntukan yang boleh dilihat ialah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (No.1/2003) yang memperuntukkan; “(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah- (c) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu berhubung dengan- (xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan...”

¹⁴² Bab 15 (b) (x), Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

Darurat (Mahkamah-Mahkamah Syariah), 1998 mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak menganut ugama Islam dan yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang berbangkit di dalam Perintah ini.”¹⁴³

Kuasa Mahkamah Syariah ini juga diberikan secara eksklusif oleh Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184 dengan memperuntukkan;

“Bagi mengelakkan sebarang keraguan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada mahkamah selain dari sesebuah mahkamah yang ditubuhkan di bawah Bahagian II boleh mendengar atau memutuskan apa-apa tuntutan atau prosiding di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah.”¹⁴⁴

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan dalam apa jua perkara yang berbangkit khususnya berkenaan undang-undang kekeluargaan yang melibatkan salah satu pihak yang bertikai itu adalah menganut agama Islam.

Perkara ini boleh dilihat melalui beberapa kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Antaranya seperti kes *Muhammad Saiful bin Abdullah Lim @ Hendry Lim Keh Guan dengan Ng Shu Hui*.¹⁴⁵ Dalam kes ini kedua-dua belah pihak yang bertikai telah berkahwin menurut perkahwinan orang-orang Tiong Hua, Brunei pada 26 Mac 2000. Pendaftaran perkahwinan tersebut telah dibuat pada 2 Jun 2000. Pada 17 Mac 2005 pihak suami telah memeluk agama Islam. Oleh sebab isteri pemohon enggan untuk turut serta memeluk agama Islam, maka Pemohon telah memohon kepada

¹⁴³ *Ibid.*, Bab 5 .

¹⁴⁴ Bab 5, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

¹⁴⁵ Kes Mal Bil : MRHS/MAL/BM 190/2005.

Mahkamah Syariah untuk mengesahkan status perkahwinan mereka di bawah Bab 47 (2), PDUUKI. Mahkamah telah membuat keputusan dengan membubarkan perkahwinan mereka pada 20 Julai 2005. Keputusan ini menunjukkan kewibawaan dan keberkesanan Mahkamah Syariah mengendalikan kes-kes yang di bawah bidang kuasanya.

Ini berbeza keadaannya dengan amalan di Malaysia. Apabila salah satu pihak pasangan suami isteri telah memeluk agama Islam, tetapi pihak satu lagi enggan untuk turut serta memeluk agama Islam, keadaan ini akan menimbulkan konflik bidang kuasa mahkamah, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, dalam hal pembubaran perkahwinan, penjagaan anak dan nafkah. Contohnya dalam kes *Tan Sung Mooi*,¹⁴⁶ suami telah menganut agama Islam. Sementara dalam kes *Tey Siew Choo*,¹⁴⁷ isteri telah menganut agama Islam, manakala dalam kes *Shamala*,¹⁴⁸ suami memeluk agama Islam dan mengambil tindakan dengan turut mengislamkan anak-anak mereka yang berada di bawah umur.

Oleh sebab Akta Undang-undang Membahari (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, telah menetapkan bahawa hanya pihak yang masih dengan agama asal (tidak Islam) yang mempunyai pilihan untuk membubarkan perkahwinan apabila pasangannya memeluk agama Islam, maka hanya mahkamah sivil sahaja yang mempunyai kuasa untuk membicarakan permasalahan berkenaan. Cuma dalam kes *Shamala*, Mahkamah Tinggi

¹⁴⁶ *Tan Sung Mooi v Too Miew Kim* [1994] 3 *MLJ* 117.

¹⁴⁷ *Tey Siew Choo v Teo Eng Hua* [1999] 6 *CLJ* 308.

¹⁴⁸ *Shamala a/p Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh a/l C Mogarajah* [2003] 6 *MLJ* 515.

memutuskan bahawa penentuan status agama anak di bawah umur yang telah menganut agama Islam adalah terletak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.¹⁴⁹

Oleh itu boleh dikatakan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia yang melibatkan orang bukan Islam perlu juga mengambil kira undang-undang yang terpakai. Sekiranya undang-undang terpakai merupakan undang-undang pemakaian am maka Mahkamah Sivil masih mempunyai bidang kuasa. Sekiranya undang-undang terpakai adalah Undang-undang Islam, maka Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah Sivil tiada bidang kuasa.¹⁵⁰

Dari sudut kesalahan jenayah (syariah) pula, Mahkamah Syariah di Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam.¹⁵¹ Dari aspek kesalahan jenayah syariah, Mahkamah Syariah di negara Brunei Darussalam juga tidak mempunyai bidang kuasa terhadap orang bukan Islam. Ini adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang bertulis yang hanya memberikan kuasa kepada Mahkamah Majistret untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan dan melibatkan orang yang bukan beragama Islam.¹⁵²

¹⁴⁹ Farid Sufian Shuaib (2007), "Penguatan Dan Pemantapan Semula Mahkamah Syariah Selepas Merdeka" dalam Mahamad Arifin *et al.* (eds.), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Jil. 12. Kuala Lumpur: DBP, h. 92; Farid Sufian Shuaib (2003), *Power and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, Kuala Lumpur: MLJ, h. 86; Tajul Aris Ahmad Bustami *et al.* (2001), *Administration of Islamic Law in Malaysia – Text and Material*. Kuala Lumpur : MLJ, h. 138.

¹⁵⁰ Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

¹⁵¹ Butiran 1, Senarai Dua, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

¹⁵² Bab 196 Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

3.6 Prosedur Pemeluk Islam Di Brunei Darussalam

3.6.1 Proses Pemeluk¹⁵³

Di negara Brunei Darussalam, setiap individu yang berhasrat untuk memeluk agama Islam sama ada mereka merupakan warganegara atau bukan warganegara dikehendaki untuk berurusan dengan Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru, Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama atau di Unit Dakwah bagi setiap daerah. Bahagian ini berperanan dan bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan-urusan pengislaman. Antara dokumen dan keperluan yang dikehendaki dalam proses ini adalah;

- (a) Mengisi borang yang telah ditetapkan sebanyak 6 salinan,
- (b) Mengemukakan kad pengenalan atau paspot bagi warganegara asing,
- (c) Mengemukakan gambar sebanyak 12 keping,
- (d) Mengemukakan dua orang saksi yang beragama Islam, dan
- (e) Menyediakan nama Islam (amat digalakkan).

Pengislaman akan dijalankan di pejabat PDI, rumah rumah persendirian, masjid atau seumpamanya. Walaupun pelaksanaan pengislaman itu dibuat di tempat-tempat selain yang dinyatakan ini, proses ini masih tetap dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan PDI.

¹⁵³Norain binti Haji Md Yassin, Pegawai di Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru, Bhg Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah, Kg.Pulaie, Jalan Kebangsaan, NBD. Temubual pada 18 Ogos 2008.

3.6.2 Pengesahan Islam

Setelah proses pengislaman dilaksanakan, pemeluk agama Islam dikehendaki memohon kepada pihak Mahkamah bagi tujuan pengesahan pengislaman yang telah dibuat olehnya. Penganut agama Islam yang baru akan menfailkan satu permohonan yang dimulakan secara notis dan disokong dengan affidavit yang diikrarkan di hadapan pendaftar mahkamah.

Proses ini bersifat mandatori sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak mahkamah dan juga pematuhan kehendak Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005 (PAMMMS) setelah ia berkuat kuasa. Proses sebelum ini hanya memerlukan pemohon untuk hadir di hadapan hakim atau kadi dengan membawa dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tujuan pengesahan tanpa melalui proses sebegini.¹⁵⁴

Sebelum berkuat kuasanya PAMMMS, Kadi atau Hakim yang diberikan kuasa seperti yang diperuntukan di bawah bab 167 dari Akta Penggal 77, akan hanya membuat penyiasatan tentang pengislaman yang telah dilakukan secara lisan. Setelah kehendak peruntukan tersebut dipenuhi, maka kadi atau hakim berkenaan akan menandatangani borang yang telah disediakan yang kemudiannya diserahkan kepada pihak MUIB bagi tujuan pendaftaran.¹⁵⁵

¹⁵⁴ Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar, Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 11 April 2009; Lihat juga Minit Bil:64 dalam Fail Bil: MMS/JKN/MAH/28/08-“Muafaf” MMS/JKN/2/51/2003.

¹⁵⁵ Borang A Aturan 2 , Borang Masuk Islam , Akta Majlis Ugama Islam, Penggal 77.

Setelah notis dikemukakan kepada pihak mahkamah, mahkamah akan membuat pemeriksaan terhadap permohonan tersebut dan seterusnya membuat pengesahan dan keputusan menurut peruntukkan undang-undang yang ada. Mahkamah kemudiannya akan mengeluarkan ‘Perintah Mahkamah’ berkenaan pengislaman kepada mereka yang menganut Islam¹⁵⁶ dan sebahagiannya tidak.¹⁵⁷

3.6.3 Pendaftaran Islam

Setelah pengesahan bagi pemeluk Islam dibuat dan pengesahan tersebut diperolehi, penganut agama Islam yang baru itu dikehendaki untuk membuat pendaftaran sebagai seorang mualaf di Pejabat Majlis Ugama Islam. Pada kebiasaannya seseorang mualaf akan membuat pendaftaran mengikut daerah atau tempat mualaf tersebut membuat pengesahan berkenaan pemelukannya di Mahkamah Syariah.¹⁵⁸

Manakala bagi kanak-kanak yang berumur 14 tahun dan 7 bulan ke bawah yang memeluk agama Islam bersama ibu dan bapanya, kanak-kanak ini tidak dikehendaki untuk mengisi borang yang telah ditetapkan kerana mereka ini tidak akan didaftarkan dalam Daftar Mualaf. Walau bagaimanapun nama bagi kanak-kanak tersebut hanya dicatat di hujung borang berkenaan. Kehadiran mereka di hadapan kadi atau hakim juga tidak disyaratkan. Setelah nama mualaf berkenaan didaftarkan dalam Daftar Muallaf,

¹⁵⁶Hjh Zuraina binti DSS Haji Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei Muara. Temubual pada 15 April 2009.

¹⁵⁷Hj Md. Shah bin Hj Taib, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait. Temubual pada 18 April 2009.

¹⁵⁸Rasidah binti Hj Apong, Pegawai di Bahagian Undang-Undang, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei. Temubual pada 21 Februari 2009.

pihak MUIB akan mengeluarkan sijil pengislaman¹⁵⁹ berserta dengan kad menunjukkan identiti baru kepada mualaf berkenaan sebagai orang Islam.

3.6.4 Pembubaran Perkahwinan dan tuntutan bagi relif-relif lain.

Jika dirujuk kepada proses pelaksanaan di Mahkamah Syariah sesuatu kes mal hendaklah dimulakan dengan saman atau permohonan. Jika dirujuk kepada amalan di Mahkamah Syariah, terdapat peruntukan khusus mengenai tuntutan, penyata tuntutan dan perkara yang perlu dipenuhi apabila sesuatu tuntutan mal difailkan di Mahkamah. Sebagai contoh jika prosiding tersebut dimulakan dengan saman ia hendaklah mengikut Bab 9 yang memperuntukkan;

“Tiap-tiap saman –

- (a) hendaklah dalam Borang MS 2; dan
- (b) hendaklah disertakan dengan pernyataan tuntutan yang mematuhi kehendak-kehendak bab 62

Bab 62 (1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syar’ienya dan hendaklah mengandungi:

- (a) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif dan menunjukkan kuasa tindakannya, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sifat khas yang atasnya plaintif mendakwa, jika ada;
- (b) butir-butir tuntutan yang mencukupi;
- (c) satu pernyataan tentang relif yang dituntut; dan
- (d) butir-butir mengenai apa-apa permohonan lain.

(2) Jika terdapat lebih daripada satu alasan tindakan, tiap-tiap alasan tindakan dan relif yang dituntut hendaklah dinyatakan berasingan.”¹⁶⁰

¹⁵⁹ Borang B (Aturan 4), “Sijil Memeluk Uagama Islam”, Aturan-Aturan Majlis Uagama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pengislaman) (Pindaan), 2003.

¹⁶⁰ Bab 16 dan 62, Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

Manakala jika prosiding itu dimulakan dengan permohonan ia hendaklah mengikut Bab 14 yang memperuntukkan;

“(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukan selepas ini, tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat dengan cara notis dalam Borang MS 3 dan disokong dengan affidavit.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah mengandungi tajuk yang sesuai.

(3) Suatu permohonan hendaklah menyatakan dengan sepenuhnya jenis perintah yang dipohon, dan mengandungi fakta yang cukup terperinci untuk menyokong permohonan itu, dan kecuali jika Mahkamah memerintahkan selainnya, permohonan itu hendaklah disampaikan kepada semua pihak dan orang yang berkepentingan di dalamnya.

(4) Dalam tiap-tiap permohonan, penentang hendaklah disebut sebagai responden.”¹⁶¹

Mengenai permohonan perceraian, Perintah yang sama menjelaskan seperti berikut;

“Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam Penggal ini, suatu permohonan mengenai pembubaran perkahwinan hendaklah dibuat mengikut Bahagian V, Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 dan prosiding lanjut mengenainya hendaklah dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan Perintah ini.”¹⁶²

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, perkara yang berkaitan dengan tajuk pembubaran perkahwinan disebabkan berlakunya pertukaran agama adalah dengan

¹⁶¹ *Ibid.*, Bab 14

¹⁶² *Ibid.*, Bab 16.

mengambil kira kehendak PUUKI dan PAMMMS. Dalam perkara ini prosiding pembubaran perkahwinan dimulakan dengan saman.¹⁶³

Mengenai tindakan atau prosiding bagi mendapatkan relif-relif lain, ia selanjutnya hendaklah dimulakan dengan notis, dan ini dijelaskan dalam peruntukan berikut;

“(2) Semua prosiding mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dimulakan dengan permohonan.”

Jadual Ketiga dalam Perintah tersebut adalah seperti berikut;

“Perkara-Perkara Yang Hendaklah Dimulakan Dengan Permohonan”

- i. Semua permohonan berhubung dengan perkahwinan di bawah Bahagian II Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999 yang memerlukan kebenaran atau pengesahan Mahkamah.
- ii. Semua permohonan berhubung dengan nafkah isteri, anak dan lain-lain di bawah Bahagian VI Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- iii. Semua permohonan berhubung dengan penjagaan (Hadhanah) kanak-kanak di bawah Bahagian VII Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- iv. Relif di bawah bab-bab 111 dan 112 Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- v. Semua permohonan kesahatarafan anak di bawah bab-bab 113 hingga 120 Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.
- vi. Semua perkara mal yang tiada pertikaian yang cara prosiding tidak diperuntukkan dengan nyata di bawah mana-mana

¹⁶³Hjh Wan Zurinah binti DSS Hj Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara. Temubual pada 15 April 2009.

undang-undang bertulis yang terpakai bagi Negara Brunei Darussalam.”¹⁶⁴

3.7 Kesimpulan

Pemerhatian kepada fungsi dan peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi terbabit, menunjukkan bahawa institusi yang dibincangkan ini sangat penting dalam melaksanakan kehendak Undang-undang Islam bagi negara Brunei Darussalam, khususnya dalam perkara yang menjadi tajuk perbincangan dalam kajian ini. Dalam melaksanakan kehendak peruntukan undang-undang yang ada, pihak pelaksana tidak terkecuali daripada berhadapan dengan masalah ketika mentadbir dan melaksanakan kehendak undang-undang berkenaan. Apabila permasalahan berbangkit, maka sudah tentunya ia akan mencabar kredibiliti institusi-institusi berkenaan dan juga hak-hak dan kebajikan pihak-pihak yang berkepentingan seperti golongan mualaf.

¹⁶⁴ Bab 8 & Jadual Ketiga, Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

BAB IV

ISU-ISU PEMELUKAN ISLAM

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan menganalisa dengan lebih terperinci isu-isu dan permasalahan yang berbangkit akibat dari pemeluk Islam. Perbincangan tidak hanya memfokuskan kepada isu atau permasalahan yang berpunca dari pemeluk Islam salah satu pihak kepada perkahwinan tetapi masalah yang berbangkit dari kedua pasangan yang memeluk agama Islam. Isu-isu dan permasalahan perundangan dan pentadbiran undang-undang berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah akan menjadi perbincangan utama dalam bab ini.

4.1 Kuasa dan Bidang Kuasa Mahkamah

4.1.1 Pengesahan Status Agama Si Mati

Sebelum wujudnya AMMS, Penggal 184, Mahkamah Kadi merupakan satu-satunya institusi kehakiman syariah yang diberi kuasa untuk melaksanakan fungsinya dalam urusan-urusan yang melibatkan hal-ehwal masyarakat Islam di negara ini menurut bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Di negara Brunei Darussalam, perselisihan bidang kuasa (*conflict of jurisdiction*) antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil tidak timbul, tidak sebagaimana yang

berlaku di Malaysia. Permasalahan yang berlaku di negara Brunei Darussalam lebih mengenai pendekatan yang diambil oleh mahkamah dalam mentafsir undang-undang iaitu, “*legal interpretation of the existing laws*”. Ini dapat dilihat dalam kes *Lim Tan Long*¹⁶⁵ dan *Awang Yong Yock See*¹⁶⁶ dengan mahkamah memutuskan bahawa ia mempunyai bidang kuasa bagi menentukan status agama si mati. Sebaliknya, berlainan pula dengan keputusan kes *Awang Gumpul bin Payur*.¹⁶⁷ Mahkamah dalam kes ini tidak memberi sebarang keputusan ataupun sebarang remedi bagi menentukan agama si mati tetapi sekadar membuat siasatan dengan mendapatkan keterangan daripada saksi-saksi yang terlibat yang kemudiannya membuat laporan secara bertulis dan diserahkan kepada Penasihat Ugama menurut kehendak Bab 167(6) AMUIDMMK Penggal 77.

Walau bagaimanapun, tindakan tersebut telah menerima kritikan oleh Mahmud Saedon Awang Othman¹⁶⁸ yang antaranya menyebut,

“Kaola berpendapat Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa untuk memerintahkan agar kubur seseorang itu boleh digali apabila disabitkan ianya Islam yang mana pengesahan Islam adalah bidang kuasa Kadi kerana akibat daripada pengesahan tersebut seseorang itu adalah diperkuburan Islam apabila ia mati. Sepatutnya Kadi daerah Tutong apabila membuat keputusan di dalam perkara pengesahan Islam Awang Gumpul bin Payur merujuk kepada pendapat Mahkamah Kadi daerah Belait di dalam kes Awang Lim Tan Long dan kaola bersetuju dengan penghakiman Kadi tersebut, walaupun mungkin keputusan Kadi daerah Belait tersebut tidak mengikat.”¹⁶⁹

¹⁶⁵ Keputusan Kes Mahkamah Kadi Daerah Belait, Pengiran Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, 13 Januari 1998.

¹⁶⁶ Bil: 18/KTO/30/1986 Laporan Pengesahan Islam Pejabat Kadi Daerah Tutong, 6 Februari, 2001.

¹⁶⁷ Bil: 41/KTO/20/878/PT:6 Memorandum Pejabat Kadi Daerah Tutong, 19 November, 1999.

¹⁶⁸ Beliau merupakan Pakar Perundangan Islam merangkap Pengarah Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal-Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

¹⁶⁹ Bil. KHEU/UPI(P)/3/7 Surat daripada Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Hj Mahmud Saedon bin Awang Othman kepada Kadi Besar Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, NBD, 11 November, 1999.

Pandangan yang dibuat secara bertulis itu juga boleh dianggap sebagai pentafsiran kepada peruntukan undang-undang berkenaan kuasa kadi dalam membuat pemeriksaan dan laporan kepada MUIB berhubung dengan pemelukan agama Islam. Tafsiran yang dibuat oleh beliau membawa maksud bahawa mahkamah sebenarnya mempunyai kuasa untuk menyelesaikan kes-kes seumpama itu melalui implikasi daripada peruntukan undang-undang bertulis (*implied conferment of jurisdiction*) yang ada, ataupun dengan lain perkataan mahkamah menyangka bahawa ia mempunyai kuasa bagi mengendalikan satu-satu kes.

Menjadi suatu keperluan untuk membuat pentafsiran terhadap undang-undang bagi menyelesaikan satu-satu masalah atau membicarakan kes bagi mendapatkan penyelesaian atau keputusan yang benar-benar berwibawa. Sebagai contoh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah*¹⁷⁰ telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah boleh memperolehi bidang kuasa secara implikasi daripada peruntukan undang-undang berkenaan undang-undang Islam. Begitu juga dalam kes *Tang Sung Mooi lwn Too Miew Kim*¹⁷¹, Hakim Mohamed Dzaidin HMA menyatakan bahawa implikasi boleh berlaku berdasarkan bahasa yang digunakan atau dalam konteks tertentu atau dengan pemakaian peraturan luaran.

Berdasarkan kepada penelitian penulis terhadap keputusan-keputusan yang dibuat terhadap kes-kes tersebut, tidak keterlaluan jika penulis membuat rumusan bahawa

¹⁷⁰ [1998] 2 *MLJ* 244.

¹⁷¹ [1994] 3 *MLJ* 117.

Mahkamah Kadi (sekarang Mahkamah Syariah) sebenarnya hanya berhadapan dengan kelemahan peruntukan undang-undang dari sudut konteks dan kandungan. Bahkan setakat ini pun, tidak ada kes yang direkodkan yang melibatkan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil berhubung permasalahan yang bersangkutan dengan pemelukan agama. Keadaan ini sewajarnya menjadi peluang kepada para hakim untuk membuat pentafsiran terhadap undang-undang selaras dengan prinsip-prinsip syarak setakat mana undang-undang yang ada membenarkan. Sama ada menggunakan tafsiran perundangan yang menggunakan pendekatan harafiah (*the literal approach*), kaedah keemasan (*the golden approach*), kaedah kemudaran (*the mischief rule*) ataupun kaedah tujuan (*the purposive approach*).¹⁷² Ini kerana Mahkamah Syariah bukan sahaja melaksanakan fungsinya dengan hanya menggunakan kaedah pentafsiran menurut perundangan Islam, tetapi juga perlu merujuk kepada pentafsiran undang-undang sivil.¹⁷³ Ini kerana sistem perundangan yang diamalkan di negara ini adalah bersifat dualisme dalam keadaan Mahkamah Syariah diwujudkan dalam kerangka perundangan negara yang menjadikan sebahagian daripada rujukannya adalah undang-undang sivil dengan Undang-undang Perlembagaan sebagai undang-undang utama negara.

Dan sekiranya maksud secara literal terhadap peruntukan-peruntukan tertentu tidak dapat difahami dengan jelas, pentafsiran tersirat (*construction by implication*) boleh

¹⁷² Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hal. 142 – 151.

¹⁷³ Bab 2, Interpretation And General Clauses Act, Chapter 4.

digunakan mengikut keadaan dan keperluan satu-satu kes.¹⁷⁴ Semua fasiliti perundangan termasuklah bagaimana mentafsirkan peruntukan yang ada seharusnya diguna dan dibuat dengan cara yang boleh member faedah kepada agama Islam. Apatah lagi agama Islam merupakan agama rasmi bagi negara Brunei Darussalam sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan.¹⁷⁵

4.1.2 Keberkesanan Peranan Pentadbiran dan Pengurusan

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan sejauh mana agensi kerajaan atau institusi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mentadbir, mengurus serta menangani kes-kes yang melibatkan pemelukan agama bagi orang yang telah meninggal dunia. Menjadi persoalan di sini pihak mana yang perlu membuat tindakan, memulakan prosiding atau menjadi responden dalam pertikaian menentukan agama si mati.

Sehubungan dengan hal ini, sebagai perbandingan, pengalaman Malaysia dalam mengendalikan kes-kes berkenaan penentuan agama si mati boleh menjadi rujukan.

Permohonan bagi penentuan akidah dalam kes *Nyonya Tahir* dibuat oleh Majlis Agama

¹⁷⁴ Tajul Aris Ahmad Bustami (2005), “Menyusuri Kesan Pindaan Perlembagaan Perkara 121(1A) Ke Atas Bidang Kuasa Mahkamah Syariah”, dalam Tajul Aris Ahmad Bustami *et al.* (eds), *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: DBP, h. 48.

¹⁷⁵ Maksud “agama” dengan merujuk kepada “kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintahNya..” Agama juga didefinisikan sebagai hubungan seseorang dengan Penciptanya, sesuatu yang menyebabkan wujudnya tanggungjawab ke atas individu itu. Dalam menangani tanggungjawab individu itu, rujukan mesti dibuat kepada doktrin agama berkenaan; rujukan tidak boleh dibuat kepada sumber atau perspektif luaran lainnya. Dalam konteks peruntukan mengenai Islam, rujukan perlu dibuat kepada sumber-sumber Islam sebagaimana yang utamanya ialah al-Quran dan al-Sunnah. Perkataan ‘rasmi’ pula boleh dikatakan sebagai kedudukan yang mewujudkan tanggung jawab atau hak. Rasmi juga merujuk kepada sesuatu yang diisytiharkan, ditentukan atau disahkan oleh pihak berkuasa. Lihat Abd. Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, h. 13.

Negeri Sembilan,¹⁷⁶ manakala dalam kes *Mohammad Abdullah Moorthy* pula dibuat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.¹⁷⁷ Kedua-dua kes ini dikendali dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah negeri masing-masing. Manakala pengalaman di Mahkamah Sivil, antaranya merupakan permohonan yang dibuat oleh pemohon sendiri, melalui kes *Md Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*¹⁷⁸ dan kes *Soon Sing a/l Bikar Sing lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia*.¹⁷⁹ Selain daripada pihak institusi, waris-waris si mati adalah pihak yang boleh membuat permohonan bagi pengisytiharan agama si mati sebagaimana dalam kes *Dalip Kaur Gurbux Singh lwn Pegawai Polis Bukit Mertajam*.¹⁸⁰

Berdasarkan kepada kes-kes yang dinyatakan di atas, ianya menunjukkan bahawa hak untuk memulakan prosiding bagi menentukan agama boleh dimulakan oleh individu terbabit itu sendiri. Jika individu itu telah meninggal dunia, hak tersebut boleh dilaksanakan oleh waris-warisnya atau pihak berwajib seperti Majlis Uqama Islam. Persoalan siapa yang berhak untuk mengambil tindakan dalam sesuatu kes memerlukan penentuan sesuatu fakta yang membolehkan tindakan dapat dilakukan.¹⁸¹

¹⁷⁶ Dalam kes *Nyonya binti Tahir*, permohonan secara *ex-parte* dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan Pegawai Agama Islam Daerah Tampin Negeri Sembilan berdasarkan Sek.61, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 untuk menentukan status agama si mati *Nyonya binti Tahir*. Lihat (2006) *JH* 21(2).

¹⁷⁷ Prosiding bagi kes *Mohammad Abdullah @ Moorthy a/l Maniam* permohonan secara *ex-parte* telah dibuat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu Che Mat bin Che Ali berdasarkan Sek.91, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 bahawa si mati Mohammad bin Abdullah adalah seorang Islam dan hendaklah dikebumikan menurut kehendak agama Islam dan hukum syarak.

¹⁷⁸ [1997] 4 *CLJ*.

¹⁷⁹ [1999] 2 *CLJ* 5.

¹⁸⁰ [1991] 1 *CLJ* 77.

¹⁸¹ Isu ini melibatkan kausa tindakan (*cause of action*), kausa tindakan bermaksud fakta atau kombinasi fakta yang memberi hak untuk pengambilan sesuatu tindakan undang-undang. Manakala dalam kamus undang-undang, kausa tindakan ertinya fakta-fakta yang membenarkan seseorang itu mendakwa. Lihat *Jurnal Hukum* (1428H), Jld.24 Bhg 1, h. 50.

Membandingkan pengalaman di Malaysia dengan penyelesaian yang dibuat terhadap kes *Awang Gumpul bin Payur*, ianya memperlihatkan kelemahan terhadap pelaksanaan undang-undang oleh pihak-pihak yang berwajib amat perlu diperbaiki. Dalam kes *Awang Gumpul bin Payur*, ahli waris bagi si mati masih sehingga kini tidak menerima sebarang remedi daripada pihak mahkamah, sedangkan sebagai ahli waris mereka adalah pihak yang sangat mempunyai kepentingan dan tentunya terdapat urusan-urusan tertentu yang perlu disempurnakan seperti hal perwarisan harta pusaka, sebagai kesan kepada kematian si mati. Apabila perkara seumpama ini tidak diberi perhatian yang wajar, seolah-olahnya tindakan ini telah menafikan hak pihak-pihak tertentu untuk mendapat keadilan. Ataupun dalam kata lain, ia boleh menyebabkan berlakunya keciciran terhadap *masalah* atau kebajikan pihak-pihak tertentu.

4.1.3 Konflik Bidang Kuasa Mahkamah

Di negara Brunei Darussalam, bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah telah diperuntukkan dalam AMMS, Penggal 184 dan juga PDUUKI, 1999. Sungguhpun akta tersebut telah dibuat untuk mengelak daripada berlakunya pertindihan bidang kuasa Mahkamah Sivil terhadap perkara yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa, namun masih terdapat konflik perundangan khususnya apabila berhadapan dengan isu salah seorang daripada pasangan suami isteri memeluk agama Islam.

Antara kes yang terlibat dalam konflik perundangan atau bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Sivil ialah kes *Sandy M.Chiew @ Martinez lwn James Chiew Hua*.¹⁸² Dalam kes ini Mahkamah Tinggi Sivil telah memutuskan bahawa Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa dan merupakan forum yang sesuai untuk pempetisyen Katholik memfailkan perceraian. Penghakiman tersebut antaranya sebagai menyatakan;

“Perintah Darurat (Undang-undang Keluarga Islam),1999, tidak terpakai kepada perkahwinan Kristian di antara orang bukan Islam. Perkahwinan seperti itu tidak boleh didaftarkan atau dianggap didaftarkan di bawah Perintah tersebut. Responden telah gagal memenuhi peruntukan di bawah bab 7 dari PDUUKI, (1999). Perkahwinan beliau, yang merupakan perkahwinan bukan Islam, adalah di luar lingkungan bab 7 (2) dan ia tidak boleh dianggap didaftarkan di bawah Perintah tersebut. Lagipun, responden hanya baru memeluk Islam, perkahwinan tersebut adalah di luar lingkungan bab 7 (4) dari Perintah yang sama.

Perintah Darurat (Mahkamah Syariah) 1988 dan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999, adalah untuk memberikan bidang kuasa perceraian di dalam Mahkamah-Mahkamah Syariah keatas perkara-perkara yang berkenaan perkahwinan Islam, iaitu di mana kedua-dua pihak merupakan Islam ataupun salah satu daripada pihak kepada perkahwinan tersebut adalah Islam. Salah satu aspek undang-undang ini yang menonjol adalah ketiadaan keadaan dan status parti bukan Islam kepada perkahwinan tersebut disebutkan dan remedi-remedi yang dibuka kepada parti bukan Islam. Ini hanya menekankan sifat undang-undang tersebut yang hanya terpakai kepada perkahwinan Islam yang disebutkan didalamnya. Pada fakta-fakta, responden tidak boleh bergantung kepada penukaran beliau kepada penukaran beliau kepada Islam selepas pemetisyen telah memfailkan petisyen beliau untuk perceraian, sebagai memberikan Mahkamah Syariah bidang kuasa untuk membuat perintah peceraian yang sah di sisi undang-undang ke atas pempetisyen Kristian yang tidak menukar kepada Islam dan yang tidak menurut bidang kuasanya.

Isu berkaitan dengan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Tinggi Sivil dengan Mahkamah Syariah ini telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Brunei dalam kes yang

¹⁸² Petition No.15 of 2001.

sama berikutan rayuan yang telah dikemukakan oleh Perayu iaitu *Mohd Jamil Abas bin Abdullah @ James Chiew Siew Hua*¹⁸³ terhadap keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Sivil. Antara rayuan dalam petisyen perayu ialah perkara berkaitan dengan pembubaran perkahwinan dan penjagaan anak yang perlu berada di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. Rayuan ini adalah susulan daripada permohonan untuk membatalkan suatu prosiding yang telah dikemukakan oleh responden sebelum ini.

Menariknya, Mahkamah Rayuan membuat keputusan bahawa perkahwinan sivil tidak boleh didaftarkan di bawah PDUKKI, 1999 kerana ia tidak termasuk dalam maksud peruntukan-peruntukan di bawah Bab 7. Peruntukan dalam bab ini hanya memberi pengkhususan kepada perkahwinan orang-orang Islam atau perkahwinan sivil yang kedua-dua pihak iaitu suami isteri telah memeluk agama Islam. Seterusnya, Mahkamah Syariah juga tidak boleh memberi kebenaran kepada mereka untuk bercerai di bawah Bab 47 (2) dari perintah yang sama kerana perkahwinan mereka tidak didaftarkan di bawah perintah tersebut. Antara lain penghakiman kes tersebut menyatakan;

“Ceraian (1) tidak berkaitan. Ceraian (2) tidak membawa perkara tersebut lebih lanjut lagi, kerana Mahkamah hanya boleh ‘mengesahkan’ pembubaran tersebut jika ianya mempunyai kuasa berbuat sedemikian di bawah perintah itu atau undang-undang lain. Kuasa di bawah perintah itu adalah terhad sebagaimana yang telah kami bantahkan. Kami tidak tahu ada undang-undang lain lagi yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk membenarkan suatu perceraian yang sah dari segi undang-undang am Brunei.

Kami juga telah merujuk semula kepada bab 5, dengan bergantung kepada proviso pembukaan bab 41- ‘Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya,....’

¹⁸³ Civil Appeal No. 17 of 2002.

Dalam penghakiman kami bab 5 tidak memperuntukkan dengan nyata sebaliknya kuasa untuk membenarkan perceraian. Ianya menentukan dalam mahkamah mana prosiding boleh didengar. Ianya tidak memberi kuasa-kuasa tertentu kepada mahkamah-mahkamah itu. Walau bagaimanapun kami menegaskan untuk mengambil suatu pendekatan yang progresif. Pendekatan sedemikian terhadap penafsiran undang-undang sekarang adalah amat kukuh. Tetapi dengan hormatnya, kami di sini bukan diminta untuk mentafsir undang-undang, tetapi untuk membuatnya. Itu kami tidak dapat lakukan.”¹⁸⁴

Berdasarkan kepada penelitian penulis, mahkamah yang mendengar rayuan kes ini telah membuat keputusan dengan melihat kepada fakta agama pihak-pihak tersebut pada tarikh permulaan prosiding, dan bukannya pada sifat perkahwinan tersebut walaupun mahkamah turut membuat ulasan berkenaan dengan isu perkahwinan yang membawa kepada kuasa untuk membuat pengesahan perceraian.

Keputusan dalam kes ini telah menimbulkan perbincangan di kalangan sarjana dan pengamal undang-undang di negara ini. Antaranya, pandangan daripada Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang mengatakan bahawa;

“Bab 41 itu sebenarnya tidaklah boleh dianggap boleh menimbulkan masalah. Bab ini adalah khusus bagi perkahwinan untuk orang Islam yang asalnya memang beragama Islam bukan peruntukan bagi orang yang tidak Islam asalnya, sebab bagi orang yang bukan Islam yang telah berkahwin mengikut agama asalnya apabila berlaku salah seorang masuk Islam maka peruntukan khusus ada diperuntukan di bawah bab 47(2) sebagaimana yang dihendaki oleh bab 41 itu yang menyatakan, “kecuali yang diperuntukan dengan nyata sebaliknya”, klausa dalam ayat bab 41 itu hendaklah dibaca dengan bab 47(2) apabila

¹⁸⁴ *Ibid.*

hendak membuat pengesahan pembubaran pernikahan di bawah bab tersebut.”¹⁸⁵

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang mengatakan bahawa penyebutan Bab 41 di bawah PDUUKI, 1999, merupakan salah satu syarat bagi permohonan untuk perceraian di bawah Bab 42 dan tidak disebut dalam bab-bab untuk permohonan pembubaran perkahwinan yang lain. Ini boleh dijadikan sebagai alasan untuk menolak pemakaian bab tersebut dalam kes-kes pembubaran perkahwinan selain daripada Bab 42. Penulis tersebut juga berpendapat agar pengenalan Bab 41 secara khusus dalam Bab 42 dimansuhkan bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan.¹⁸⁶

Walau bagaimanapun, penulis kurang bersetuju dengan pendapat tersebut serta alasan yang dikemukakan. Ini kerana ia tidak dapat menyelesaikan masalah bagi keadaan pasangan suami isteri yang asalnya bukan beragama Islam kemudian memeluk agama Islam secara bersama, akan tetapi pasangan tersebut kemudiannya memohon untuk bercerai menurut Bab 42 ini.

Menurut seorang peguam,¹⁸⁷ Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa dalam kes tersebut kerana Bab 5 AMMS, Penggal 184 dan Bab 5 (2) PDUUKI, 1999, merupakan undang-undang prosedur atau tatacara dan bukannya undang-undang

¹⁸⁵ Johar bin Muhamad (2006), “Talak Dan Tuntutan-Tuntutan Berkaitan Menurut Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, Brunei Darussalam” (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 156.

¹⁸⁶ *Ibid.*, h. 162.

¹⁸⁷ Mohd. Yusof Halim (2009), “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah : Analisa Kes Mohd.Jamil Abas bin Abdullah @ James Chiew Siew Hua dan Sandy M.Chiew @ Martinez” (Kertas Kerja Bengkel Undang-Undang Acara Mal , anjuran Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, NBD, bertempat di Jame A’sri Hassanil Bolkiah, 17-20 Julai 2009).

substantif. Oleh itu berdasarkan kepada prinsip undang-undang ‘*retrospective effect*’ seperti yang diputuskan dalam satu kes di Malaysia,¹⁸⁸ undang-undang yang dikenakan adalah berbentuk prosedur atau pembuktian (*evidence*) dan bukannya undang-undang substantif. Atau dalam kata lain yang lebih mudah, undang-undang yang baru memansuhkan undang-undang yang terdahulu. Ini kerana AMMS Penggal 184 dan PDUUKI 1999 berkuat kuasa selepas ‘Emergency (Dissolution of Marriage) Order 1992.

Sebenarnya keputusan kes-kes di atas tidak memberikan kesan terhadap kredibiliti Mahkamah Syariah dalam melaksanakan fungsi dan peranannya kerana keputusan tersebut tidak mengikat Mahkamah Syariah. Meminjam kenyataan oleh YA Tuan Haji Zohdi bin Haji Toha dalam penghakiman beliau terhadap kes *Pendakwa Syarie lwn Fahyu Hanim, Noni Mohamad & Sharina Shaari*, yang menyebut;¹⁸⁹

“...Mahkamah Syariah tidak terikat dengan keputusan mahkamah awam atau sivil yang merupakan doktrin duluan. Begitu juga kes-kes mahkamah syariah yang lain atau dengan perkataan yang lain doktrin duluan mengikat tidak terpakai di mahkamah syariah.”

Walau bagaimanapun, melihat kepada keputusan kes-kes tersebut menunjukkan terdapatnya kecenderungan Mahkamah Sivil untuk campur tangan ketika membuat pentafsiran undang-undang bertulis sedangkan undang-undang berkenaan secara jelas memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Dalam hal ini tidak keterlaluan bagi penulis merumuskan bahawa Mahkamah Sivil tidak berkelayakan mahupun berhak untuk membuat pentafsiran terhadap undang-undang bertulis berkenaan yang nyata telah memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Selanjutnya, sekalipun dikatakan

¹⁸⁸ *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1.

¹⁸⁹ (2000) 8:1 Jurnal Syariah 137, h. 148.

pendekatan *judicial approach* boleh memberi kebenaran kepada Mahkamah Sivil berhubung dengan kes tersebut, tetapi penulis cenderung untuk mengatakan bahawa Mahkamah Sivil sebenarnya tidak berkelayakan atau kompeten untuk berbuat demikian. Forum yang lebih tepat dan berkelayakan untuk membuat pentafsiran terhadap kehendak bab-bab tertentu khususnya peruntukan yang terkandung dalam PDUUKI, 1999, ialah Mahkamah Syariah semata-mata.

Seperkara lagi yang menjadi perhatian penulis adalah berkenaan dengan pendaftaran perkahwinan dimana Mahkamah Sivil menyatakan bahawa perkahwinan mereka tidak boleh didaftarkan atau dianggap didaftarkan di bawah Perintah tersebut. Perkara ini dikatakan telah dijadikan sebagai alasan utama untuk menghalang Mahkamah Syariah daripada mempunyai kuasa bagi mendengar dan memutuskan kes ini. Namun pada pendapat penulis, pihak Mahkamah Sivil boleh mengabaikan aspek ini kerana tindakan mendaftarkan atau tidak mendaftarkan perkahwinan sebenarnya tidaklah menyebabkan terbatalnya sesebuah perkahwinan. Sekiranya sesebuah perkahwinan itu telah dilaksanakan dengan sempurna mengikut hukum syarak, ia sah walaupun tidak atau belum didaftarkan. Begitu juga keadaannya pada perkahwinan yang dilangsungkan mengikut undang-undang sivil. Ini kerana peruntukan undang-undang dengan jelas mengatakan bahawa satu-satu perkahwinan itu tidak boleh ditafsirkan sebagai diakui atau tidak diakui hanya menurut kepada sama ada ia didaftarkan ataupun tidak. Apa yang dapat dilihat daripada penghakiman tersebut adalah, mahkamah yang mendengar rayuan hanya memberi tumpuan kepada perkara pendaftaran semata-mata tanpa melihat secara

bersama mengenai kesan pendaftaran menurut undang-undang tersebut. Teks peruntukan tersebut boleh dilihat seperti berikut;

“Tiada sebarang apa pun dalam Perintah ini atau dalam aturan-aturan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan diakui atau tidak diakui sesuatu perkahwinan semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau belum didaftarkan, yang sebaliknya, adalah tidak diakui atau diakui.”¹⁹⁰

Sebenarnya, tidak timbul persoalan sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ataupun sebaliknya bagi mendengar dan seterusnya memutuskan permohonan perceraian terhadap mana-mana perkahwinan yang tidak dapat didaftarkan sedangkan perkahwinan tersebut sah menurut hukum syarak. Ini kerana semua orang yang terlibat dalam bidang perundangan negara Brunei Darussalam memaklumi bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam undang-undang keluarga Islam tidaklah berbentuk substantif semata-mata malah terdapat peruntukan-peruntukan tertentu yang berbentuk prosedur.

Sesebuah pembubaran perkahwinan akan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang bersifat substantif dan ia berteraskan kepada hukum syarak, sedangkan keperluan kepada pendaftaran adalah perkara tambahan bagi setiap permohonan untuk membubarkan perkahwinan dan bukanlah sebahagian daripada rukun atau syarat sah kepada sesuatu perkahwinan dan juga perceraian. Contohnya dalam kes fasakh bahawa kebanyakan ulama mengatakan bahawa fasakh atau pembubaran boleh terus terlaksana

¹⁹⁰ Bab 32, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

tanpa memerlukan keputusan hakim¹⁹¹ akan tetapi, hakim dan kuasa hakim masih diperlukan dan autoriti ini sebenarnya wujud daripada konsep *wilayah 'am* seorang hakim ke atas seluruh manusia. Bila ini keadaannya, maka adalah tidak wajar peruntukan yang bersifat prosedur menghalang kehendak peruntukan undang-undang yang bersifat substantif dan ia berteraskan kepada hukum syarak.

Ini juga memberi maksud bahawa kewajipan mahkamah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab hakikinya berdasarkan kepada konsep di atas tidak akan terjejas hanya disebabkan oleh perkara-perkara berbentuk prosedur. Sebagai individu Muslim, sememangnya kita menginsafi bahawa menegakkan keadilan adalah perkara yang perlu diperjuangkan dan ia menjadi kewajipan kepada semua orang. Mahkamah Syariah pula merupakan komponen utama dalam sistem keadilan itu sendiri, sebagai pihak yang menerima tanggungjawab untuk menegakkan keadilan dengan cara mendengar dan membuat penyelesaian secara sempurna dan adil terhadap setiap pertikaian yang dibawa di hadapannya.

Adalah sangat malang sekiranya keadilan tidak mampu disempurnakan hanya disebabkan oleh perkara-perkara yang bersifat teknikal sedangkan ia tidak menyentuh hukum syarak itu sendiri. Pewujudan perkara-perkara teknikal atau penggubalan peruntukan-peruntukan yang bersifat prosedur seharusnya menjadi daya sokong atau pemangkin untuk menjadikan Undang-undang Syariah itu dapat berperanan secara lebih

¹⁹¹ Mohamed Azam Mohamed Adil (1998), "Kesan Dan Implikasi Pertukaran Agama Dalam Perundangan Malaysia", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-Undang Islam Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 33; Narizan Abdul Rahman (2007), "Hak Kekeluargaan Berlainan Agama", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-Undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 120.

berkesan, dan bukan membenarkan ia menjadi dominan dan dominasinya itu menyebabkan fungsi utama undang-undang untuk menyelesaikan masalah manusia dengan adil secara tidak langsung atau tidak sedar, dinafi. Kaedah syarak menyebut bahawa;

إذا تعذر جمع الواجبين قدم ارجحهما ؛ وسقط الآخر بالوجه الشرعي¹⁹²

Jika ini berlaku, selain secara *de facto* keadilan tidak tercapai akan tetapi dari perspektif undang-undang negara juga ia membawa natijah sebagai tidak selaras dengan maksud peruntukan undang-undang yang dianggap sebagai *safety clause* yang menyebut; “(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara’*, adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.”¹⁹³

Sebenarnya negara Brunei Darussalam belum pernah mempunyai pengalaman untuk menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan konflik bidang kuasa yang melibatkan dua sistem kehakiman di negara ini. Cabaran kepada sistem perundangan negara ini menuntut kepada penambahbaikan terhadap sistem tersebut termasuklah menyediakan prasarana bagi mendepani isu-isu seperti ini. Bagi sistem perundangan Islam negara Brunei Darussalam, ia pastinya cabaran amat hebat untuk memastikan isu-isu yang melibatkan konflik bidang kuasa dapat dihadapi dengan baik, kepentingan agama Islam dapat dipertahankan dan *masalahah* umat Islam di negara Brunei Darussalam dapat dipelihara.

¹⁹² Ali Ahmad al-Nadwi (2004), *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dar al-qalam, h. 253.

¹⁹³ Bab 144, Perintah Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

4.1.4. Kuasa Kehakiman

Bahagian ini akan membincangkan persoalan berkaitan prosedur atau tatacara Mahkamah Syariah dalam melaksanakan kehendak peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan ‘Orang-Orang Mualaf’. Tatacara ini diguna pakai melalui Bahagian VIII dari AMUIDMMK penggal 77, iaitu dengan cara mengemukakan satu notis permohonan kepada mahkamah yang disokong dengan affidavit bagi tujuan pengesahan Islam seseorang sebelum pendaftaran mengenai pengislamannya dibuat. Perkara berbangkit di sini ialah berkaitan pelaksanaan tatacara ini sama ada ia bertepatan dengan kehendak undang-undang yang ada ataupun mempunyai ruang untuk penambahbaikan.

Bagi menghurai dan mendapat jawapan berhubung persoalan tersebut pada hemat pengkaji, adalah perlu bagi kita untuk mendapatkan perincian dan penjelasan secara tepat berkenaan kuasa yang diberikan oleh undang-undang kepada pihak yang berwajib untuk melaksanakan undang-undang menurut kehendak peruntukan tersebut. Selain itu perbincangan ini juga terlebih dahulu memerlukan kita untuk benar-benar memahami maksud ‘kadi’ yang terkandung dalam akta tersebut; sama ada ia membawa maksud yang sama dengan istilah ‘hakim’ di bawah AMMS, Penggal 184 ataupun mempunyai maksud yang tersendiri.

Akta Penggal 77 merupakan undang-undang yang mengandungi pelbagai perkara yang bukan sekadar mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan undang-undang keluarga tetapi juga turut mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan

undang-undang pentadbiran, prosedur, keterangan dan sebagainya. Secara *de jure*, kadi bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab kehakiman iaitu membicarakan kes atau menyelesaikan pertikaian, akan tetapi ia juga perlu menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Sebagai contoh, peruntukan di bawah akta tersebut menyebut bahawa fungsi dan jawatan kadi adalah sebagai Pendaftar Pernikahan dan Perceraian Orang-Orang Islam.¹⁹⁴

Bila disebut istilah ‘hakim’, kelazimannya, ia akan dikaitkan dengan tugas membicarakan kes-kes yang dikemukakan di hadapannya, iaitu mendengar pertikaian atau isu, menerima keterangan daripada pihak-pihak yang bertikai dan kemudiannya membuat keputusan lalu mengeluarkan perintah (فصل بين الخصومات). Walau bagaimanapun dalam perbincangan ini, fungsi seseorang hakim perlu difahami menurut perspektif undang-undang yang telah digubal dan dilaksanakan di negara ini.

Jika istilah ‘hakim’ dalam PDUUKI 1999 diteliti, istilah ini adalah mengikut kepada kehendak AMMS, Penggal 184. Istilah ‘Pendaftar’ dalam PDUUKI pula membawa fungsi yang tersendiri iaitu sebagai “Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ Orang-Orang Islam” yang dilantik di bawah Bab 26 daripada perintah yang sama. Tafsiran undang-undang yang diberikan kepada kedua-dua jawatan ini memberi peranan yang tersendiri dan jelas kepada kedua-duanya dengan hakim menjalankan tugas-tugas kehakiman, manakala pendaftar pula menjalankan kerja-kerja pentadbiran. Contohnya, dalam Bahagian V (Pembubaran Perkahwinan) atau Bahagian VI (Nafkah Isteri, Anak Dan Lain-Lain) secara umum, kita akan dapati bahawa autoriti atau kuasa, liabiliti dan

¹⁹⁴ Bab 135, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77.

setiap tugas adalah berbentuk kehakiman, dan tidak bercampur dengan unsur-unsur tugas yang melibatkan pentadbiran.

Isu kuasa dan peranan hakim ada dibincangkan dalam kes *Jafar Anak Juing*.¹⁹⁵ Fakta kes ini ialah, pihak mahkamah telah menerima satu permohonan yang dibuat melalui memorandum daripada Ketua Unit Dakwah bagi memohon pengesahan pengislaman si mati. Si mati telah memeluk agama Islam pada 26 Jun 2006 melalui Pejabat Dakwah Daerah Belait. Keterangan pengislaman si mati adalah sebagaimana yang tercatat dalam borang kemasukan Islam.¹⁹⁶

Isu dalam kes ini yang berkaitan dengan peranan hakim adalah berkenaan dengan peruntukan undang-undang di bawah Bab 167 yang mengkehendaki pemeluk agama Islam supaya hadir di hadapan kadi (sekarang hakim syarie) di tempat biasanya ia tinggal. Ini bertujuan untuk kadi membuat siasatan dan seterusnya melaporkan semua tindakan yang telah dibuat dan diambil mengikut syarat-syarat yang terkandung di bawah bab ini beserta dengan pendapatnya kepada Penasihat Ugama. Undang-undang mengalami *lacuna* dengan tiadanya peruntukan untuk mengurus pemeluk agama yang telah sempurna melafazkan kalimah syahadah tetapi kemudiannya meninggal dunia dalam keadaan belum hadir di hadapan kadi atau hakim syarie seperti bagi maksud peruntukan bab berkenaan.

¹⁹⁵ Fail Kes Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait yang didengar pada 2 Mac 2007. (tidak ada bilangan bagi rujukan kes ini dicatatkan pada fail berkenaan)

¹⁹⁶ Lihat Borang A, Aturan 2 (Borang Masuk Islam), Bil: MU/KHEU/43/06/(M-BT).

Dalam kes ini hakim yang mendengar permohonan telah membuat keputusan dengan penghakiman beliau antaranya menyatakan bahawa;

“ Saya berpendapat jika seseorang itu telah meninggal dunia selepas dia melafazkan dua kalimah Syahadah atau memeluk Ugama Islam, ini tidak menghalang bagi saya selaku hakim Syarie membuat siasatan dan pemeriksaan berdasarkan permohonan yang dikemukakan kerana sepertimana yang telah ditegaskan dan dijelaskan sebelum ini. Peruntukan yang berkaitan dengan kuasa Hakim Syarie bagi perkara ini hanyalah satu peruntukan yang berbentuk pentadbiran (*administrative of law*) yang berkaitan dengan procedural yang memberi kuasa Hakim Syarie menyiasat dan membuat laporan dan bukannya satu peruntukan yang memberi kuasa kepada Hakim Syarie mendengar dan memutuskan sesuatu tindakan dalam satu prosiding yang berhubung dengan pengesahan Islam bagi seseorang dalam sesuatu percaraan yang mengikat pihak-pihak terhadapnya, dan dalam hal ini terpulang kepada Majlis menerima atau sebaliknya bagi tujuan pendaftaran setelah laporan ini dihadapkan seperti yang dihendaki oleh bab 168 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77”. (Penekanan oleh penulis)

Dalam hal ini, peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kemasukan Islam di Malaysia juga boleh dijadikan bandingan dalam membincangkan isu ini. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) umpamanya, mengandungi peruntukan berkenaan dengan prosedur pendaftaran muallaf. Dalam hal menyelenggara pendaftaran muallaf, Pendaftar Muallaf hendaklah dilantik. Pengkaji mendapati bahawa kehendak peruntukan ini lebih bersifat pentadbiran walaupun ia melibatkan kuasa, tugas dan tanggungjawab Pendaftar Muallaf dalam melaksanakan kehendak akta berkenaan.¹⁹⁷

¹⁹⁷ Lihat Bahagian IX (Masuk Islam), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

Berbalik semula dengan keadaan di negara Brunei Darussalam, terdapat juga kes dengan permohonan bagi pengesahan Islam dikemukakan di mahkamah disebabkan oleh pihak yang telah memeluk Islam telah kehilangan dokumen Islamnya. Kes *Mohammad Louis bin Abdullah*¹⁹⁸ adalah contoh berhubung perkara ini. Dalam kes ini, Mahkamah telah membuat keputusan bagi mengesahkan pengislaman pemohon yang berlaku pada tahun 1967 dengan merujuk kepada peruntukan di bawah Bab 167 (7) AMUIDMMK, Penggal 77. Persoalan atau isu yang berkaitan dengan permohonan ini adalah, sama ada pengesahan yang dibuat sebagai keputusan Mahkamah itu bertepatan dengan kehendak undang-undang ataupun sebaliknya.

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan sebelum ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa kehendak peruntukan tersebut sebenarnya hanya berbentuk pentadbiran dan bukannya bersifat kehakiman. Mengkehendaki setiap pemeluk agama Islam untuk mengemukakan notis permohonan bagi mengesahkan pengislamannya kepada pihak mahkamah, bagi pandangan penulis, adalah perkara yang tidak tepat dan ia juga tidak bersifat ekonomi bagi masa hakim. Hakim sewajarnya melaksanakan tugas yang lebih berwibawa, sesuai dengan gelaran dan kedudukan yang disandang, serta mendatangkan impak kepada agama dan masyarakat. Maka bagi perbincangan ini, hakim sewajarnya mengurus hal atau permasalahan yang jauh lebih serius iaitu antaranya adalah menyelesaikan pertikaian yang melibatkan status agama seseorang seperti mengesahkan keislaman seseorang dan juga mengeluarkan perintah atau kebenaran bagi seseorang yang telah disahkan keislamannya untuk diuruskan jenazahnya secara Islam apabila ia telah

¹⁹⁸Kes Mal Bil: PI/BM/185/2007, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara.

meninggal dunia termasuklah dalam hal pengebumiannya, sebagaimana yang telah dibincang oleh pengkaji sebelum ini.

4.2 Had Umur Kanak-kanak dalam hal Pemeluk Agama Islam

Had umur kanak-kanak yang boleh didaftarkan sebagai orang Islam adalah 14 tahun 7 bulan.¹⁹⁹ Isu yang berbangkit ialah negara Brunei, kanak-kanak tidak boleh didaftarkan sebagai orang Islam sehinggalah ia mencapai umur sekurang-kurangnya berumur 14 tahun 7 bulan, walaupun dalam keadaan kedua-dua ibu bapa kanak-kanak tersebut ataupun salah seorang daripadanya memeluk agama Islam.

Peruntukan ini telahpun digunapakai dalam beberapa kes yang telahpun diputuskan oleh mahkamah. Contohnya dalam kes *Nur Rafi'ah binti Abdullah Bungah @ Dang Rapat binti Bungah*.²⁰⁰ Dalam kes ini, pihak isteri telah memeluk Islam bersama-sama suami dan lima orang anak mereka pada 5 Julai 2007. Kesemuanya telah hadir di hadapan mahkamah pada 28 Ogos 2007 bagi tujuan pengesahan terhadap pengislaman mereka. Apa yang berlaku, Mahkamah tidak membuat pengesahan pengislaman tiga orang anak mereka yang pada masa itu masing-masing berumur sembilan, lapan dan empat tahun. Menurut pihak Mahkamah, pengesahan hanya boleh dibuat apabila mereka telah mencapai umur 14 tahun 7 bulan.

¹⁹⁹ AMUIDMMK, Penggal 77, Bab 166.

²⁰⁰ Kes Mal Bil: PI/BM/138/2007.

Penguatkuasaan peruntukan tersebut juga boleh dilihat pada kes *Siti Marahaini binti Abdullah Mundu @ Mahani Anak Mundu*.²⁰¹ Dalam kes ini pemohon telah memohon pengesahan Islam yang telah dilakukan oleh ibunya sebelum ini. Ibu pemohon telah memeluk Islam bersama-sama pemohon dan adiknya pada 17 Ogos 1997. Ketika itu pemohon berumur 13 tahun tujuh bulan sementara adiknya pula berumur 10 tahun tiga bulan. Permohonan dikemukakan pemohon kepada Pendaftar Perkahwinan bagi mendapatkan kebenaran untuk berkahwin. Dokumen daripada mahkamah yang mengesahkan pengislaman pemohon memang diperlukan bagi tujuan kebenaran perkahwinan. Semasa permohonan tersebut dibuat, pemohon telah pun berumur 23 tahun.

Pada pendapat penulis, perkara seperti ini sepatutnya tidak berbangkit dan telah pun selesai ketika pengesahan pengislaman dibuat oleh ibu pemohon. Masalah pasti timbul sekiranya berlaku perkara yang tidak diinginkan dan Siti Marahaini masih belum di beri pengesahan Islam walaupun telah berumur 14 tahun 7 bulan.

Bagaimanapun, keputusan berbeza telah diberikan oleh mahkamah dalam kes terkemudian, *Nur Azimah binti Haji Muhammad Hassanal Mega @ Shuzina Rosmie binti Mega*.²⁰² Dalam kes ini, pemohon telah membuat permohonan di Mahkamah pada 29 Ogos 2008 bagi mendapatkan pengesahan Islam beliau. Oleh sebab pemohon gagal untuk memberikan butir-butir sebagaimana yang diperlukan oleh hakim semasa siasatan pengesahan Islam dijalankan, maka Mahkamah telah melantik bapa pemohon sebagai 'ad-litem' bagi mewakili pemohon dalam kes ini. Dalam hal ini Mahkamah dimaklumkan

²⁰¹ Kes Mal Bil: PI/BM/ 08/07.

²⁰² Kes Mal Bil : MRHS/KB/PI/41/2009.

bahawa bapa pemohon telah pun memeluk Islam pada 10 September 1997. Berdasarkan kepada butir-butir keterangan yang diberikan oleh bapa pemohon, Mahkamah telah mengistiharkan bahawa pemohon telah pun secara sah memeluk agama Islam sejak pada 10 September 1997, iaitu pada masa yang sama bapa pemohon memeluk agama Islam. Mahkamah juga dalam keputusannya menyatakan bahawa permohonan yang dibuat oleh pemohon pada 29 Ogos 2008 adalah sebagai menzahirkan keislamannya. Dalam kes ini, mahkamah tidak membuat penghakiman dengan merujuk peruntukan yang berkaitan dengan pendaftaran, tetapi mahkamah memutuskan pemohon dalam kes tersebut sebagai seorang yang beragama Islam bermula dari pemelukan bapanya.

Berdasarkan kepada kes-kes yang dikemukakan ini, persoalan yang timbul ialah mengenai penerapan peruntukan undang-undang berkenaan had umur kanak-kanak dalam soal pemelukan agama Islam yang melibatkan ibu bapa atau salah seorang daripada mereka memeluk agama Islam pada masa yang sama. Berdasarkan keputusan dalam *Nur Azimah binti Haji Muhammad Hassanal Mega* seperti di atas, Mahkamah tidak memakai peruntukan tersebut kepada kanak-kanak yang memeluk agama Islam bersama-sama ibu bapa mereka.

Keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah dalam kes ini sebenarnya adalah selaras dengan pandangan fuqaha yang sepakat mengatakan bahawa kanak-kanak itu akan menjadi Islam jika kedua-dua ibu bapanya atau salah seorang daripadanya memeluk agama Islam, sebagaimana yang telah pengkaji bincangkan pada bab sebelum ini. Pendirian ini berdasarkan kepada kaedah fiqah yang menyebut “الصغير يتبع خير الأبوين ” yang bermaksud, “agama anak adalah mengikut kepada agama yang terbaik bagi دينا ”

ibu bapanya”. Agama yang terbaik kepada ibu bapa kanak-kanak adalah agama Islam kerana Islam adalah sebaik-baik agama.²⁰³ Sebagaimana yang pernah dibincangkan sebelum ini juga, para fuqaha bersepakat mengatakan bahawa adalah sah pemeluk agama Islam secara bersendirian bagi seseorang kanak-kanak yang telah baligh dan berakal, tetapi berselisih pendapat tentang kesahihan Islam yang dilakukannya secara bersendirian bagi kanak-kanak yang belum baligh tetapi berakal.²⁰⁴

Terdapat juga kes pemeluk agama Islam bagi mereka yang masih di bawah umur sedangkan kedua-dua ibu bapa mereka tidak memeluk Islam. Antaranya ialah kes *Nurul Hayati binti Muhammad Isa*.²⁰⁵ Pemohon dalam kes ini telah memeluk agama Islam pada 26 Januari 1995 bersama-sama empat orang saudara kandung iaitu Rosnita anak Jerome yang pada ketika itu telah berumur 17 tahun, Nurul Rasyidah yang berumur 13 tahun, Nuramalina berumur 12 tahun dan Nurin Izzati berumur 7 tahun. Pemohon pada masa itu berumur 12 tahun sama seperti Nuramalina. Sebagaimana dalam kes *Siti Marahaini*, permohonan ini juga dibuat oleh pemohon bagi mendapatkan dokumen pengesahan Islam bagi tujuan perkahwinan. Pada 26 Januari 2006, mahkamah telah mengesahkan pemohon sebagai seorang Islam bermula pada 26 Januari 1995.

Keputusan Mahkamah dalam kes ini menunjukkan bahawa pertimbangan pihak Mahkamah hanya melibatkan pemeluk agama kanak-kanak tersebut *per se*, dan tidak melibatkan ibu bapa kanak-kanak tersebut sekali gus. Ini kerana ibu bapa kepada kanak-kanak ini hanya memeluk agama Islam selepas tiga tahun pemeluk agama Islam oleh

²⁰³ Abdul Karim Zaidan (2000), *‘al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar’ah wa Baitul Muslim’*, Jil.9. Beirut: al-Resalah Publishers, h. 447.

²⁰⁴ Lihat perbincangan sebelum ini dalam Bab II di bawah tajuk ‘Had Umur Memeluk Islam’, h. 19.

²⁰⁵ Kes Pengesahan Islam Mahkamah Syariah Daerah Belait, tahun 2006.

kanak-kanak ini, iaitu pada 28 September 1998. Keputusan ini seolah-olahnya bertentangan dengan maksud peruntukan di bawah AMUIDMMK, Penggal 77 Bab 167 (5) yang menyebut, “Jika Kadi berpendapat bahawa pemohon tersebut berumur di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan, dia hendaklah mengembalikannya kepada penjaganya yang sah dan dia hendaklah dianggap belum memeluk agama Islam”.

Satu persoalan yang timbul ialah, bagaimana sebenarnya pihak Mahkamah membuat pertimbangan sebelum membuat sebarang keputusan dengan keputusan yang memihak kepada agama Islam tetapi pada masa yang sama tidak membelakangkan peruntukan-peruntukan undang-undang. Hakikatnya, setelah meneliti peruntukan-peruntukan yang terlibat, penulis mendapati bahawa sebenarnya tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang yang memberi maksud supaya status agama asal bagi kanak-kanak dikekalkan jika ia masih belum berumur 14 tahun 7 bulan, tanpa mengira keadaan ibu bapa kanak-kanak tersebut sama ada kedua-dua ibu bapanya, atau salah seorang daripadanya memeluk agama Islam, ataupun kedua-duanya tidak berhasrat untuk memeluk agama Islam.

Keadaan undang-undang sebegini seharusnya dilihat sebagai kelebihan yang diberikan kepada umat Islam di negara ini untuk mengambil peluang dan bertindak dengan cara yang dapat memberi keuntungan dan memenangkan agama Islam di negara Brunei Darussalam. Peruntukan-peruntukan yang ada sebenarnya masih dapat menguruskan permasalahan yang berkaitan dengan pemelukan agama Islam oleh kanak-kanak, termasuklah dalam keadaan kanak-kanak tersebut masih belum baligh. Ia

seharusnya ditafsir, diguna pakai dan disesuaikan dengan apa yang diperuntukkan oleh al-Quran dan juga al-Sunnah.

Sehubungan dengan perkara ini, terdapat dalil-dalil yang menerangkan kedudukan agama anak yang belum baligh dan dalam keadaan salah seorang ibu bapa memeluk Islam. Firman Allah SWT;

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلَتْنَاهُمْ مِنْ عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿١١﴾

Bermaksud,

“Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunan itu dengan mereka (di dalam syurga); dan Kami(dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun daripada pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”²⁰⁶

Dan Sabda Rasulullah SAW menyebut bahawa;²⁰⁷

كل مولود يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسانه

Bermaksud,

²⁰⁶ Al-Qur'an dan terjemahannya, Surah al-Tur (52):21.

²⁰⁷ al-Imam Abi Hatim Muhammad bin Hiban al-Khursani (2004), *Sahih ibnu Hiban*, no. hadith 1/128, Lubnan:Dar al-Ma'rib, h. 148.

“Setiap anak yang lahir adalah lahir dalam fitrah. Dua ibu-bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi”.

Dalam hal ini negara Brunei Darussalam sebenarnya lebih bernasib baik berbanding negara-negara Islam yang lain yang berhadapan dengan kekangan dan halangan undang-undang yang agak ketat, seperti penetapan hak untuk menentukan agama bagi kanak-kanak yang belum mencapai umur 18 tahun.²⁰⁸

Seperkara lagi yang perlu diketengahkan dalam perbincangan ini adalah wujudnya fatwa yang mengatakan bahawa peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan penetapan had umur kanak-kanak adalah bertentangan dengan hukum syarak. Fatwa tersebut menegaskan bahawa;

“Oleh kerana itu mengekalkan seksyen atau bab 166 : ‘Tiada sesiapa pun di bawah umur 14 tahun dan 7 bulan boleh didaftarkan sebagai seorang yang telah memeluk agama Islam’, ADALAH JELAS BERTENTANGAN DENGAN SYARA’.

Di samping itu mengekalkan peruntukan Bab ini juga mempunyai implikasi lain dari segi kelancaran dakwah Islamiyyah, iaitu menghalang orang yang hendak masuk atau memeluk Islam

²⁰⁸ Contoh yang dapat dilihat seperti keputusan yang dibuat oleh Hakim Brown J, pada 2 Disember 1950 dalam kes *In Re Maria Huberdina Hertogh; Adrianus Petrus Hertogh And Anor v Amina Binti Mohamed And Ors*²⁰⁸, yang juga terkenal dengan kes Natrah telah membuat satu ketetapan yang jelas. Maria atau Natrah yang merupakan isteri kepada Mansoor Adabi telah dituntut oleh kedua ibu bapanya, Adrianus Petrus Hertogh dan Adeline Hertogh. Ibu bapa Maria dalam kes ini telah membantah keesahan pengislaman dan perkahwinan anaknya pada ogos 1950. Bantahan mereka dibuat menurut undang-undang Belanda. Maria yang pada masa itu masih dibawah umur telah dihujahkan adalah terletak di bawah hak ibu bapanya bagi menentukan agamanya. Hujah ibu bapa Maria tersebut telah dibantah oleh pihak suaminya yang menyatakan bahawa Maria menurut hukum Islam telah mencapai umur baligh pada Julai 1949 sekaligus bebas untuk menentukan agamanya dan berkahwin dengan Mansoor Adabi. Mahkamah telah memutuskan bahawa Maria yang memeluk agama Islam dan berkahwin sebelum mencapai umur majoriti adalah tidak sah dan mahkamah telah memberikan hak penjagaan termasuk hak menentukan anutan agama Maria kepada kedua ibu bapanya.

sebelum mencapai umur 14 tahun dan 7 bulan, walaupun (kiranya) dia telah baligh sebelum sampai kepada umur tersebut. Oleh itu, berdasarkan pendapat jumah yang juga amat sesuai dengan maslahat dan hukmah tasyri', maka kanak-kanak bukan Islam itu jika dia memeluk Islam sebelum umur baligh, adalah Islamnya itu sah. Sementara jika dia telah mencapai umur baligh dan kemudian memeluk Islam, menurut ijma' ulama, Islamnya adalah sah.

Dua-dua pendapat ini dipakai. Kerana itu, Bab atau Seksyen 166 di atas hendaklah dipinda supaya ia lebih selaras dan menepati hukum Syara'²⁰⁹

Sebenarnya lagi, jika penelitian dibuat terhadap peruntukan undang-undang tersebut kita akan mendapati bahawa peruntukan hanya menyatakan dengan jelas tentang had umur bagi tujuan pendaftaran pengislaman dan bukannya bertujuan untuk menentukan status kesahihan Islam seseorang kanak-kanak tersebut.

Penentuan had umur ini, menjadi persoalan kepada kita mengapa umur tertentu ditetapkan dan diperuntukkan dalam undang-undang untuk dilaksanakan iaitu umur minimum untuk memeluk agama Islam.²¹⁰ Bagi menghuraikan persoalan ini dan mencari kepastian, penulis membawa beberapa contoh undang-undang dari beberapa buah negara Islam yang telah menggunakan pendekatan *siyasah syar'iyah* dalam menggubal undang-undang kekeluargaan (*al-ahwal syakhsiyyah*) yang terkandung di dalamnya had umur bagi mereka yang ingin melangsungkan perkahwinan. Sedangkan agama Islam

²⁰⁹ Pehin Dato Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (2003), *Fatwa Mufti Kerajaan 2002*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Negara Brunei Darussalam, h. 176.

²¹⁰ Perkara yang sama juga dapat dilihat seperti peruntukan undang-undang Malaysia, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Seksyen 95 ad memperuntukkan:- "Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang tidak beragama Islam boleh masuk Islam jika dia sempurna akal dan- (a) mencapai umur lapan belas tahun; atau (b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu atau bapa atau penjaganya mengizinkan kemasukannya."

sememangnya tidak menetapkan sebarang had umur bagi pihak-pihak yang berhasrat untuk melangsungkan perkahwinan. Persoalan yang timbul adalah, sama ada penetapan had umur boleh dianggap sebagai suatu tindakan yang bertentangan dengan hukum syarak?

Untuk mencari jawapan bagi persoalan ini, rujukan boleh dibuat kepada penetapan had umur dalam undang-undang perkahwinan dan menjadikannya sebagai analogi dalam perbincangan ini kerana setakat ini penulis masih tidak menemui perbincangan oleh kalangan ulama semasa ataupun sarjana perundangan Islam moden yang mengupas dan mengkaji asas penggubalan undang-undang dalam perkara had umur seseorang memeluk Islam. Contoh ini diambil oleh penulis dengan tujuan untuk melihat pendekatan dan justifikasi yang diambil oleh pihak penggubal dalam proses mereka menggubal undang-undang berkenaan.

Di Malaysia, Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah menetapkan had umur minimum bagi lelaki 18 tahun dan perempuan 16 tahun untuk berkahwin. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa kedua-dua belah pihak telah cukup bersedia dari pelbagai aspek mendirikan rumah tangga dan menguruskan hal-ehwal kekeluargaan. Menurut Raihanah Abdullah,²¹¹

“ Sungguhpun fiqah tidak menetapkan had umur tertentu dalam perkahwinan, Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia mengambil pandangan golongan ulama yang berpendapat bahawa kanak-kanak tidak dapat mencapai objektif perkahwinan iaitu bergaul sebagai suami isteri dan mendapatkan zuriat. Hujah golongan jumur yang berpandangan bahawa perkahwinan

²¹¹ Raihanah Abdullah (2007), “Prosedur Perkahwinan”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 11.

kanak-kanak dengan bersandarkan hadis mengenai dengan perkahwinan Rasulullah SAW dengan Siti Aishah yang ketika itu berumur enam tahun dijawab dengan menyatakan itu adalah keistimewaan Baginda sebagai Rasulullah. Alasan golongan yang menyatakan keperluan penetapan had umur perkahwinan mempunyai sokongan daripada masalah sosial yang timbul daripada perkahwinan di bawah umur. Dalam beberapa kajian perceraian di Malaysia, didapati bahawa antara faktor perceraian di sekitar tahun 1940-an-1960 adalah kerana umur terlalu muda ketika perkahwinan. Oleh sebab itu untuk mengelakkan serta mengurangkan gejala ini, umur perkahwinan telah dihadkan oleh undang-undang.”

Melihat kepada *masalah* yang lebih besar di atas sebagaimana yang dinyatakan oleh Raihanah Abdullah, penetapan umur dalam satu-satu undang-undang itu tidak boleh dikatakan sebagai bertentangan dengan hukum syarak kerana ia telah bertembung dengan *masalah* ataupun keperluan yang terbina oleh prinsip-prinsip syarak. Dalam soal penentuan atau mengenal pasti umur baligh sekalipun, para ulama mempunyai pandangan dan pendekatan masing-masing dan ia berselisih antara satu sama lain.²¹² Penentuan oleh ulama fiqah tersebut dibuat selepas membuat pertimbangan-pertimbangan munasabah menurut kepada zaman dan suasana masyarakat pada masa itu. Sama ada al-Qu’ran mahupun Hadis tidak menentukan umur tertentu bagi seseorang untuk menganut agama Islam tetapi ia dibincangkan oleh ulama fiqah serta mujtahid dengan menjadikan ‘*uruf*’ dan juga amalan kebiasaan (adat) sebagai asas bagi menerbitkan hukum-hakam bagi perkara yang bersangkutan. Apabila ‘*uruf*’ berubah maka ia juga memungkinkan perubahan hukum, sebagaimana yang dinyatakan oleh para fuqaha (*legal maxim*) sebagai;

لا يترك تغير الاحكام بتغير الأزمان

²¹² Muhammad Jawad Mughniyah (2008), *Fiqh Lima Mazhab*. Jakarta:Lentera, h. 317; Ala’eddin Kharofa (2004), *Islamic Family Law- A Comparative Study with other Religions*. Kuala Lumpur: ILBS, h. 56-58; Abdul Karim Zaidan (2000), ‘*al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar’ah wa Baitul Muslim*’, Jil.9. Beirut: al-Resalah Publishers, h. 451.

Yang bermaksud, “*Tidak boleh disangkal berlaku perubahan hukum dengan sebab perubahan masa*”²¹³

Ledakan pembaharuan Undang-undang Islam di kalangan negara-negara Islam di dunia seperti Turki, Mesir, Tunisia dan juga Jordan telah dimulakan pada awal kurun ke-20.²¹⁴ Pembaharuan ataupun reformasi berkenaan adalah dengan maksud negara-negara Islam tersebut berusaha untuk menyelaras dan mengemaskinikan undang-undang yang sedia ada dengan tidak mengubah struktur undang-undang yang diamalkan pada zaman penjajahan.²¹⁵ Reformasi tersebut termasuklah dari aspek kandungan ataupun peruntukan undang-undang yang diasaskan kepada *qaul* mazhab tertentu ataupun mengambil kira *qaul* mazhab selain mazhab yang menjadi pegangan utama sesebuah negara Islam tersebut, iaitu sebagai hasil daripada pendekatan *taqlid*, *takhayyur* ataupun *talfiq* supaya ia lebih praktikal untuk digunakan masyarakat Islam sesuai dengan perubahan semasa yang berlaku. Dan ia juga bukan bermaksud reformasi terhadap keseluruhan Undang-undang Islam, tetapi lebih kepada mengambil prinsip-prinsip dan hukum-hukum yang dipakai oleh mazhab-mazhab tertentu dan digubal dalam bentuk akta dan enakmen sebagaimana yang diamalkan di negara-negara Barat.²¹⁶

Sebagai contoh, Undang-undang Mesir Tahun 1931 (No.78) memperuntukkan bahawa mahkamah tidak akan melayan sebarang tuntutan yang timbul daripada

²¹³ Hassan bin Haji Ahmad dan Muhammad Salleh bin Haji Ahmad (2002), *Usul Fiqh dan Qawa'id Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, h. 637.

²¹⁴ Abdullahi Ahmed an-Na'im (2006), *Menuju Reformasi Perundangan Islam*. Al-Mustaqeem Mahmood Radhi & dll (terj.). Kuala Lumpur: MEGC, h. 50; Fazlur Rahman (1980), “A Survey Of Modernization Of Muslim Family Law”, *International Journal of Middle East Studies*, Vol.11 Issue 4, July 1980, h. 451-465.

²¹⁵ Abdul Halim El-Muhammady (2005), “Undang-Undang Islam Di Beberapa Negara Islam Selepas Merdeka”, dalam Siti Shamsiah Md Supi (ed.), *Asas Dan Kerangka Perundangan Negara Islam-Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 70-71.

²¹⁶ *Ibid.*

perkahwinan dalam keadaan suami belum mencapai umur 18 tahun dan pihak isteri tidak lagi mencapai umur 16 tahun semasa tuntutan dibuat (melainkan dengan perintah dari kerajaan), atau perkahwinan yang tidak didaftarkan. Perubahan yang dilakukan melalui perantaraan bidang pentadbiran dan prosedur ini menyebabkan beberapa peruntukan Undang-undang Syariah secara tidak langsung tidak dapat digunakan lagi atau sekurang-kurangnya terhad pemakaiannya.²¹⁷

Oleh yang demikian, kita dapat melihat bahawa pembaharuan atau reformasi terhadap Undang-undang Islam berdasarkan kepada metode atau pendekatan tertentu, bukanlah suatu tindakan yang mengubah perundangan Islam ataupun sebagai tindakan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip syarak. Bahkan, ia sebenarnya adalah sebahagian daripada perkembangan undang-undang kerana undang-undang seharusnya bersifat dinamik supaya sentiasa berkeupayaan untuk mengurus permasalahan masyarakat. Undang-undang yang berkaitan dengan muafak umpamanya adalah bertujuan untuk mengawal dan mengemaskinikan pengurusan pentadbiran undang-undang pendaftaran dan bukanlah sebahagian daripada rukun atau syarat sah pengislaman seseorang. Dalam hal ini A.A Fyzee menyebut; “*Legislation is not a bid’ah (sinful innovation) but righteous action to give justice where it is due. For cogent reasons reform by legislation seems to be the best remedy*”.²¹⁸

²¹⁷ Ahmad Hidayat Buang (1997), “Reformasi Undang-undang Keluarga Islam”, *Jurnal Syariah*, Jil.5 Bil.1,1997, h. 46.

²¹⁸ Raihanah Hj. Abdullah (2003), “Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil.2 Bil. 1,2003, h.138.

4.3 Kesahtarafan Anak

Pertukaran agama bukan sahaja memberi kesan kepada diri pemeluk agama berkenaan, tetapi juga turut memberi kesan kepada individu-individu yang mempunyai pertalian kekeluargaan, terutamanya anak. Pertukaran agama oleh seseorang menyebabkan timbul permasalahan-permasalahan tertentu yang harus ditangani dengan teliti seperti perkara yang berkaitan dengan kesahtarafan anak. Jika kesahtarafan anak menjadi pertikaian, maka ia akan merantakan persoalan yang bersangkutan dengan perwalian, hadanah, nafkah dan yang seumpamanya.

Walau bagaimanapun di negara Brunei sekurang-kurangnya telah terdapat fatwa berkenaan perwalian yang telah dijadikan sebagai garis panduan oleh Pendaftar di Bahagian Perkahwinan ketika memproses permohonan untuk kebenaran berkahwin. Ini kerana Pendaftar Perkahwinan diberi kuasa bagi merujuk permohonan untuk berkahwin kepada Mahkamah bagi kes-kes tertentu. Peruntukan tersebut menyebut;

“ (1) Dalam mana-mana kes yang berikut-

- (a) jika pihak perempuan yang disebutkan dalam bab 13(3) itu adalah seorang janda; atau
- (b) jika pihak perempuan itu tidak mempunyai wali nasab mengikut Hukum Syara', maka Pendaftar hendaklah, sebagai ganti bertindak di bawah bab 16, merujuk permohonan itu kepada Hakim Syar'ie yang mempunyai bidangkuasa di tempat perempuan itu bermastautin.

(2) Hakim Syarie apabila berpuas hati tentang kesahihan perkara-perkara yang disebutkan dalam permohonan itu dan sahnyanya perkahwinan yang disebutkan dalam permohonan itu dan sahnyanya perkahwinan yang dicadangkan itu dan bahawa kes itu adalah kes yang mewajarkan pemberian kebenaran bagi maksud

bab 13(3) atau persetujuannya terhadap perkahwinan itu diakadnikahkan oleh wali Hakim bagi maksud bab 12(b), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, pada bila-bila masa selepas permohonan itu dirujuk kepada dan setelah bayaran yang ditetapkan kepada pemohon untuk berkahwin.”

Fatwa seumpama ini amat diperlukan bagi menyelesaikan masalah kedudukan anak yang dilahirkan dalam keadaan kedua-dua ibu bapanya berkahwin secara adat ataupun secara sivil sebelum anak tersebut dilahirkan. Dan anak tersebut dilahirkan kurang dari 180 hari dari tarikh perkahwinan mereka yang kemudiannya mereka memeluk agama Islam. Masalah berlaku bagi menentukan wali pernikahan anak ini kerana menurut undang-undang sivil anak yang dilahirkan dalam waktu perkahwinan dianggap sebagai anak yang sah taraf. Sebaliknya, di sisi hukum syarak terdapat tempoh tertentu untuk mengiktiraf anak yang dilahirkan sebagai anak yang sah taraf walaupun ia dilahirkan dalam tempoh perkahwinan ibu bapanya. Walau bagaimanapun fatwa yang berkaitan sebagai menyebut;²¹⁹

“ Antara orang yang layak menjadi wali dalam suatu pernikahan itu ialah saudara lelaki seibu sebapa atau sebapa. Saudara lelaki seibu sebapa itu berhak menjadi wali sekiranya bapa dan datuk perempuan telah pun meninggal dunia atau tidak layak menjadi wali kerana bukan beragama Islam.

Melihat kepada permasalahan di atas, kedua-dua keadaan itu tidak menggambarkan hubungan nasab seibu sebapa atau sebapa kepada perempuan yang hendak bernikah kerana dalam permasalahan pertama lelaki yang akan menjadi wali kepada adiknya itu lahir sebelum ibu bapa mereka berkahwin. Oleh itu, maka lelaki tersebut tidak sabit nasabnya kepada bapa perempuan yang akan bernikah. Maka tidaklah ada pertalian nasab seibu sebapa atau sebapa antara lelaki dan perempuan berkenaan.

²¹⁹ Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, Siri Fatwa (26/2004). Lihat juga Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned , *Fatwa Mufti Kerajaan (2000)*, Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Negara Brunei Darussalam, h. 335.

Begitu juga dengan permasalahan kedua dimana lelaki yang akan menjadi wali itu telah lahir kurang daripada 180 hari dari sejak boleh bersatu ibu bapanya selepas perkahwinan mereka. Hal ini menyebabkan lelaki tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapa perempuan yang akan bernikah sebagaimana pendapat majoriti para ulama.

Maka dalam kedua-dua keadaan tersebut, lelaki yang akan menjadi wali itu tidak boleh menjadi wali nikah kepada perempuan berkenaan kerana tidak sabit nasabnya kepada bapa perempuan yang akan bernikah. Maka nasabnya juga tidak sabit sebagai abang seibu sebapa atau sebapa kepada perempuan yang akan bernikah menurut syara'.

Maka berdasarkan kepada fatwa yang dinyatakan, Pendaftar di Bahagian Perkahwinan akan merujukkan setiap permohonan sedemikian kepada mahkamah untuk mendapatkan kebenaran berkahwin dengan cara berwalikan hakim.

Perkara ini boleh dirujuk dalam kes *Hajah Hairani binti Haji Muhd. Dahare*²²⁰ dengan pemohon membuat permohonan untuk bernikah dengan berwalikan hakim dengan alasan tidak mempunyai wali nasab. Fakta kes ini ialah pemohon merupakan anak pertama bagi pasangan Hj Muhammad Dahare bin Abdul Rahman Ganit @ Darita bin Ganit dengan Hjh Nur Amalina binti Abdullah Ambun @ Antai anak Ambun. Perkahwinan oleh kedua-dua ibu bapa pemohon dilangsungkan mengikut adat-istiadat masyarakat Dusun pada 17 Disember 1983. Hairani binti Darita @ Dahare dilahirkan selepas tiga bulan perkahwinan tersebut, iaitu pada 28 Mac 1984. Oleh sebab tempoh kelahiran pemohon dengan perkahwinan ibu bapanya kurang daripada enam bulan *qamariah*, maka mahkamah telah membenarkan permohonan pemohon untuk bernikah dengan cara berwalikan hakim.

²²⁰ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/TUT/74/2008.

Di negara Brunei Darussalam, kebanyakan kes yang berkaitan dengan isu seumpama ini telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah dengan menerima pakai fatwa tersebut. Ini dapat dilihat dari beberapa kes yang telah diputuskan seperti kes *Nur Sufiani Adilina binti Abdullah Tan @ Tan Siew Kee*.²²¹ Fakta dalam kes ini ialah, pemohon memohon berkahwin dengan cara berwalikan hakim kerana bapa pemohon tidak beragama Islam. Dalam afidavitnya pemohon menyatakan beliau telah memeluk agama Islam pada 9 September 1999. Pemohon juga menyatakan yang beliau mempunyai seorang abang yang beragama Islam, tetapi tidak dapat dijadikan sebagai wali disebabkan tempoh kelahiran abangnya dengan masa kedua-dua ibu bapanya mula berkahwin adalah kurang daripada 180 hari. Oleh itu Mahkamah berpendapat walaupun pemohon mempunyai abang, tetapi pada hakikatnya mereka berdua tidak mempunyai pertalian nasab yang sah yang membolehkan si abang menjadi wali kepada pernikahannya. Mahkamah membenarkan permohonan pemohon berkahwin dengan cara berwalikan hakim.

Begitu juga dalam kes *Laila Suziyana binti Mohd. Safwan @ Meliesa binti Endra lawan Mohammad Safwan bin Ahmad Tajuddin*.²²² Fakta kes ini ialah, pemohon memohon untuk berkahwin dengan cara berwalikan hakim kerana pemohon dilahirkan kurang daripada 180 hari dari tarikh perkahwinan ibu bapanya yang berlangsung di bawah perkahwinan sivil sebelum mereka memeluk agama Islam. Berdasarkan kepada permohonan tersebut, Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah menolak permohonan pemohon dan memberi kebenaran pernikahannya untuk dilaksanakan dengan berwalikan

²²¹ Kes Mal Bil : 157/MRHS/KB/2007.

²²² Kes Mal Bil : MRHS/MAL/BM 437/2006.

bapanya. Kes ini kemudiannya telah dibawa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk tujuan penyemakan oleh Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Orang Islam. Setelah semakan dibuat, Mahkamah Tinggi Syariah telah membatalkan keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan memutuskan perkahwinan pemohon hendaklah berwalikan hakim. Dalam ulasan penyemakan MTS tersebut mengatakan;

“ Walaupun mahkamah tidak terikat dengan fatwa, tetapi ianya boleh dijadikan sebagai panduan dalam membuat sebarang keputusan terutama jika fatwa itu berdasarkan pendapat yang muktamad termasuklah yang disepakati oleh jumhur Ulama. Ini berdasarkan prinsip Syara’ dalam membuat sebarang fatwa atau hukuman Mahkamah”²²³

Walaupun fatwa berkenaan dapat membantu mahkamah bagi menangani isu kesahatarafan anak dalam perkahwinan yang dilangsungkan secara sivil, akan tetapi timbul pertikaian sejauh mana fatwa tersebut benar-benar tepat untuk menjawab isu dan permasalahan seumpama ini. Ini kerana penulis mendapati bahawa berhubung persoalan ini terdapatnya pendapat jumhur fuqaha yang mengatakan bahawa lelaki yang mempunyai anak zina ketika jahiliah boleh menasabkan anak tersebut dengan dirinya setelah ia memeluk Islam, walaupun tidak berlaku persetujuan dengan ibu anak tersebut. Ia sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sayidina Umar Ibn al-Khattab yang mengatakan bahawa, “*Siapa yang memeluk Islam, baginya hak menasabkan anaknya yang dilahirkan sewaktu jahiliah*”.²²⁴

²²³ Kes Semakan Mahkamah Tinggi Syariah Bil : MTS/SM/BM/02/2006.

²²⁴ Sofian bin Umar Burqa’ah (2007), *al-Nasab Wa Mada Tasyriul Mustajiddati al-Ilmiahti fi Isbatih Dirasah Fiqhiah Tahliliah*. Saudi Arabiah :Dar Kunzu Isbyliya, h. 210-211.

Sehubungan dengan pandangan di atas, Ibnu Rusyd juga mengatakan bahawa jumbuh fuqaha telah sepakat mengatakan bahawa anak-anak zina tidak boleh dinasabkan dengan bapa mereka melainkan ketika jahiliah. Pendapat Sayidina Umar r.a dalam hal ini bercanggah dengan para sahabat yang lain.²²⁵

Manakala Ibnu ‘Abdul Barr pula berkata, “Perkara ini iaitu menasabkan anak ketika jahiliah dengannya, walaupun tidak berlaku persetubuhan adalah tidak dibenarkan kerana ketika jahiliah, mereka berzina dan berkahwin. Dan kebanyakan perkahwinan mereka tidak sah di sisi Islam. Rasulullah SAW juga tidak bersetuju dalam hal ini. Dalam hal yang lain, beliau berkata,

“Sesungguhnya Sayidina Umar r.a telah menghukum sedemikian dalam Islam. Tindakan Umar al-Khattab membenarkan hukum itu, sama ada berlaku persetubuhan ataupun tidak, kerana yang demikian itu adalah kejahilan, kecuaiian dan juga kebodohan yang melampau. Dan sesungguhnya Sayidina Umar r.a telah menghukumkannya walaupun tidak berlaku persetubuhan”.

Menurut al-Baji pula dalam penjelasannya berhubung *Kitab al-Muwatta’*, “Sesungguhnya Umar r.a menggunakan hukum sedemikian kerana ingin memberikan nasab kepada anak-anak itu walaupun sekadar nama sahaja, dan menurut riwayat Isa daripada Ibnu al-Qaasim bahawa terdapat satu kumpulan manusia yang memeluk Islam, lalu menasabkan anak-anak zina (yang merdeka), walaupun tiada persetubuhan (bukti) yang menunjukkan ia adalah anak-anak mereka. Sayidina Umar r.a telah membenarkan perkara itu kecuali apabila terdapat perebutan daripada tuan punya hamba perempuan ataupun suami yang merdeka (bukan hamba). Ini kerana Rasulullah SAW yang antaranya

²²⁵ *Ibid*

bermaksud, “*anak itu (ditentukan nasabnya) dengan persetubuhan dan anak zina itu (ditentukan nasabnya) dengan perkiraan*”. Maka suami dan tuan punya hamba lebih berhak kerana menasabkan adalah bermaksud menyambung keturunan. Beliau berkata lagi, ‘Orang-orang Kristian (Nasrani) yang memeluk Islam, menasabkan anak-anak zina mereka kerana agama mereka menghalalkan zina, maka dengan itu, zina halal bagi mereka. Dan riwayat Ibnu Habib daripada Malik, ‘Sesiapa (orang Kristian) yang memeluk Islam hari ini, maka hendaklah menasabkan anak zina dengan mereka, maka dia adalah sama hukumnya seperti mereka (orang Jahiliyyah) yang memeluk Islam.’”²²⁶

Manakala Ibnu Al-Majisyun pula tidak menerima pandangan yang menasabkan anak-anak zina yang lahir ketika Jahiliah mahupun Kristian.”²²⁷

Selain itu, terdapat juga kes seorang lelaki mualaf yang berkahwin dengan pasangannya yang tidak beragama Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Mohammad Arif bin Abdullah lwn Subang Anak Tundoh*.²²⁸ Fakta kes ini adalah seperti berikut, plaintif berbangsa Iban telah memeluk agama Islam pada 14 Mac 1981. Kemudian pada 24 April 1982, plaintif telah berkahwin dengan seorang perempuan yang bukan beragama Islam bernama Subang anak Tundoh mengikut upacara perkahwinan adat orang Iban. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka telah dikurniai tiga orang anak yang bernama Badeeah binti Muhammad Arif, Emalda Eryanti binti Mohammad Arif dan Suzie binti Mohammad Arif. Pada 18 Julai 1987 isteri plaintif telah memeluk agama

²²⁶ *Ibid*

²²⁷ *Ibid*

²²⁸ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/TM 10/2009. Kes Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Temburong.

Islam dan memilih nama sebagai Azeezah binti Abdullah. Berikutan pemelukan tersebut plaintif dan defendan telah berkahwin semula mengikut hukum syarak pada 7 Ogos 1987. Pada 13 Mei 2009, plaintif dan defendan telah membuat dua permohonan kepada Mahkamah Rendah Syariah bagi mengesahkan perkahwinan mereka yang berlangsung pada 24 April 1982 dan pengesahan taraf bagi anak-anak yang dilahirkan daripada perkahwinan tersebut. Mahkamah dalam memberi keputusan kes ini telah memutuskan bahawa perkahwinan mereka adalah tidak sah sebagaimana yang disebut dalam penghakiman kes tersebut sebagai, “*batil dan ianya tidak termasuk di dalam pengertian persetubuhan syubhah menurut kehendak bab 115 dari PDUUKP*”.

Mengenai kedudukan taraf anak-anak yang dilahirkan akibat perkahwinan itu, mahkamah memutuskan;

“adalah anak-anak yang dilahirkan hasil daripada persetubuhan syubhah iaitu persetubuhan yang tidak dikenakan hukuman had dalam Islam. Berdasarkan fakta ini, dan dengan berpandukan kepada bab 115 dari PDUUKI, Mahkamah dengan ini menghukumkan bahawa; (a). Badeeah binti Muhammad Arif, dilahirkan pada 5 August 1983. (b). Emalda Eryanti binti Mohammad Arif, dilahirkan pada 24 April 1986 dan (c). Suzie binti Mohammad Arif, dilahirkan pada 4 Mei 1987, adalah sabit nasab mereka kepada bapa mereka iaitu Mohammad Arif bin Abdullah.”

Apa yang menarik dalam kes ini adalah terdapatnya dua keputusan yang dilihat sebagai amat mengelirukan kerana mahkamah memutuskan perkahwinan tersebut adalah batal (*batil*) kerana ia tidak termasuk dalam pengertian persetubuhan syubhah. Sebaliknya, dalam keputusan yang selanjutnya iaitu dalam masalah pensabitan nasab, mahkamah memutuskan sabit nasab kerana anak-anak tersebut dilahirkan hasil daripada persetubuhan syubhah. Atau dengan ayat yang lain, keputusan yang dibuat oleh

Mahkamah ini agak mengelirukan kerana anak-anak diiktiraf sebagai sah taraf sedangkan mereka semua lahir daripada perkahwinan yang telah dihukumkan sebagai batal.

Mahkamah sebagaimana dalam kenyataannya menyatakan bahawa perkahwinan tersebut tidak termasuk dalam kategori persetubuhan syubhah seperti yang diperuntukan dalam Bab 115, antara alasan mahkamah ialah kerana;

“(1) bab ini hanya mengkhususkan persetubuhan syubhah itu kepada pernikahan fasid sahaja seperti di dalam kurungan. Seandainya yang dimaksudkan itu kedua perkara (fasid dan batil) nescaya bab ini akan menyebut perkara itu;

(2) Meskipun para ulama mazhab (termasuk Hanafi) bersetuju bahawa tidak ada istilah akad batil dan fasid di dalam perkahwinan, akan tetapi telah menjadi kebiasaan para ulama menamakan;

(a) Nikah fasid bagi pernikahan yang tidak menepati kehendak syara’ tetapi ianya memberi kesan kepada beberapa perkara seperti nasab, wajib mahar dan sebagainya.

(b) Nikah batil bagi pernikahan yang tidak menepati kehendak Syara’ dan ianya tidak memberi sebarang kesan seperti sabit nasab dan sebagainya.”²²⁹

Jika mahkamah berpendapat sedemikian, sebenarnya ia boleh memberi kesan kepada keputusan kedua dalam kes ini iaitu berkenaan dengan sabitan nasab kerana seolah-olah mahkamah mengatakan bahawa perkahwinan mereka dalam kes ini adalah batal (*batil*) seperti alasan di para (2)(b) di atas iaitu dalam erti kata yang lain bahawa nasab bagi anak-anak tersebut adalah tidak sabit.

²²⁹ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/TM 10/2009. Kes Mahkamah Rendah Syariah Daerah Temburong.

Dalam hal pernikahan ataupun persetubuhan syubhah, sebenarnya jumhur fuqaha ulama telah pun membuat tiga kategori terhadap pengertian ‘syubhah’, iaitu;²³⁰

- (a) *Syubhah al-fi’li*
- (b) *Syubhah al-mahal*
- (c) *Syubhah al-khilaf*

Perbincangan mengenai permasalahan ini berkaitan dengan *syubhah al-khilaf* yang bermaksud fuqaha berbeza pendapat pada jenis pernikahan tertentu; iaitu sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa pernikahan tersebut adalah sah dan sebahagian yang lain pula mengatakannya sebagai tidak sah, tanpa mengira sama ada perselisihan tersebut mengenai syarat sah pernikahan ataupun tidak. Contohnya, pernikahan yang dilangsungkan tanpa wali atau saksi, pernikahan *mut’ah*, pernikahan *syirar*, pernikahan isteri kelima dalam keadaan isteri yang keempat masih berada dalam idah ba’in dan pernikahan dengan perempuan Majusi. Walaupun terdapat perselisihan sama ada pernikahan tersebut sama ada sah ataupun batal, akan tetapi fuqaha masih tidak berbeza pendapat tentang gugurnya *had* zina selain nasab adalah sabit akibat daripada pernikahan seumpama ini.

Pemerhatian kepada isu utama dalam perbincangan ini, iaitu berkaitan dengan kedudukan anak yang dilahirkan oleh pasangan yang bukan Islam menerusi perkahwinan sivil yang diikuti dengan pemeluk Islam oleh salah satu pihak atau kedua-duanya. Penulis cuba melihat kepada pendekatan yang telah digunakan oleh beberapa para

²³⁰ Sofian bin Umar Burqa’ah (2007), *op cit*, h. 144.

sarjana Islam semasa dan juga keputusan institusi fatwa di beberapa buah negara Islam di rantau ini dalam membincangkan isu kesahatarafan anak.

Terdapat percubaan untuk mengiktiraf anak zina sebagai sah taraf hasil daripada sesuatu perkahwinan Islam. Jika usaha ini dibuat berdasarkan kepada alasan dan *maslahah* tertentu, pada pendapat pengkaji adalah lebih utama untuk memberi sah taraf kepada anak (anak yang dikatakan sebagai tidak sah taraf menurut pandangan syarak) hasil daripada perkahwinan sivil kerana pihak-pihak yang terlibat sebelumnya bukan beragama Islam dan undang-undang sebelumnya juga memberi pengiktirafan sebagai sah taraf berkenaan tentang kedudukan anak-anak seperti ini.

Antara fatwa yang boleh dilihat ialah *al-Fatawa al-Zahiriyyah* yang mengatakan jika seorang lelaki berzina dengan seorang perempuan kemudian berlaku pembenihan di dalam rahim perempuan tersebut dan lelaki lelaki tersebut mengahwininya apabila ternyata hamil, maka nikah tersebut adalah harus. Jika anak dalam kandungan tersebut lahir dalam tempoh selepas enam bulan atau lebih, maka anak tersebut boleh dinasabkan kepada lelaki tersebut. Sebaliknya, jika dilahirkan kurang daripada enam bulan maka tidak boleh untuk lelaki berkenaan menasabkan anak tersebut kepadanya, kecuali jika dia berkata anak tersebut adalah anaknya dan dia tidak berkata anak tersebut daripada perzinaan.²³¹

Pendapat ini disokong oleh tokoh-tokoh fiqh salaf seperti Urwah bin al-Zubair, al-Hasan al-Basri dan Ishaq bin Rahuyah yang berpendapat bahawa harus dinasabkan anak

²³¹ [2008] 1 *ShLR*.

zina kepada bapa zinanya jika wanita yang mengandungkan anak tersebut tidak berkahwin selepas itu. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah dan muridnya Ibnu al-Qayyim.²³²

Dengan mengambil kira pandangan dan pendapat ulama-ulama di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis juga telah memutuskan akan keharusan menasabkan anak kepada suami sekalipun perkahwinan itu kurang daripada enam bulan dengan syarat tiada bantahan daripada suami. Antara faktor yang menjadi alasan fatwa ini diputuskan adalah bagi menutup keaiban yang telah berlaku kepada pasangan yang sudah pun bertaubat dan berkahwin. Tujuannya juga adalah bagi menghilangkan rasa malu dan terpinggir yang dialami oleh anak terbabit jika ia tidak dibinkan kepada bapanya serta sebagai memberi sokongan kepada pasangan yang telah terlanjur untuk mereka meneruskan kehidupan dan membina keluarga bahagia seperti keluarga yang lain.²³³

Dalam hal ini Dr Yusuf al-Qaradhawi berkata, *“Ini kerana menjaga maruah dan menutup aibnya di samping berihiyat bagi mengisbatkan nasab kerana masalah kanak-kanak. Di samping itu, supaya mengalakkan isbat nasab”*.²³⁴

Walau bagaimanapun, terdapat juga fatwa tentang status anak yang dilahirkan hasil daripada luar pernikahan yang sah memutuskan sebaliknya;

²³² Yussof al-Qardhawi (2000), *al-Istilhaq wa Attabni fi Syariah'til Islamiah*, Maktabah Wahbah: Kaherah, h. 29.

²³³ Asri Zainul Abidin (2009), “Anak Luar Nikah Harus Dibinkan Kepada Bapanya”, *Majalah al-Islam*, Mei 2009, Utusan Karya, h. 34.

²³⁴ [2008] 1 *ShLR* 16

“Perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah harus dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pusaka daripadanya, tidak menjadi muhrim kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya.

Anak zina atau anak di luar nikah (anak tidak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah”²³⁵.

Sehubungan dengan hal ini, untuk mengukur fatwa itu sama ada berwibawa dan boleh dijadikan sebagai sumber yang berautoriti bagi mahkamah hendak membuat keputusan, Ibn al-Qayyim pernah menegaskan bahawa di mana ada kebenaran dan keadilan maka di situlah ada hukum syarak yang direcai Allah SWT. Tegas ulama ini lagi, Allah tidak membatasi pencapaian hak dan keadilan melalui satu-satu cara yang tertentu sahaja, tetapi membuka berbagai-bagai jalan. Oleh sebab itu, apa sahaja cara yang boleh menegakkan kebenaran dan keadilan ia perlu diterima pakai.²³⁶

Menurut Mahmood Zuhi Ab Majid, mungkin berasaskan kepada hakikat inilah juga Imam Malik tidak merestui kehendak khalifah Abu Ja'far al-Mansur untuk menjadikan kitab beliau, *al-Muwatta'* sebagai kod undang-undang yang dipakai di mahkamah-mahkamah bagi menyeragamkan keputusan para hakim. Antara alasan yang beliau berikan adalah tidak mahu memaksa orang ramai bergantung kepada satu ilmu

²³⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009), *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM, h.105. Manakala Indonesia pula sebagai negara yang bersifat liberal tidak membezakan kedudukan atau status anak luar nikah menerusi perundangannya. Ia dinyatakan sebagaimana berikut; “...rumusan anak sah dalam Fikih Indonesia (Kompilasi Hukum Islam KHI) itu sama dengan batasan yang diberikan dalam Undang-Undang lain yang berlaku di Indonesia, yaitu Undang-Undang Perkahwinan (UUP) dan Kitab Undang-Undang Hukum Perdata (KUHP). Bila seorang anak itu lahir ketika ibu bapaknya terikat dalam perkahwinan yang legal, maka anak itu dinyatakan sebagai anak sah”. Lihat Musthofa Rahman, M.Ag. (2003), *Anak Luar Nikah- Status dan Implikasi Hukumnya*. Jakarta: ATMAJA, h.21.

²³⁶ Mahmood Zuhi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: APIUM, h. 34.

sahaja. Dengan lain perkataan, Imam Malik tidak mahu mahkamah terikat dengan satu ijtihad sahaja, tetapi sebaliknya perlu ada kebebasan berijtihad di kalangan para hakim bagi mencapai keputusan yang sebaik mungkin. Kerana apa yang penting ialah kebenaran dan keadilan itu sendiri yang merupakan objektif utama kepada pengadilan.²³⁷

Manakala Lord Chief Justice Hewart pula pernah berkata dalam kes *R. v. Sussex Justices, ex parte Mc Carthy* [1924] 1 K.B. 256: “*It is not merely of some importance, but is of fundamental importance that justice should not only be done, but should manifestly and undoubtedly be seen to be done.*”²³⁸

4.4 Hadanah dan Penentuan Agama Anak

Undang-undang Keluarga Islam Brunei telah memperuntukkan dengan jelas bahawa Islam merupakan salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan hak penjagaan seseorang kanak-kanak. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang yang sama tidak menjelaskan status agama bagi kanak-kanak yang dijaga.

Perbincangan ini akan menumpukan kepada isu status agama kanak-kanak akibat daripada salah satu pihak memeluk agama Islam. Jika dilihat dari beberapa kes yang ada, tidak ada ketetapan yang pernah dibuat oleh pihak-pihak yang berwajib tentang kedudukan status agama kanak-kanak tersebut walaupun syarak ada membincangkannya.

²³⁷ *Ibid.*, h. 34-35.

²³⁸ N.H.Chan.D.P.C.M (2007), *Judging The Judges*. Petaling Jaya: Alpha Sigma Sdn.Bhd., h. v.

Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Muhammad Jamil Abas bin Abdul Ali @ James Chiew Siew Hua lwn Sandy M.Chiew @ Martinez*,²³⁹ Mahkamah Rendah Syariah telah membenarkan tuntutan pemohon berkenaan dengan hak penjagaan anak-anak yang bernama Muhammad Justin bin Muhammad Jamil Abas berumur 10 tahun, Muhammad Nicholas bin Muhammad Jamil Abas berumur 8 tahun dan Muhammad Philip bin Muhammad Jamil Abas berumur 5 tahun untuk berada dalam jagaan Pemohon. Dalam kes ini walaupun status agama anak-anak tersebut tidak ditimbulkan, akan tetapi ia secara tidak langsung menjelaskan agama kanak-kanak tersebut adalah Islam sebagai menurut agama bapa mereka.

Ini berbeza dengan kedudukan kes *Yong Sui Int lawan Muhammad Zuki bin Abdullah Intol*.²⁴⁰ Dalam kes ini Pemohon adalah seorang yang bukan beragama Islam telah memohon hak penjagaan terhadap tiga orang anak hasil daripada perkahwinan sivil mereka. Defendan telah memeluk agama Islam dan perkahwinan mereka telah dibubarkan oleh Mahkamah Syariah pada 27 Jun 2002. Kesemua anak-anak tersebut masih tinggal bersama ibunya yang tidak beragama Islam dan mengakui mereka tidak memeluk Islam. Anak-anak tersebut ialah Elvin Zuki berumur 18 tahun, Elzirol Zuki berumur 17 tahun dan Elzarina Zuki berumur 15 tahun.

Apa yang dapat kita lihat daripada kedua-dua kes berkenaan, terdapatnya perbezaan tentang status agama bagi kanak-kanak yang salah satu pihak sama ada ibu atau bapanya memeluk agama Islam. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat peruntukan

²³⁹ Kes Mal Bil : TC/BM 180/2001.

²⁴⁰ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/TUT : 40/2005.

secara bertulis yang jelas yang menghendaki status agama anak-anak ditetapkan menurut mekanisme perundangan yang ada. Hukum telah pun jelas sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini bahawa ulama bersepakat mengatakan bahawa kanak-kanak itu akan menjadi Islam jika kedua ibu bapanya atau salah seorang daripadanya memeluk agama Islam.²⁴¹

Merujuk kepada pengalaman di Malaysia, penulis mendapati bahawa jika seseorang ibu atau bapa memeluk agama Islam, dia berhak menukar agama anaknya kepada Islam. Perkara ini selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 12 (4) yang menyebut bahawa, “agama bagi seseorang yang berumur kurang 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya.” Hal ini dapat dilihat dalam kes *Riduan Abdullah* atau nama asalnya *Parthmanathan* dengan ketiga-tiga anaknya yang masih di bawah umur telah menyertai bapa mereka untuk memeluk agama Islam secara rasmi. Setelah itu, Muhammad Riduan membuat permohonan hak jagaan anak di Mahkamah Tinggi Syariah Perak yang meliputi tuntutan hak jagaan kekal dan permohonan *ex-parte* untuk hak jagaan sementara. Mahkamah telah memutuskan bahawa Muhammad Riduan memperoleh hak jagaan sementara ketiga-tiga anaknya sementara menanti keputusan permohonan hak jagaan kekal. Mahkamah juga menetapkan, pihak ibu iaitu Indira Gandhi a/p Mutho supaya ditegah atau dihalang daripada mengganggu gugat pemohon dan ketiga-tiga anak tersebut. Walau bagaimanapun Indira Gandhi yang tidak memeluk Islam telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Sivil untuk menuntut hak jagaan ke atas anak-anak tersebut. Mahkamah Tinggi Sivil dalam keputusan mereka telah memberi kebenaran hak jagaan sementara kepada ibu berkenaan. Muhamad Riduan telah membuat

²⁴¹ Lihat Bab 11 dalam tajuk – Had Umur Pengislaman.

permohonan di Mahkamah Tinggi Sivil untuk membatalkan keputusan tersebut.²⁴² Inilah implikasi yang dihadapi oleh negara yang mengamalkan sistem perundangan *dualisme* dengan kes ini menerima dua keputusan mahkamah yang berbeza dalam hal jagaan anak. Rentetan daripada keputusan kes ini, kabinet telah membuat keputusan yang agak kontroversi seperti yang pengkaji nyatakan dalam bab sebelum ini.²⁴³ Bagi kes-kes yang terdahulu seperti kes *Subashini* dan kes *Shamala*, Mahkamah Persekutuan Malaysia telah memutuskan untuk memberi hak jagaan kepada salah seorang daripada ibu bapa atau penjaga bagi menentukan agama anak mereka supaya selaras dengan kehendak Perlembagaan.

Dalam Kes *Sharmala a/p Sathiyaseelan lwn Dr Jeyaganesh a/l C Mogarajah*. Pada 20 Julai 2004, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa plaintif, iaitu seorang wanita yang beragama Hindu diberi hak jagaan harian terhadap kedua-dua orang anaknya yang berumur tiga tahun setengah dan 10 bulan yang beragama Islam. Hakim Datuk Faiza Tamby Chik juga memberikan hak pemeliharaan secara bersama kepada kedua-dua plaintif dan defendan yang merupakan ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut dan juga hak melawat kepada defendan yang telah menganut Islam. Defendan juga diperintahkan untuk membayar nafkah kepada anak-anak tersebut. Walaupun plaintif mendapat hak jagaan terhadap anak-anak tersebut, namun beliau tidak boleh menukar agama anak-anak yang telah memeluk agama Islam bersama bapa mereka. Mahkamah juga mengingatkan beliau bahawa perintah jagaan itu akan tamat jika ada bukti yang jelas bahawa plaintif cuba mempengaruhi anak-anaknya tentang agama yang dianuti.

²⁴² Mohd. Nasaie Ismail (2009), Kontroversi Pathmanathan @ Riduan Abdullah. *Majalah Al-Islam*, Julai 2009, h. 14.

²⁴³ Lihat Bab II dalam kajian ini dibawah tajuk : 2.8 Had Umur Memeluk Islam.

Daripada kes ini jelas menunjukkan bahawa pihak yang tidak beragama Islam juga berhak untuk mendapatkan hak jagaan terhadap anak yang beragama Islam. Keputusan seumpama ini bukanlah satu keputusan yang tidak boleh diterima jika ia mempunyai masalah tertentu. Ini kerana terdapat pendapat di kalangan ulama yang membolehkannya, antaranya ialah Mazhab Hanafi, Maliki dan Zahiri.²⁴⁴

Manakala dalam kes yang lain pula, pihak yang tidak beragama Islam telah memohon di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan hak penjagaan (hadanah) bagi anak-anak yang tidak memeluk agama Islam. Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Yong Sui Int lawan Muhammad Zuki bin Abdullah Intol*.²⁴⁵ Fakta kes adalah seperti berikut; Pemohon adalah seorang yang bukan beragama Islam memohon bagi hak penjagaan bagi tiga orang anak hasil daripada perkahwinan sivil mereka. Defendan telah memeluk agama Islam dan perkahwinan mereka telah dibubarkan oleh Mahkamah Syariah pada 27 Jun 2002. Dalam kes ini Mahkamah telah meminta supaya semua anak-anak tersebut hadir di hadapannya bagi tujuan pemeriksaan umur mumaiyiz. Ini kerana mahkamah berpendapat jika sekiranya anak-anak tersebut mumaiyiz, mereka berhak untuk membuat pilihan. Kesemua anak-anak tersebut masih tinggal bersama ibunya yang tidak beragama Islam dan kanak-kanak tersebut mengakui mereka tidak memeluk Islam. Anak-anak tersebut ialah Elvin Zuki berumur 18 tahun, Elzirol Zuki berumur 17 tahun dan Elzarina Zuki berumur 15 tahun. Mahkamah dalam membuat keputusan telah merujuk kepada Bab 91 (2) dari PDUUKI, 1999 iaitu memberi hak kepada anak-anak tersebut untuk membuat pilihan. Kesemua anak-anak tersebut telah membuat pilihan untuk tinggal bersama ibu

²⁴⁴ Lihat Bab 11 dalam perkara Hadanah

²⁴⁵ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/TUT : 40/2005.

mereka dan mahkamah membuat keputusan berdasarkan kepada kehendak anak-anak tersebut.

Apa yang menarik dalam kes ini ialah mahkamah memutuskan berdasarkan peruntukan undang-undang bertulis yang sedia ada. Ini kerana jika dilihat daripada peruntukan yang berkaitan dengan hadanah dalam PDUUKI, 1999, jelas memperuntukkan akan syarat hak kelayakan terhadap penjagaan hendaklah beragama Islam, sedangkan pemohon dalam kes ini tidak beragama Islam. Selain itu, mahkamah juga memutuskan cara penjagaan dengan merujuk kepada Bab 91 (2) dari PDUUKI,1999.

Berdasarkan kepada kes di atas, apa yang sepatutnya diputuskan oleh mahkamah dalam kes ini adalah dengan membuat penentuan terhadap status agama kanak-kanak tersebut terlebih dahulu. Dalam hal ini jika hakim mendapati tidak terdapat peruntukan undang-undang bagi sesuatu perkara, maka ia hendaklah membuat rujukan kepada kehendak hukum syarak. Ini kerana undang-undang membenarkan untuk berbuat demikian;

“(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan Hukum Syara’, adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan.

(2) Mengenai apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini Mahkamah hendaklah mengikut Hukum Syara’.”

Berdasarkan kepada penelitian dan analisa yang dibuat dalam bab sebelum ini²⁴⁶, penulis mendapati bahawa undang-undang yang berkaitan dengan penjagaan anak (yang tidak beragama Islam) tidak terpakai kepada pasangan suami isteri yang memeluk agama Islam. Tetapi dalam peruntukan itu juga tidak menyebut bagi salah satu pihak yang memeluk Islam. Begitu juga bagi pihak yang tidak memeluk Islam. Persoalannya sekarang adalah sama ada undang-undang tersebut, iaitu (*The Guardianship Of Infants Act* – *Chapter 191*) masih terpakai kepada pihak yang tidak memeluk agama Islam. Menurut pendapat dan pandangan salah seorang pegawai di Mahkamah Sivil²⁴⁷ undang-undang tersebut jelas tidak terpakai bagi pasangan suami isteri yang kedua-duanya memeluk agama Islam. Akan tetapi peruntukan tersebut juga tidak menyebut satu pihak atau antara kedua-dua pihak (*between parties*) yang memeluk agama Islam. Ini bermakna dengan ketiadaan peruntukan sedemikian ianya menunjukkan pihak yang tidak beragama Islam tidak mempunyai pilihan lain, selain membawa kes tersebut kepada Mahkamah Syariah. Perkara ini jelas jika dilihat dari segi bidang kuasa eksklusif Mahkamah-Mahkamah Syariah²⁴⁸ dan juga penerapan undang-undang (*application of law*).²⁴⁹

Walaupun pihak yang tidak beragama Islam mempunyai hak untuk membawa kes tersebut di Mahkamah Syariah, akan tetapi disebabkan agama Islam merupakan salah satu syarat kelayakan hak penjagaan seseorang kanak-kanak, tentulah sangat sukar bagi pihak-pihak yang tidak beragama Islam untuk mendapatkan hak penjagaan tersebut. Walaupun demikian, ia tidak menghalang untuk mendapatkan sebarang relif lain yang

²⁴⁶ Lihat Bab II dalam kajian ini dalam perkara: 2.9 Hadanah.

²⁴⁷ Dayangku Masni binti Pengiran Bahar, Magistrate Kanan di Mahkamah Magistrate, Brunei Darussalam. Temubual pada 22 Julai 2009.

²⁴⁸ Bab 5, Akta Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Penggal 184.

²⁴⁹ Bab 5, Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999.

munasabah dalam perkara yang mahkamah mempunyai budi bicara (*discretionary powers*) bagi mengenakan syarat bagi satu perintah penjagaan. Antara lain perkara ini dapat dilihat di bawah peruntukan;

“(2) Dengan tidak menyentuh keluasan makna cerai (1), sesuatu perintah penjagaan boleh-

- c. mengadakan peruntukan bagi kanak-kanak itu melawat ibu atau bapa kanak-kanak yang tidak diberi hak penjagaan atau mana-mana ahli dari keluarga ibu atau bapa yang telah mati atau tidak diberi hak penjagaan pada masa-masa dan bagi tempoh-tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;
- d. memberi kepada ibu atau bapa kanak-kanak yang tidak diberi hak penjagaan atau mana-mana ahli keluarga ibu atau bapa kanak-kanak yang telah mati atau tidak diberi hak penjagaan, hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu pada masa-masa dan dengan seberapa kerap yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah;²⁵⁰

Walaupun undang-undang memperuntukkan demikian dengan menjadikan agama Islam sebagai salah satu syarat dalam hal penjagaan anak, akan tetapi terdapat juga kes yang memutuskan sebaliknya. Ini boleh dirujuk dalam kes *Saran Tandan lwn Muhammad Rusydi bin Abdullah @ Rosdi bin Said*²⁵¹. Mahkamah Syariah dalam kes ini telah memutuskan bahawa ketiga-tiga anak yang menjadi pertikaian dalam kes ini diletakkan di bawah penjagaan ibu yang tidak memeluk agama Islam dan bapa hanya diberi kebenaran untuk berjumpa dengan anak-anak tersebut.

²⁵⁰ Lihat Bab 94, PDUUKI, 1999.

²⁵¹ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/BM 445/2003. Kes Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara.

4.5 Nafkah

Seperti yang telah dijelaskan penulis sebelum ini, kesahatarafan anak merupakan faktor utama dalam menentukan hak dan kewajiban seseorang khususnya kewajiban bapa dalam memberikan nafkah kepada anaknya. Walaupun demikian, ada juga mereka yang berpendapat seperti berikut:-

“Children who born illegitimate prior to the conversion of either spouse in a marriage would be an issue in the aspect of maintenance as their status is different from the Islamic law and civil law. Under the Islamic law, an illegitimate child is a child who is conceived during an illicit union. Therefore, a child who was conceived by an illicit union cannot be legitimate in the Islamic point of view, even though the parents were to marry just before the birth of the children. This is because the child is presumed legitimate if it is born 6 months after the marriage. In the case where the child was once legitimated by subsequent marriage prior to the conversion of either spouse, by the child’s biological father’s or mother’s conversion to Islam, the child concerned would not be considered the converted spouse’s legitimate child.. Prior to his conversion.”²⁵²

Dalam hal ini penulis tidak bersetuju dengan pandangan penulis di atas kerana ayat *“The Islamic law only recognizes the child as legitimate if the child was born 6 months after the marriage”* hanyalah bagi kanak-kanak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan Islam dan bukannya bagi perkahwinan bukan Islam yang diikuti dengan pemelukkan Islam. Pandangan seumpama ini adalah bertentangan dengan pendapat jumur fuqaha seperti yang penulis nyatakan semasa membincangkan isu yang berkaitan dengan kesahatarafan anak sebelum ini.

²⁵² Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *Conversion To Islam-Effect On Status Of Marriages And Ancillary Reliefs*. Petaling Jaya:ILBS, h. 39.

Selain itu ada juga kes yang melibatkan tuntutan nafkah yang dibuat oleh ibu yang suaminya telah memeluk Islam, sedangkan anak-anak kepada pasangan tersebut tidak turut serta memeluk Islam dan masih tinggal bersama ibu mereka yang tidak memeluk Islam.²⁵³ Dalam hal ini, menjadi persoalan terhadap sistem kehakiman di negara ini iaitu sejauh mana Mahkamah Syariah benar-benar kompeten untuk menyelesaikan permasalahan bersangkutan nafkah anak yang melibatkan pertukaran agama Islam oleh pihak bapa.

Sebenarnya, Mahkamah Syariah sebelum ini pernah mendengar dan memutuskan kes-kes yang dikemukakan oleh pihak bukan Islam. Ini boleh dilihat dalam kes *Ng Shu Hui lwn Muhammad Saiful bin Abdullah Lim @ Hendry Lim Keh Guan*²⁵⁴. Dalam kes ini pihak isteri yang tidak memeluk Islam telah membuat tuntutan nafkah iddah, mutaah, hutang dan sebagainya terhadap suaminya yang telah memeluk agama Islam 17 Mac 2005. Berikutan dengan pemelukan Islam suami, tanpa pemelukan Islam isteri semasa dalam tempoh beriddah, mahkamah telah membubarkan perkahwinan sivil mereka pada 20 Julai 2005.

Keputusan ini juga boleh dirujuk dalam kes *Saran Tadam lwn Muhammad Rusydi bin Abdullah*²⁵⁵, pihak isteri yang tidak memeluk Islam bersama tiga orang anaknya telah memohon kepada Mahkamah Syariah untuk mendapatkan bayaran nafkah bagi anak-anak tersebut. Mahkamah telah memerintahkan pihak suami untuk membayar nafkah sebanyak

²⁵³ Bil Fail Rujukan: (24) MMS/JKN/01/22/KHS Surat Dyg. Liew Mui Len (no. i.c : 00-070913) kepada Ketua Hakim Syarie NBD, 2 Julai 2009.

²⁵⁴ Kes Mal Bil : MRHS/MAL/BM/413/2005. Kes Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara.

²⁵⁵ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/BM 445/2003. Kes Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara.

dua ratus ringgit sebulan dan enam ratus ringgit bagi setiap hujung tahun kepada ketiga-tiga anak tersebut.

Dalam membincangkan isu berkaitan dengan nafkah sama ada di pihak isteri mahupun anak-anak yang tertunggak semasa perkahwinan sivil, penulis mendapati dari segi pemakaian undang-undang yang berkaitan adalah sama seperti yang telah dibincangkan dalam perkara hadanah. Undang-undang tersebut juga memperuntukkan perkara yang sama iaitu dalam perkara '*non-application*', maka ia turut menghasilkan natijah yang sama, iaitu forum atau platform yang selayaknya untuk mendengar dan memutuskan tuntutan tersebut adalah Mahkamah Syariah.

4.6 Pendaftaran dan Pembubaran Perkahwinan Sivil

PDUUKI, 1999 dengan jelas memperuntukkan bahawa status perkahwinan antara orang bukan Islam yang kemudiannya diikuti oleh pemeluk Islam, perkahwinan itu hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Perintah ini, jika ia sah mengikut hukum syarak.²⁵⁶ Ini merupakan satu pengiktirafan dari segi undang-undang terhadap perkahwinan mereka yang bukan beragama Islam pada asalnya, tetapi memeluk Islam selepas itu.

Menurut Timbalan Pendaftar Perkahwinan, bagi perkahwinan yang berlangsung antara orang bukan beragama Islam yang memeluk agama Islam, perkahwinan tersebut boleh didaftarkan di bawah Perintah ini iaitu di bawah Bab 31 PDUUKI,1999. Dari segi

²⁵⁶ Bab 7 (4), PDUUKI, 1999.

amalan yang dibuat setakat ini pihak pendaftar hanya membuat penelitian berdasarkan kepada dokumen yang dikemukakan tanpa merujuk kepada keperluan syarak disebabkan tidak ada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkenaan bagi tujuan tersebut.²⁵⁷

Persoalannya di sini sama ada amalan tersebut menepati kehendak undang-undang yang berkaitan. Ini kerana dalam peruntukan tersebut dengan jelas menyatakan bahawa pendaftaran bagi perkahwinan orang Islam yang diakadnikahkan dahulunya di bawah sebarang undang-undang di mana perkahwinan itu belum lagi didaftarkan. Sedangkan perkahwinan sivil mereka sebelum ini adalah tertakluk di bawah '*Registration of Marriages Act- Cap 124*'.²⁵⁸

Merujuk kepada Bab 31 PDUUKI, 1999 yang juga '*in pari materia*' dengan Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Malaysia, jelas menyebut tentang perkahwinan iaitu "perkahwinan mengikut hukum Syara" sedangkan perkahwinan sivil dilangsungkan tidak mengikut hukum syarak. Melainkan jika peruntukan dalam undang-

²⁵⁷ Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Aliakbar, Penolong Pendaftar di Pejabat Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 10 Ogos 2009. Di Malaysia, amalan yang sama turut dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi pendaftaran pernikahan sukarela yang merujuk Seksyen 33 Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Peruntukan ini adalah termasuk pendaftaran pernikahan di kalangan mualaf sebelum mereka memeluk agama Islam. Bagi permohonan di bawah peruntukan ini, Pendaftar akan membuat siasatan dengan menghendaki pemohon mengemukakan dokumen-dokumen perkahwinan mereka. Sekiranya dokumen tidak dapat diperolehi, pemohon diminta untuk mengemukakan surat sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah, atau ke Mahkamah Syariah bagi sumpah *yamin* sebelum ia boleh didaftarkan. Lihat juga Irdhina @ Martini binti Haji Wasli (2007), "Program Penempatan dan Lawatan Kerja Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam Ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia" (Kertas Laporan, 30 Jan- 2 Feb 2007), h. 13.

²⁵⁸ Mana-mana pasangan yang melangsungkan perkahwinan (*contracted*) di negara Brunei, selain dari perkahwinan yang salah seorang daripadanya memeluk agama Islam atau Kristian, boleh mendaftarkan perkahwinan tersebut, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dibawah Akta ini. Lihat bab 4 '*Registration of Marriages Act- Cap 124*'.

undang menyebut, “perkahwinan yang sah mengikut hukum Syara”, ini kerana Syara’ mengiktiraf perkahwinan sivil jika ianya menepati kehendak hukum Syara’.

Frasa “perkahwinan mengikut hukum Syara” dalam PDUUKI, 1999 ini sebenarnya telah menimbulkan polemik dan perbahasan dalam memberikan maksud mengikut kehendak sebenar peruntukan tersebut. Dalam satu kajian yang telah dibuat berhubung dengan maksud “perkahwinan mengikut hukum Syara” seperti yang terkandung dalam Bab 41 dari Perintah yang sama, majoriti pengamal undang-undang yang telah ditemu bual berpendapat bahawa ia termasuk bagi perkahwinan orang yang bukan Islam yang kemudian salah satu pihak atau kedua-duanya memeluk agama Islam.²⁵⁹

Akan tetapi jika dilihat dalam peruntukan di bawah Bab 31, terdapat keterangan yang jelas dalam nota birai (*marginal notes*) yang menyatakan bahawa, “Pendaftaran sukarela perkahwinan orang Islam yang diakadnikahkan dahulunya di bawah sebarang undang-undang”. Fungsi nota birai adalah untuk membantu dalam mentafsirkan sesuatu akta atau undang-undang yang berkaitan.²⁶⁰

²⁵⁹ Johar bin Muhamad (2006), ‘*Talak Dan Tuntutan-Tuntutan Berkaitan Menurut Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999, Brunei Darussalam*’ (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 156.

²⁶⁰ “Nota Birai” Di England nota birai (*marginal notes*) tidak menjadi sebahagian mana-mana akta dan juga tidak boleh dipinda di dalam mana-mana Dewan Parlimen. Oleh yang demikian, pada kebiasaannya nota-nota ini tidak boleh dirujuk untuk memberi penerangan apabila sesuatu enakmen tidak terang maknanya. Di Malaysia sebaliknya nota birai itu menjadi sebahagian ordinan dan ini telah diputuskan oleh Hakim Ford dalam kes *Cashin lwn Murray* yang telah mengatakan nota-nota boleh digunakan untuk mentafsir ordinan. Hakim Goldney dalam kes *Reg lwn. Khoo Kong Peh* tidak bersetuju dengan keputusan itu dan telah mengatakan bahawa Hakim Ford telah silap di dalam kes *Cashin lwn. Murray* apabila beliau memutuskan bahawa nota birai boleh digunakan untuk mentafsir ordinan. Dalam kes *Re Tan Keng Tin*, Hakim Terrell berpendapat nota birai kepada ordinan-ordinan Negeri-negeri Selat ialah sebahagian daripada ordinan itu dan boleh dirujuk untuk mendapat bantuan dalam tafsiran. Lihat Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, (2005), *Sistem Undang-Undang Di-Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP, h. 155.

Bagi menjelaskan perkara ini, rujukan boleh dibuat kepada akta tafsiran yang dinamakan sebagai “The Interpretation and General Clauses Act”.²⁶¹ Secara umum akta ini hendaklah terpakai kepada semua undang-undang bertulis yang terdapat di negara ini. Ia berfungsi sebagai kamus yang boleh memberi makna dan penjelasan kepada peruntukan dalam sesuatu akta atau perintah.²⁶²

Apabila pendekatan undang-undang seumpama ini diambil kira dalam mendapatkan maksud atau tafsiran bagi sesuatu undang-undang bertulis, ia akan dapat membantu bagi mendapatkan jawapan dan penjelasan yang tepat pada satu-satu peruntukan tertentu. Oleh itu, dengan fungsi ‘nota birai’ sebagaimana yang telah dijelaskan, maka natijah bagi maksud Bab 7 dalam Bab 31 Ceraian (1) yang mengatakan “Dengan tidak menghiraukan bab-bab 7, 24 (2) dan 29”, hanya berkaitan dengan perkara dalam Ceraian (1), (2) dan (3) dari bab tersebut dan tidak kepada perkara dalam Ceraian (4). Ini kerana Ceraian (4) khusus menyatakan tentang perkahwinan antara bukan Islam.²⁶³

Persoalan seterusnya adalah perbincangan berkenaan pembubaran perkahwinan dan peruntukan-peruntukan berkaitan dalam memastikan kedudukan perkahwinan bukan Islam adalah sah menurut hukum syarak. Ini kerana tidak semua perkahwinan bukan Islam boleh diterima oleh agama Islam apabila pasangan berkenaan memeluk agama Islam, ataupun pada satu pihak sahaja.

Sehubungan dengan itu, dalam kes permohonan untuk pembubaran perkahwinan bagi pasangan suami isteri yang memeluk agama Islam, tidak ada peruntukan yang menghendaki mahkamah untuk mengambil kira akan kesahihan perkahwinan bukan

²⁶¹ Bab 1, Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am, Penggal 4.

²⁶² *Ibid*, Lihat Lampiran –“B”

²⁶³ Lihat Bab 7, Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

Islam mengikut kehendak hukum syarak sebelum pengesahan pembubaran perkahwinan dilakukan. Ada juga yang berpendapat bahawa sesuatu perkahwinan hanya boleh dibubarkan sama ada perkahwinan bagi mereka yang beragama Islam ataupun tidak beragama Islam jika perkahwinan mereka sah mengikut hukum syarak. Perkahwinan yang tidak sah sama ada yang dilangsungkan secara Islam ataupun sebaliknya tidak perlu dibubarkan.²⁶⁴

Peruntukan yang ada seperti yang dijelaskan pada awal tadi, hanya berbentuk pengiktirafan kepada perkahwinan yang boleh disifatkan telah didaftarkan di bawah PDUUKI, 1999, tanpa menghendaki pendaftaran dibuat. Akan tetapi peruntukan yang berkaitan dengan pengesahan perkahwinan yang dilangsungkan mengikut perkahwinan sivil tidak diperuntukkan dengan jelas dalam Perintah tersebut. Peruntukan yang ada hanyalah menyebut; “Bab 7 (4). Perkahwinan di antara orang bukan beragama Islam yang telah memeluk agama Islam yang sah di sisi Hukum Syara’ hendaklah disifatkan perkahwinan yang didaftarkan mengikut Perintah ini, jika ianya sah mengikut Hukum Syara’”²⁶⁵

Bagi menjelaskan persoalan di atas, Syara’ sebenarnya telah menetapkan bahawa dalam masalah pembubaran perkahwinan secara fasakh, ia boleh dilakukan ke atas akad nikah yang sah dan yang fasid. Ini berlainan dengan talak kerana talak hanya berlaku ke atas akad nikah yang sah sahaja.²⁶⁶ Ini memberi maksud bahawa walaupun undang-

²⁶⁴ Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Abdul Rahman, Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara. Temubual pada 11 Ogos 2009.

²⁶⁵ Perintah Darurat Undang-Undang Keluarga Islam, 1999.

²⁶⁶ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jil.7. Beirut: Dar al-Fikr, h. 348.

undang tidak memperuntukkan tentang pengesahan perkahwinan antara bukan Islam, ia tidak menghalang mahkamah untuk mendengar dan membuat pengesahan terhadap perkara ini.

Pembubaran perkahwinan kerana pertukaran agama ini tidaklah banyak menimbulkan masalah kerana ia jelas telah termaktub dalam undang-undang keluarga (PDUUKI, 1999). Peruntukan tersebut mengambil pendapat Mazhab Syafi'i iaitu pembubaran berlaku setelah mendapat pengesahan daripada mahkamah (*judicial decree*).²⁶⁷

Walau bagaimanapun, terdapat juga isu perbezaan perintah pembatalan dalam mengesahkan pertukaran agama yang dibuat oleh mahkamah. Ini boleh dilihat dalam kes *Muhammad Azhar Syafie bin Abdullah Millo dengan Rosario Millo*.²⁶⁸ Dalam kes ini pihak suami telah memeluk agama Islam pada 14 Februari 2006. Berikutan dengan pemeluk Islam itu, mahkamah telah memfaraqkan pernikahan mereka pada 29 Mei 2006. Antara persoalan yang timbul dalam kes ini adalah tentang maksud *faraq* dalam perintah tersebut dan bila tarikh yang sepatutnya dikira bagi pengesahan bermula.²⁶⁹ Ini kerana dalam kes ini mahkamah memfaraqkan perkahwinan mereka pada hari kes diputuskan dan bukan membuat pengesahan pada masa tarikh pengislaman berlaku. Perkara yang sama juga boleh dilihat dalam kes *Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman @ Tan Kah Hock lwn Lim Yew Foong*²⁷⁰ dengan mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan mereka dibubarkan bermula pada masa mahkamah membuat keputusan

²⁶⁷ Bab 47(2), PDUUKI, 1999.

²⁶⁸ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/BM 354/2006.

²⁶⁹ Definisi "*faraq*" dan "*fasakh*", Bab 2, PDUUKI, 1999,

²⁷⁰ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/BM 367/2008.

iaitu pada 28 Jun 2008 dan bukan pada masa pengislaman berlaku iaitu pada 22 Jan 2006 di Masjid Kelapa, Jakarta Indonesia.

Kitab-kitab fiqah menyebut bahawa apabila seseorang isteri memeluk Islam tetapi suaminya masih kekal dalam agama asalnya, mengikut pendapat Ibn ‘Abbas perceraian antara mereka adalah dikira dari saat si isteri mula memeluk agama Islam, dengan syarat suaminya enggan apabila diajak untuk memeluk agama Islam.²⁷¹

Manakala Imam Malik, Syafi’i dan Ahmad pula berpendapat bahawa perceraian berlaku setelah isteri tersebut habis iddahnyanya. Pandangan ini memutuskan pembubaran perkahwinan dalam tempoh iddah kerana perkahwinan mereka masih kekal dan beliau menjadi isteri yang sah, sekiranya pihak suami memeluk agama Islam sebelum isterinya habis iddah.²⁷²

Dalam perkara yang berkaitan, Imam al-Nawawi menyebut bahawa, “Jika kemasukan kepada agama Islam tidak dibuat sebelum habis iddahnyanya, perkahwinan itu dianggap sebagai terbubar dari masa kemasukan suami itu pada agama Islam. Kaedah yang sama dipakai apabila isteri yang masuk Islam, sedangkan suami terus dengan agama asal. Sebaliknya apabila kedua-dua pihak memeluk agama Islam pada masa yang sama, perkahwinan itu terus menjadi sah.”²⁷³

²⁷¹ Salleh Ismail (2003), *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 115.

²⁷² Wahbah al-Zuhayli (1996), *op.cit.*158.

²⁷³ Imam Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, (295).

Memang tidak dinafikan bahawa pendapat-pendapat ulama yang dinyatakan di atas, tidak dimasukkan ke dalam PDUUKI, 1999. Akan tetapi apa yang jelas dari perbincangan ulama tersebut tidak ada yang mengatakan bahawa pembubaran dikira berlaku bermula pada masa sesuatu kes dikemukakan dan diputuskan oleh mahkamah. Maka, seharusnya pandangan ulama-ulama berkenaan diikuti dengan pembubaran perkahwinan dikira pada masa pemeluk Islam berlaku dan tempoh iddah bagi isteri selesai.

Bagi proses seterusnya, menurut Timbalan Pendaftar²⁷⁴ setelah mahkamah membuat pengesahan dan membubarkan perkahwinan tersebut, dari segi pelaksanaan dan amalan semasa Pendaftar akan mendaftarkan perintah pembatalan perkahwinan tersebut dan mengeluarkan satu surat pembatalan perkahwinan kepada kedua-dua belah pihak. Perkara ini adalah berdasarkan kepada kehendak bab 54 Ceraian (6) dari PDUUKI, 1999.²⁷⁵

Perkara ini boleh dilihat dalam kes *Susie Anak Lita @ Nurfa'izah Billah binti Abdullah Lita dengan Chew Heng Huat @ Ewin*.²⁷⁶ Kedua-dua pasangan ini telah berkahwin menurut cara agama mereka dan telah didaftarkan menurut Seksyen 23 dan 24 'The Marriage Act (Cap.76)'²⁷⁷ pada 19 Mei 2001. Kemudian pihak isteri telah memeluk agama Islam pada 10 Julai 2006 secara sendirian. Pihak isteri memohon kepada Mahkamah Syariah untuk membubarkan perkahwinan mereka di bawah Bab 47(2)

²⁷⁴ Irdhina @ Martini binti Haji Wasli, Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Peceraian, Pembatalan dan Rujukan Orang Islam, Daerah Brunei Muar. Temubual pada 11 Ogos 2009.

²⁷⁵ Lihat Lampiran-"C".

²⁷⁶ Kes Mal Bil: MRHS/MAL/BM 92/2008.

²⁷⁷ Marriage Register Book Of Civil Marriages - page 4708

PDUUKI, 1999. Pada 28 Julai 2008, Mahkamah telah mengesahkan permohonan tersebut. Berikutan pengesahan pembubaran pernikahan tersebut, pihak Mahkamah melalui Penolong Pendaftar memajukan keputusan mahkamah (Perintah Mahkamah) bagi tujuan pendaftaran pembatalan perkahwinan kepada pihak Timbalan Pendaftaran (bahagian perkahwinan). Pembatalan perkahwinan tersebut telah didaftarkan melalui siri bilangan : PPP/BM/03/2008. Setelah ia didaftarkan, surat pembatalan perkahwinan dikeluarkan kepada pihak-pihak berdasarkan kepada Bab 54 (6) PDUUKI, 1999.

Akan tetapi, jika dilihat pada Bab 54 Ceraian (4) PDUUKI, 1999, ia menunjukkan maksud bagi pendaftaran perceraian atau pembatalan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan dalam negara Brunei Darussalam dan bagi perkahwinan yang telah didaftarkan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa sebelum Perintah ini. Ini menunjukkan bahawa pembubaran perkahwinan di bawah Bab 47, seperti mana yang penulis bincangkan sebelum ini, tidak ada peruntukan yang menghendaki perkahwinan mereka (perkahwinan antara orang bukan Islam) supaya didaftarkan. Peruntukan yang ada hanya memberi pengiktirafan perkahwinan tersebut sebagai 'disifatkan sebagai didaftarkan' sahaja jika sekiranya sah menurut hukum syarak.

Oleh itu, pembubaran perkahwinan di bawah Bab 47 (2) yang disebabkan oleh pertukaran agama tidak termasuk dalam kehendak peruntukan di atas. Peruntukan yang menghendaki pendaftaran perceraian atau pembatalan dibuat hanya bagi maksud

perkahwinan yang telah didaftarkan di bawah Perintah ini (PDUUKI, 1999) dan ia tidak termasuk bagi perkahwinan yang hanya 'disifatkan sebagai didaftarkan'.

4.7 Kesimpulan

Setelah membincangkan isu-isu berkaitan, penulis mendapati banyak perkara yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang yang sedia ada. Ini secara tidak langsung telah menimbulkan masalah kepada mahkamah dalam membuat keputusan terhadap sesuatu kes. Walaupun hukum syarak merupakan rujukan terakhir jika tidak terdapat sebarang peruntukan dalam undang-undang, ia kurang mendapat perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat khususnya mahkamah. Selain itu berlaku juga pentafsiran yang kurang tepat dalam memberikan maksud terhadap kehendak sesuatu peruntukan.

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Rumusan

Isu-isu pemeluk agama Islam di negara ini walaupun mungkin belum lagi berada di tahap yang serius, harus diberi perhatian dan keutamaan. Sekiranya tindakan diambil hanya apabila ia telah sampai ke tahap yang kritikal, tentunya seluruh umat Islam akan berhadapan dengan kesulitan, terutamanya oleh pihak kerajaan. Pengalaman Malaysia dalam menghadapi isu-isu sebegini masih belum menemui mekanisme perundangan yang berkesan bagi mereka mempertahankan *masalah* agama dan dapat dijadikan sebagai iktibar dan panduan.

Setelah membincangkan undang-undang yang berkaitan dalam kajian ini penulis dapat membuat beberapa kesimpulan;

- (a) Kewajipan pihak-pihak yang telah memeluk agama Islam menyerahkan satu notis permohonan bagi mendapatkan status pengesahan agama Islam bagi tujuan pendaftaran sebenarnya adalah satu proses yang tidak tepat menurut kehendak undang-undang yang sedia ada. Amalan seumpama ini pada pandangan penulis bukan sahaja bersalahan dengan undang-undang tetapi juga membebankan serta menyusahkan pihak yang baru memeluk Islam.

- (b) Penetapan umur 14 tahun 7 bulan seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang hanya terpakai kepada kanak-kanak yang memeluk agama Islam secara sendirian dan bukannya bagi kanak-kanak yang memeluk Islam bersama salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya. Begitu juga dalam hal penetapan umur bagi tujuan pendaftaran, ia tidak boleh dianggap sebagai bertentangan dengan hukum syarak selagi dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang dibenarkan oleh syarak.
- (c) Setakat ini tiada peruntukan undang-undang khusus melibatkan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang wujud di negara ini bagi mendengar dan memutuskan kes-kes yang melibatkan pengesahan status agama seseorang. Walaupun tidak dinafikan ada beberapa kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang dibuat melalui tafsiran undang-undang yang sedia ada. Ini merupakan satu pendekatan “*legal interpretation of the existing laws and Constitution*” yang dibuat berdasarkan kepada semangat Perlembagaan yang meletakkan status agama Islam sebagai agama rasmi bagi negara ini. Tetapi masih menjadi persoalan ialah sama ada pentafsiran bagi mendapatkan bidang kuasa mahkamah ini boleh dibuat ataupun sebaliknya, terhadap peruntukan undang-undang yang berbentuk pentadbiran (prosedur).
- (d) Berdasarkan kepada analisis yang dibuat terhadap peruntukan undang-undang serta kes-kes yang telah diputuskan, khususnya bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kekeluargaan, penulis mendapati bahawa Mahkamah

Syariah yang wujud dinegara ini mempunyai bidang kuasa secara eksklusif ke atas pihak yang tidak memeluk agama Islam. Pihak yang tidak memeluk agama Islam tidak boleh memulakan tindakan di Mahkamah Sivil untuk mendapatkan sebarang remedi atau relief jika salah satu pihak kepada perkahwinan itu telah memeluk agama Islam.

- (e) Tidak terdapat peruntukan khusus dan terperinci yang memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang keluarga, sebagai implikasi kepada pemeluk agama Islam, apabila berlakunya pemeluk Islam antara pasangan suami isteri tersebut. Apa yang ada hanyalah peruntukan khusus bagi pembubaran perkahwinan yang disebabkan oleh berlakunya pertukaran agama bagi pasangan suami isteri. Mungkin masalah perundangan tidak berlaku jika kedua-dua pasangan memeluk agama Islam. Permasalahan seperti hadanah dan nafkah akan berlaku apabila salah satu pihak kepada perkahwinan tersebut memeluk agama Islam.

- (f) Di samping itu terdapat juga halangan dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam yang sedia ada (PDUUKI), seperti dalam masalah hadanah. Walaupun Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa ke atas mereka yang tidak beragama Islam, tetapi pihak tersebut berhadapan dengan halangan undang-undang bagi mendapatkan hak penjagaan (penuh) kerana terdapatnya syarat dalam undang-undang tersebut yang menghendaki penjaga bagi seseorang kanak-kanak itu adalah beragama Islam. Ini akan menimbulkan

masalah sekiranya melibatkan kanak-kanak yang masih memerlukan perhatian rapi dan masih menyusu sedangkan ibu masih kekal dengan agama asal.

- (g) Hukum Syarak menjadi rujukan terakhir jika tidak terdapat sebarang peruntukan dalam undang-undang. Ia akan mengakibatkan keputusan-keputusan yang tidak konsisten walaupun kita tidak menafikan wujudnya pelbagai faktor yang menyebabkan mahkamah mengeluarkan perintah yang berbeza. Namun keluasan maksud hukum syarak seperti yang ditafsirkan dalam PDUUKI mungkin akan menimbulkan pelbagai kerumitan. Hukum Syara' seperti yang ditafsirkan dalam PDUUKI bermaksud, "hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat Mahkamah". Sebagai contoh, amalan pentadbiran yang diamalkan di Malaysia yang memberi keutamaan agar rujukan dibuat kepada *qaul mu'tamad* Mazhab Shafi'i telah menimbulkan masalah tentang pilihan kitab yang perlu dirujuk.

Masalah bukan hanya timbul dari segi perintah yang tidak konsisten tetapi juga boleh menyebabkan kesilapan berlaku. Perkara ini dapat dilihat dalam masalah penentuan bagi kesahtarafan anak yang lahir hasil daripada perkahwinan pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam yang kemudiannya memeluk agama Islam seperti yang telah dibincangkan. Tidak ada peruntukan yang khusus (*lacuna*) dan terperinci berhubung perkara ini telah mengakibatkan kesilapan yang serius ketika membuat rujukan kepada

kepada sumber-sumber yang berautoriti bagi menentukan status anak tersebut. Kesilapan ini telah menafikan hak kepada anak tersebut.

- (h) Berkenaan dengan pendaftaran perkahwinan bagi perkahwinan sivil, jika ia ditafsirkan sebagai boleh didaftarkan di bawah PDUUKI, 1999, ia akan menyentuh banyak isu. Tetapi sebaliknya apabila pendekatan dengan pendaftaran perkahwinan bagi perkahwinan sivil tidak dikehendaki dalam Perintah tersebut, ia tidak mendatangkan masalah dalam kita melaksanakan kehendak peruntukan yang sedia ada khususnya dalam hal perkara yang membabitkan kuasa Mahkamah Syariah bagi membuat perintah pembubaran perkahwinan.

5.1 Cadangan

Dalam mengenegahkan penyelesaian terhadap kes-kes yang melibatkan salah satu pihak beragama Islam, adalah disarankan supaya kajian secara mendalam terhadap peruntukan yang berkaitan dari dua perspektif syarak dan undang-undang sivil dibuat sekali gus supaya dapat menghasilkan satu pendirian perundangan yang mampu memberi keadilan kepada semua pihak yang terlibat.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, soal pendaftaran untuk golongan mualaf bertujuan untuk memudahkan dan melicinkan urusan pentadbiran. Walaupun demikian, pewujudan perkara-perkara yang bersifat teknikal ini sewajarnya tidak menambah beban

malah menyebabkan kesukaran bagi seseorang itu untuk memeluk Islam. Contohnya, menghendaki pihak-pihak mengemukakan notis permohonan bagi mengesahkan pengislaman sebenarnya memberi lebih beban kepada golongan mualaf walaupun mungkin ia memberi kemudahan kepada pihak pentadbir atau pihak mahkamah. Keadaan seharusnya 'menang-menang' kepada kedua-dua belah pihak. Malah, pada pendapat penulis prosedur yang sebegini bukan hanya menyalahi dan bertentangan dengan kehendak peruntukan yang ada tetapi bertentangan dengan agama Islam itu sendiri.

Oleh itu, kajian secara komprehensif perlu dilakukan kepada peruntukan undang-undang berhubung dengan mualaf. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan langkah-langkah berikut:

- (a) Mengadakan undang-undang yang jelas dan khusus bagi menghalang dari berlakunya kekeliruan dan kesusahan kepada pihak-pihak yang terbabit. Peruntukan undang-undang khas mengenai pemeluk agama Islam hendaklah membabitkan peruntukan yang bukan hanya berbentuk pentadbiran seperti pendaftaran mualaf, tetapi juga perkara-perkara seperti undang-undang kekeluargaan dan kehartaan supaya ia lebih jelas dan mudah ditadbir oleh mahkamah.
- (b) Mahkamah juga disarankan supaya mentafsir undang-undang, membuat penghakiman dan tafsiran selari dengan prinsip-prinsip Islam. Perkara ini dapat dirujuk dalam kajian ini semasa penulis membincangkan status agama kanak-kanak

yang kedua atau salah seorang ibu bapanya memeluk agama Islam. Selain itu, kesediaan Mahkamah Syariah untuk mentafsir undang-undang bertulis dan bukan hanya secara harfiah untuk mencari kuasa Mahkamah hendaklah diambil perhatian yang sewajarnya oleh mereka yang terlibat, seperti yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah dalam kes *Lim Tian Long* dan *Awang Yong Yock See*. Dapat dikatakan bahawa tindakan ini wajar bagi menentukan keadilan dilaksanakan. Dari satu segi yang lain pula, pemakaian kaedah perundangan ini menunjukkan kesediaan Mahkamah Syariah untuk memberi pertimbangan pada sesuatu yang dianggap baru demi untuk menegakkan keadilan seperti yang dituntut oleh agama Islam.

(c) Pengenaan hukum syarak juga perlu dilaksanakan bagi memastikan undang-undang Islam berkuatkuasa dan beroperasi dalam Negara ini. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa berkaitan pelbagai perkara sivil yang diperuntukkan oleh undang-undang bertulis yang ada. Ini kerana tidak semua perkara tersebut telah dikodifikasikan dalam perundangan. Jikapun terdapat perundangan berkaitan suatu perkara, pasti terdapat pelbagai aspek perkara itu yang tidak diliputi oleh perundangan.

(d) Draf Muallaf yang dikatakan telah digubal oleh pihak tertentu, seharusnya menerima tindakan susulan segera bagi mengelakkan isu-isu dan permasalahan seumpama ini terus berlaku. Ketiadaan dan ketidaksempurnaan peruntukan-

peruntukan yang ada juga boleh memberikan kesan yang negatif kepada usaha dakwah di negara ini.

- (e) Satu kajian lanjut bagi mengkaji dan menyelidik segala peruntukan dan melihat implikasi baik dan buruk, perlu atau tidak pengubahsuaian dan tambahan kepada draf yang sedang dan telah digubal. Ini akan menjamin keberkesanan pelaksanaan dan juga matlamat undang-undang itu diwujudkan.

5.2 Penutup

Kajian ini memaparkan sebahagian besar daripada isu-isu perundangan yang sering menjadi persoalan di negara ini. Pihak-pihak yang diberi amanah untuk menguruskan perkara ini perlu mengambil perhatian dan melakukan tindakan yang bijak dan wajar dan sentiasa berinisiatif untuk membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Menjadi harapan penulis agar Mahkamah Syariah Brunei Darussalam akan berusaha secara konsisten, bersikap lebih berani, progresif dan sentiasa berinisiatif untuk membuat penyelesaian terhadap kes-kes yang dihadapkan kepada mereka mengikut undang-undang dan hukum syarak.

BIBLIOGRAFI

BUKU BAHASA ARAB

Al-Qur'an Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007), Yayasan Restu: Kuala Lumpur

Asyqar, Umar Sulaiman al- (2001), *al-Wadhi fi Syarhi Qanun al-Ahwal as- Syakhsyiah al-Urdun*, Jordan: Dar al-Nafa'is.

Bukhari, Abi Abdillah ibn Ismail ibn Ibrahim ibn al-Mughirah ibn Barzabah al- (1981), *Sahih al-Bukhari*, 1 j. Beirut: Dar al-Fikr.

Darwisy, Ahmad bin Abdul Razak al- (t.t), *Kitab Fatawa al-Lajnah al-Da'imah lil-Buhuthi al-'Ilmiyyah wa al-Ifta*, j 3, Arab Saudi: Dar Mu'id.

Dumyati, Syed al-Bakri al-Syed Abi Bakar Ibn al- Syed Muhammad Shata al- (1998), *Hasyiah I'annah al-Talibin*, j 4. Lebanon: Dar al-Fikr.

Hanafi, al-Imam 'Alauddin bin Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani al- (2000), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib as- Syara'i'*, j 3. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

Hawa, Sa'ed (1997), *al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad (t.t), *al Mughni*, j 4. Mesir: Dar al-Basair.

Ibn Qudamah, Muawafiq al-Din Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad (1984), *al Mughni*, j 7. Beirut: Dar al-Fikr.

Jawziyyah, Sheikh Syamsudin Abi Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr Ibnu Qayyim al- (1995), *Ahkam Ahlu Dzimmah*, 2 j. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Jaziri 'Abdul Rahman, (t.t), *Kitab al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, j 4. Mesir: Dar al-Hadis.

Khatib, Muhammad al-Sharbini (1958), *Mughni al-Muhtaj*, j 3. Kaherah: Mustafa al Babi al Halabi.

Khatib, Muhammad al-Sharbini al- (t.t), *Nihayah al-Muhtaj*, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Khursani, al-Imam Abi Hatim Muhammad bin Hiban al- (2004), *Sahih ibnu Hiban*. Lubnan: Dar al-Ma'rib.

Nadwi , Ali Ahmad al- (2004), *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Nawawi Abi Zakaria Yahya Sharaf al- (t.t), *Minhaj al-Talibin*. Mesir: Matba'ah Dar Ihya al-Kutub.

Qardhawi Yusof al- (2000), *al-Istilhaq wa Attabni fi Syariah'til Islamiah*. Maktabah Wahbah: Kaherah.

Umar Burqa'ah, Sofian (2007), *al-Nasab Wa Mada Tasirul Mustajiddati al-Ilmiahti fi Isbatih Dirasah Fiqhiah Tahliliah*. Saudi Arabiah: Dar Kunzu Isbyliya.

Zaidan, Abdul Karim (2000), '*al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa Baitul Muslim*', j 9. Beirut: al-Resalah Publishers.

Zuhayli, Wahbah al- (1996), *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, 7 j. Damsyik: Dar al-Fikr.

BAHASA INGGERIS

Abdul Rahman Awang (1994), *The Status Of The Dhimmi In Islamic Law*. Kuala Lumpur: ILBS.

Ala'eddin Kharofa (2004), *Islamic Family Law- A Comparative Study with other Religions*. Kuala Lumpur: ILBS.

Fazlur Rahman (1980), "A Survey Of Modernization Of Muslim Family Law", *International Journal of Middle East Studies*, Vol.11 Issue 4, July 1980.

Ian Edge (1993), "A Comparative Approach To The Treatment Of Non-Muslim Minorities In The Middle East With Special Reference To Egypt", dalam Chibli Mallat *et al.* (ed.), *Islamic Family Law*, London: Graham&Trotman.

N.H.Chan.D.P.C.M (2007), *Judging The Judges*. Petaling Jaya: Alpha Sigma Sdn.Bhd.

Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *Conversion To Islam – Effect On Status Of Marriages And Ancillary Reliefs*. Kuala Lumpur: ILBS.

Osman Abdullah @Chuah Hock Leng *et. a.l* (2008), *Muslim Converts In Malaysia: The Problem Of Cultural Adjustment*. IIUM: Kuala Lumpur.

Shamrahayu A. Aziz (2006), "Islam As The Religion Of The Malaysia Federation : The Scope And Implications", *Law Journal*, Vol 14 No.1, 2006.

Zuliza Mohd Kusrin (2008), "Conversion Of Minor To Islam In Malaysia" dalam Ridzwan Ahmad *et al.*(eds.), *International Seminar On Research In Islamic Studies 2008*, Vol. 1. Kuala Lumpur: Academy Of Islamic Studies, University of Malaya.

BAHASA MELAYU

Abd. Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.

Abdul Aziz bin Juned (2001), *Fatwa Mufti Kerajaan (2000)*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM.

Abdulllahi Ahmed an-Na'im (2006), *Menuju Reformasi Perundangan Islam*. Al-Mustaqeem Mahmud Radhi *et. a.l* (terj.). Kuala Lumpur: MEGC.

Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (eds.) (2006), *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Hidayat Buang, (ed.) (1998), *Undang-Undang Islam Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Hidayat Buang (1997), "Reformasi Undang-undang Keluarga Islam", *Jurnal Syariah*, Jil.5 Bil.1, Januari 1997.

Ahmad Hidayat Buang (ed) (2007), *Undang-Undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (2005), *Sistem Undang-Undang Di-Malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.

Ahmad Ibrahim (1997), "Kesan Pertukaran Agama", dalam Ahmad Mohamed Ibrahim, *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Siri Fatwa: 26/2004.

Farid Sufian Shuaib (2003), *Power and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*, Kuala Lumpur: MLJ.

Hamid Jusoh (1992), *Kedudukan Undang-Undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-Kes Konversi Dalam Undang-Undang Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan bin Haji Ahmad dan Muhammad Salleh bin Haji Ahmad (2002), *Usul Fiqh dan Qawa'id Fiqhiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.

- Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor :Sri Elila Resources.
- Irdhina @ Martini binti Haji Wasli (2007), “Program Penempatan dan Lawatan Kerja Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam Ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia” (Kertas Laporan, 30 Jan- 2 Feb 2007).
- Ismail Mat (1999), “Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Dalam Konteks Kerjasama Negara-Negara Asean Abad Ke-21”, dalam Muda@ Ismail Abd.Rahman *et. al.* (eds.), *Cabaran Islam Di Abad Ke 21*. Terengganu: Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009), *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*,Kuala Lumpur:JAKIM
- Mahamad Arifin *et al.* (eds.) (2007), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, 12 Jil. Kuala Lumpur: DBP.
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid & Paizah Hj Ismail (2004), *Penghantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: APIUM.
- Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid (1993), *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Cetak (M)Sdn. Bhd.
- Mahmud Saedon Awang Othman (1994), “Pemelukan Islam Kanak-Kanak Di Bawah Seksyen 70 Rang Undang-Undang Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor”, *Al-Ahkam*, Jil. 4, 1994.
- Mahmud Saedon b Awang Othman (2003), *Jejak-Jejak*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Mahmud Saedon Awang Othman (1996), *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam (2008), *Kuasa, Tugas dan Tanggung jawab J.M.U.I.B*. Brunei: Majlis Ugama Islam.
- Manual Prosedur Kerja (t.t), Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan Dan Ruju’ Orang Islam Negara Brunei Darussalam. Brunei:MRS
- M.B. Hooker (1991), *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Md Zain bin Haji Serudin (1996), *Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislamannya*, Brunei: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Metussin bin Haji Baki (ed) (2005), *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri, Brunei Darussalam.
- Mimi Kamariah Majid (1992), *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia*. Malaysia: Butterworths Asia.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, “Seksyen Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976: Kesan dan Implikasinya Terhadap Pemeluk Islam”, *Jurnal Tasawwur Islam*, Jil.4 , Sept. 2004.
- Mohd. Yusof Halim (2009), “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah : Analisa Kes Mohd.Jamil Abas bin Abdullah @ James Chiew Siew Hua dan Sandy M.Chiew @ Martinez” (Kertas Kerja Bengkel Undang-Undang Acara Mal , anjuran Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, NBD, bertempat di Jame A’sri Hassanil Bolkihah, 17-20 Julai 2009).
- Mohamad Som bin Sujimon *et.al* (2007), *Fikah Kekeluargaan*. Kuala Lumpur:UIAM.
- Muhammad Idris Abdul Raub al-Marbawi (t.t), *Kamus Idris al-Marbawi*. Singapore: Pustaka National Singapore.
- Mughniyah, Muhammad Jawad (2008), *Fiqih Lima Mazhab*. Masykur A.B *et.al* (terj.). Jakarta:Lentera.
- Muh. Tasril (2002), “Konversi Beragama Dalam Sejarah Islam (Kasus Masa Mekah 610-622M)”, *Al-Tahrir (Jurnal Pemikiran Islam)*, Vol.2 No 2, Julai 2002.
- Musthofa Rahman, M.Ag. (2003), *Anak Luar Nikah– Status dan Implikasi Hukumnya*. Jakarta: ATMAJA.
- Najibah Mohd Zin (ed.) (2009), *Undang-Undang Keluarga & Prosedur*. Kuala Lumpur:UIAM.
- Nurhidayah Muhd Hashim (2006), *Perceraian Secara Fasakh: Konsep Dan Amalan Di Malaysia*, Shah Alam:Upena UiTm.
- Awang Abdul Aziz bin Juned (2003), *Fatwa Mufti Kerajaan 2002*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan, JPM, Negara Brunei Darussalam.
- Pengiran Haji Mohammad Pengiran Haji Abd Rahman (1992), *Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengiran Dr.Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (2001), *Islam Di Brunei Darussalam*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raihanah Abdullah (2007), “Prosedur Perkahwinan”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Raihanah Hj. Abdullah (2003), “Berpoligami: Antara Hak Suami dan Hak Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia”, *Jurnal Syariah* , Jil.2 Bil. 1, Januari 2003.

Salleh Ismail (2003), *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsuddin Suhor *et al.* (eds.) (2007), *Undang-Undang Keluarga (Sivil)*, 9 j. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Shamsiah Md Supi (ed.) (2005), *Asas Dan Kerangka Perundangan Negara Islam-Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Suwaid bin Tapah (1996), “Pemelukan Islam:Perbincangan daripada Perspektif Undang-undang di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 4, Januari 1996.

Tajul Aris Ahmad Bustami *et al.* (2001), *Administration of Islamic Law in Malaysia – Text and Material*, Kuala Lumpur : MLJ.

Tajul Aris Ahmad Bustami *et al.* (eds) (2005), *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: DBP.

Pusat dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama,(t.t) “Pencapaian Dua Dekad Pusat Da’wah Islamiah” , Brunei Darussalam: PDI .

DISERTASI SARJANA

Johar bin Muhamad (2006), ‘*Talak Dan Tuntutan-Tuntutan Berkaitan Menurut Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam),1999, Brunei Darussalam*’ (Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia).

AKHBAR DAN MAJALAH

Asri Zainul Abidin (2009), “Anak Luar Nikah Harus Dibinkan Kepada Bapanya”, *Majalah al-Islam*, Mei 2009, Utusan Karya.

Berita Minggu, BMdua, Ogos 2, 2009: 2-3 “Saudara Kita Istilah lebih sesuai”.

Borneo Buletin, Tuesday, September 2, 2008:10 “13,919 Converts Have Embraced Islam Nationwide”.

Mohd. Nasaie Ismail (2009), Kontroversi Pathmanathan @ Riduan Abdullah. *Majalah Al-Islam*, Julai 2009.

New Straits Times, Friday, April 24, 2009 “Cabinet Decides on Marriage and Conversion”; Berita Harian, Jumaat: April 24, 2009 “Anak Ikut Agama Asal Ibu Bapa”.

Sinar Harian, Edisi Selangor & Kuala Lumpur, April 24, 2009 “Keputusan Kabinet dipersoal”.

MANUSKRIP

Bil: 82/MU/JUB/102-1965 Pt.1 Surat Majlis Ugama Islam Brunei kepada Pemohon yang bernama *Siti Norhadijah binti Abdullah @ Chong Swee Leng*, 29 Disember, 1998.

Bil. 06/2005 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, 17 Mei 2005.

Bil: Minit Bil:64 MMS/JKN/MAH/28/08-“Mualaf” MMS/JKN/2/51/2003.

Bil: 18/KTO/30/1986 Laporan Pengesahan Islam Pejabat Kadi Daerah Tutong,, 6 Februari, 2001.

Bil: 41/KTO/20/878/PT:6 Memorandum Pejabat Kadi Daerah Tutong, 19 November, 1999.

Bil. KHEU/UPI(P)/3/7 Surat daripada Dato Paduka Seri Setia Prof. Dr. Hj Mahmud Saedon bin Awang Othman kepada Kadi Besar Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, NBD, 11 November, 1999.

Bil (16) dlm.MKB/JUB/13/1967, Pt.6. Fail MajlisUgama Islam Brunei, 29 September 1986.

Keputusan Mahkamah Kadi Daerah Belait (Pengiran Hj Md.Tashim bin Pengiran Hj Hassan), 13 Januari 1998.

LAMAN WEB

http://en.wikipedia.org/wiki/Conversion_to_Islam, 24 Januari 2009.

<http://www.religious-affairs.gov.bn>.

<http://www.religious-affairs.gov.bn>.

TEMUBUAL

Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Aliakbar, Penolong Pendaftar di Pejabat Mahkamah Rayuan Syariah. Temubual pada 11 April dan 10 Ogos 2009.

Rasidah binti Hj Apong, Pegawai di Bahagian Undang-Undang, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei. Temubual pada 21 Februari 2009.

Hjh Zuraina binti DSS Haji Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei Muara. Temubual pada 15 April 2009.

Hj Md. Shah bin Hj Taib, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait. Temubual pada 18 April 2009.

Norain binti Haji Md Yassin, Pegawai di Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru, Bhg Pengislaman dan Pemeliharaan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah, Kg.Pulaie, Jalan Kebangsaan, NBD. Temubual pada 18 Ogos 2008.

Dayangku Masni binti Pengiran Bahar, Magistrate Kanan di Mahkamah Magistrate, Brunei Darussalam. Temubual pada 22 Julai 2009.

Pengiran Haji Badaruddin bin Pengiran Abdul Rahman, Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei Muara. Temubual pada 11 Ogos 2009.

Irdhina @ Martini binti Haji Wasli, Timbalan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian, Pembatalan dan Ruju' Orang Islam, Daerah Brunei Muara. Temu bual pada 11 Ogos 2009.

LAMPIRAN-“A”

STATISTIK PEMELUKAN ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM BERMULA JANUARI SEHINGGA JULAI 2009

| DAERAH BANGSA | BRUNEI MUARA | TUTONG | BELAIT | TEMBURONG | JUMLAH |
|-----------------------------|-----------------|-----------|-----------|-----------|------------|
| IBAN | 23 | 14 | 43 | 9 | 89 |
| DUSUN | 28 | 45 | 22 | 0 | 95 |
| MURUT | 5 | 2 | 0 | 0 | 7 |
| CINA | 17 | 12 | 9 | 0 | 38 |
| FILIPINA | 37 | 4 | 9 | 0 | 50 |
| THAILAND | 3 | 0 | 1 | 0 | 4 |
| ERSIN /ERPH | 1 | 1 | 2 | 0 | 4 |
| LAIN-LAIN | 7 | 5 | 5 | 0 | 17 |
| JUMLAH | 121 | 83 | 91 | 9 | 304 |
| UGAMA | | | | | |
| KRISTIAN | 54 | 7 | 21 | 1 | 83 |
| BUDDHA | 20 | 4 | 5 | 0 | 29 |
| HINDU | 5 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| TIDAK BERUGAMA | 42 | 72 | 65 | 8 | 187 |
| LAIN-LAIN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 121 | 83 | 91 | 9 | 304 |
| KERAKYATAN | | | | | |
| BRUNEI (K) | 52 | 62 | 44 | 1 | 159 |
| PENDUDUK TETAP (U) | 12 | 6 | 21 | 5 | 44 |
| PENDUDUK SEMENTARA (H) | 57 | 15 | 26 | 3 | 101 |
| JUMLAH | 121 | 83 | 91 | 9 | 304 |

PENYATA pengislaman mengikut puak/bangsa, agama asal dan kerakyatan seluruh negara dari bulan Januari hingga julai 2009 . (Sumber :Pelita Brunei, 2 Sept 2009)

LAMPIRAN- "B"

STATISTIK KES PENGESAHAN MURTAD YANG DISABITKAN DI MAHKAMAH - MAHKAMAH SYARIAH SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 1993 – 2008

| MAHKAMAH | 1 9 9 3 | 1 9 9 4 | 1 9 9 5 | 1 9 9 6 | 1 9 9 7 | 1 9 9 8 | 1 9 9 9 | 2 0 0 0 | 2 0 0 1 | 2 0 0 2 | 2 0 0 3 | 2 0 0 4 | 2 0 0 5 | 2 0 0 6 | 2 0 0 7 | 2 0 0 8 | JUMLAH |
|--------------------------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|--------|
| TINGGI SYARIAH | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 1 | 3 |
| RENDAH SYARIAH BRUNEI MUARA | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 1 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| RENDAH SYARIAH BELAIT | 3 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| RENDAH SYARIAH TUTONG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| RENDAH SYARIAH TEMBURONG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 3 | 0 | 0 | 1 | 2 | 2 | 1 | 2 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 2 | 1 | 16 |

SUMBER DIPEROLEHI DARIPADA BAHAGIAN REKOD PEJABAT MAHKAMAH
RAYUAN SYARIAH BRUNEI DARUSSALAM : (USTAZ HAJI SAHRUL BAHAR
BIN HAJI SULAIMAN) PADA 30 OKTOBER 2009.

LAMPIRAN-“C”

AKTA TAFSIRAN DAN PERKARA-PERKARA AM, PENGGAL 4

Antara lain akta tersebut menyebut, bab 1;

“(1) Save where the contrary intention appears, the provisions of this Act shall apply to this Act and to any written law now or hereafter in force made by competent authority in Brunei Darussalam, and to any instrument made or issued thereunder.

(2) This Act shall be binding on the Government.”

Special provision in marginal notes.

7 (4) This section shall not apply to marginal notes contained in an amending Act, or in any written law which amends another written law; and, in such case, references to a Part, section or other division which does not contain a reference to the written law of which such Part, section or other division forms part shall be deemed to refer to the Principal Act or other written law which is being amended.

Purposive interpretation of written law and use of extrinsic materials.

7A. (1) In the interpretation of a provision of a written law, an interpretation that would promote the purpose or object underlying the written law (whether that purpose or object is expressly stated in the written law or not) shall be preferred to an interpretation that would not promote that purpose or object.

(2) Subject to subsection (4), in the interpretation of a provision of a written law, if any material not forming part of the written law is capable of assisting in the ascertainment of the meaning of the provision, consideration may be given to that material -

(a) to confirm that the meaning of the provision is the ordinary meaning conveyed by the text of the provision taking into account its context in the written law and the purpose or object underlying the written law; or

(b) to ascertain the meaning of the provision when –

(i) the provision is ambiguous or obscure; or

(ii) the ordinary meaning conveyed by the text of the provision taking into account its context in the written law and the purpose or object underlying the written law leads to a result that is manifestly absurd or unreasonable.

(3) Without limiting the generality of subsection (2), the material that may be considered in accordance with that subsection in the interpretation of a provision of a written law shall include –

- (a) all matters not forming part of the written law that are set out in the document containing the text of the written law as printed by the Government Printer;
- (b) any explanatory statement relating to the Bill containing the provision;
- (c) any official speech, remarks or address by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;
- (d) any relevant material in any official record of debates in Legislative Council;
- (e) any treaty or other international agreement that is referred to in the written law; and
- (f) any document that is declared by the written law to be a relevant document for the purposes of this section.

(4) In determining whether consideration should be given to any material in accordance with subsection (2), or in determining the weight to be given to any such material, regard shall be had, in addition to any other relevant matters, to –

- (a) the desirability of persons being able to rely on the ordinary meaning conveyed by the text of the provision taking into account its context in the written law and the purpose or object underlying the written law; and
- (b) the need to avoid prolonging legal or other proceedings without compensating advantage.

LAMPIRAN-“D”

PERINTAH DARURAT (UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM), 1999

Bab 54 ada menyebut seperti berikut;

(1) Tiap-tiap Pendaftar dan Ketua Pendaftar hendaklah masing-masing menyenggara suatu Daftar Perceraian, Pembatalan dan Ruju' dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dengan serta merta mencatatkan di dalamnya butir-butir yang ditetapkan mengenai semua perintah perceraian dan pembatalan yang dihantar kepadanya di bawah cerai (2) dan mengenai semua perintah perceraian dan pembatalan yang dipohonkan di bawah cerai (3) untuk didaftarkan.

(2) Tiap-tiap Mahkamah yang memberikan dan merekodkan sesuatu perintah perceraian atau pembatalan atau yang membenarkan dan merekodkan sesuatu talaq atau sebarang bentuk lain perceraian hendaklah dengan serta-merta menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

(3) Jika sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan dalam Negara Brunei Darussalam dibubarkan atau dibatalkan dengan suatu perintah Mahkamah yang layak berbidang kuasa di luar Negara Brunei Darussalam, salah satu pihak itu boleh memohon kepada Pendaftar yang berkenaan dalam borang yang ditetapkan untuk didaftarkan perintah itu, dan Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah mendaftarkan perintah itu apabila berpuas hati bahawa perintah itu adalah satu perintah yang seharusnya diiktiraf sebagai sah bagi maksud undang-undang Negara Brunei Darussalam.

(4) Jika sesuatu lafaz talaq di hadapan Mahkamah atau sesuatu perintah perceraian atau pembatalan, di mana sahaja ia diberikan, telah membubarkan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan dalam Negara Brunei Darussalam dan telah didaftarkan di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sebelum Perintah ini, Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah, apabila mendaftarkan talaq atau perintah itu, mengarahkan supaya catatan mengenai perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan ditandakan dengan perkataan “Dibubarkan” dan dengan rujukan mengenai perbicaraan dalam mana talaq itu telah dilafazkan atau perintah itu telah dibuat.

(5) Apabila mendaftarkan sesuatu talaq atau perintah perceraian dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Pendaftar hendaklah mengeluarkan Sijil Cerai dalam borang yang ditetapkan kepada kedua-dua pihak.

(6) Apabila mendaftarkan sesuatu talaq atau perintah pembatalan Pendaftar hendaklah mengeluarkan surat pembatalan kepada kepada kedua-dua pihak

